

M e m o i r

Shamsiah Fakeh



Shamsiah Fakeh, 2004

M e m o i r

Shamsiah Fakeh

Dari AWAS ke Rejimen Ke-10

PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

BANGI • 2004

<http://www.penerbit.ukm.my>

Cetakan Pertama / First Printing, 2004
Hak cipta / Copyright Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit UKM terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Penerbit UKM

Diterbitkan di Malaysia oleh / Published in Malaysia by
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor D. E. Malaysia
<http://www.penerbit.ukm.my>
e-mel: penerbit@pkrscc.ck.ukm.my

Penerbit UKM adalah anggota / is a member of the
PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA /
MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION
No. Ahli / Membership No. 198302

Dicetak di Malaysia oleh / Printed in Malaysia by
AMPANG PRESS SDN. BHD.
6 & 8, Jalan 6/91, Taman Shamelin Perkasa
Batu 3½ Jalan Cheras
56100 Kuala Lumpur, MALAYSIA
e-mel: ampangpress@po.jaring.my

Perpustakaan Negara Malaysia

Data-Pengkatalogan-dalam-Penerbitan /
Cataloguing-in-Publication Data

Memoir Shamsiah Fakeh : dari AWAS ke Rejimen ke-10
(Siri memoir UKM)

Mengandungi indeks

1. Shamsiah Fakeh, 1924-. 2. Nationalists--Malaysia--Biography.
3. Opposition (Political science)--Malaysia--Biography. 4. Malaysia--Politics and government--History. I. Judul : Memoir Shamsiah Fakeh : dari AWAS ke Rejimen ke-10. II. Siri.

923.29595

CH A

ISBN 967-942-659-9

M
1163626

29 NOV 2004
Perpustakaan Negara
Malaysia



Siri Memoir Universiti Kebangsaan Malaysia

- Arena Wati. 1991. *Memoir Arena Wati: Enda Gulingku*. ISBN 967-942-16-X
- A. Samad Ismail. 1993. *Memoir A. Samad Ismail di Singapura*. ISBN 967-942-266-6(kkt), ISBN 967-942-263-1
- Mohd. Asri Muda. 1993. *Memoir Politik Asri: Meniti Arus*. ISBN 967-942-267-4
- Khatijah Sidek. 1995. *Memoir Khatijah Sidek: Puteri Kesateria Bangsa*. ISBN 967-942-308-5(kkt), ISBN 967-942-309-3
- Shaharom Husain. 1996. *Memoir Shaharom Husain: Selingkar Kenangan Abadi*. ISBN 967-942-332-8(kkt), ISBN 967-942-331-X
- Ishak Hj. Muhammad. 1996. *Memoir Pak Sako: Putera Gunung Tahan*. ISBN 967-942-334-4(kkt), ISBN 967-942-333-6
- Takao Fusayama. 1997. *Memoir of Takao Fusayama: A Japanese Soldier in Malaya and Sumatera*. ISBN 967-942-342-5
- Mohd. Zamperi A. Malek. 1998. *Biografi Jins Shamsudin: Suria Kencana*. ISBN 967-942-398-0(kkt), ISBN 967-942-395-6
- Abdul Halim Nasir. 1998. *Memoir Abdul Halim Nasir: Dari Kampung Sekolah ke Menara Gading*. ISBN 967-942-394(kkt), ISBN 967-942-393-X
- Mohd. Zamperi A. Malek. 1999. *Harimau Malaya: Biografi Tengku Mahmood Mahyiddeen*. ISBN 967-942-432-4
- Hickling R. H. 2000. *Memoir of a Wayward Lawyer*. ISBN 967-942-468-5
- Khatijah Sidek. 2001. *Memoir of Khatijah Sidek: Puteri Kesateria Bangsa*. ISBN 967-942-464-2(kkt), ISBN 967-942-544-4
- Kalam Hamidi. 2001. *Memoir Kalam Hamidi: Dari Panggung Victoria ke Istana Budaya*. ISBN 967-942-556-8(kkt)
- Harun Johari. 2002. *Memoir Penghulu Dato' Zainal Abidin Lati*. ISBN 967-942-564-9

- Zurinah Hassan. 2003. *Memoir Zurinah Hassan: Menjejak Puisi*. ISBN 967-942-602-5
- Kalam Hamidi. 2003. *Fatamorgana: Kembara dari Nusantara ke Eropah*. ISBN 967-942-624-6
- Anwar Abdullah. 2004. *Biografi Dato' Onn: Hidup Melayu*. ISBN 967-942-645-9(kkt), ISBN 967-942-648-3
- Ahmad Boestamam. 2004. *Memoir Ahmad Boestamam: Merdeka dengan Darah dalam Api*. ISBN 967-942-612-6 (kkt/paper back), ISBN 967-942-620-3 (kk/hard cover)
- Hamzah Hussin. 2004 (Cetakan Kedua). *Memoir Hamzah Hussin: Dari Keris Filem ke Studio Merdeka*. ISBN 967-942-360-3 (kkt/paper back), ISBN 967-942-358-1 (kk/hard cover)
- Ghazali Shafie. 2004 (Cetakan Kedua). *Ghazali Shafie's Memoir on the Formation of Malaysia*. ISBN 967-942-364-6(kkt/paper back), ISBN 967-942-363-8(kk/hard cover)
- Shamsiah Fakeh. 2004. *Memoir Shamsiah Fakeh: Dari AWAS ke Rejimen Ke-10*. ISBN 967-942-659-9

K a n d u n g a n

Senarai Gambar . . . 9
Prakata . . . 11

- 1 Latar Belakang Kehidupanku . . . 15
- 2 Pendidikan, Perkahwinan dan Perceraianku . . . 18
- 3 Kunjungan Pasukan Bintang Tiga . . . 22
- 4 Perkahwinan Kedua . . . 25
- 5 Mencebur Diri dalam Perjuangan . . . 29
- 6 Ketua Wanita PKMM di Kuala Lumpur . . . 33
- 7 Kesedaran Wanita . . . 36
- 8 Bernikah dengan Ahmad Boestamam . . . 40
- 9 Kongres Pertama AWAS . . . 46
- 10 Sedikit Tentang Gabungan PUTERA-AMCJA . . . 48
- 11 Undang-undang Darurat diisytiharkan . . . 52
- 12 Peristiwa Sesat Kali Pertama . . . 57
- 13 Berdirinya Tentera Pembelaan Nasional Malaya dan Penubuhan Rejimen Ke-10 . . . 65
- 14 Perjalanan ke Sempadan Malaysia-Thailand . . . 782
- 15 Aku dan Barisan 33 Pemuda UMNO . . . 84
- 16 Aku dihantar ke China . . . 89

17	Keadaan Semasa di China . . .	93
18	Penubuhan Perwakilan Liga Pembebasan Nasional Malaya di Indonesia . . .	97
19	Situasi Positif dan Negatif di Indonesia . . .	104
20	Situasi Tegang di Indonesia . . .	107
21	Anggota Perwakilan Liga di Indonesia Ditangkap . . .	111
22	Pergolakan Dalaman PKM . . .	116
23	Merindui Tanah Air . . .	121
24	Perubahan Polisi Kerajaan Malaysia . . .	124
● 25	Aku Sekeluarga diizinkan Pulang oleh Kerajaan Malaysia . . .	126
	<i>Indeks . . .</i>	133

Senarai Gambar

Gambar antara halaman 32 dan 33

GAMBAR 1 Shamsiah berumur 13 tahun bersama ibunya Sa'amah Nonggok dan adiknya Haji Ramli

GAMBAR 2 Dr. Burhanuddin, Ahmad Boestamam dan Shamsiah Fakeh semasa merasmikan cawangan PKMM di Kuala Pilah

GAMBAR 3 Shamsiah dan Ibrahim di Taman Bei Hai, Beijing, China

GAMBAR 4 Ibrahim di depan Rumah Peranginan di Qing Dao, Shantung, Taman Laut, China pada 1957

GAMBAR 5 Shamsiah dan Ibrahim di Asrama Pakar, Radio Beijing

GAMBAR 6 Ibrahim bersama-sama pakar Radio Peking dari Laos, Kemboja dan Vietnam

GAMBAR 7 Tiga orang kader Melayu PKM

GAMBAR 8 Nathan (anggota PKM keturunan India), Shamsiah dan Ibrahim Mohamad di Beijing pada 1959

GAMBAR 9 Sekeluarga, 1960

GAMBAR 10 Wajah wanita yang pernah menggegarkan dunia wanita Melayu dan menggegarkan belantara Malaya, 1960

GAMBAR 11 Wajah Shamsiah ketika di China, 1960

GAMBAR 12 Wajah Shamsiah ketika di Malaysia, 2004

GAMBAR 13 Shamsiah dan Ibrahim 1960 melawat kota Harbin

GAMBAR 14 Shamsiah dan Ibrahim di kota Chang Chun

GAMBAR 15 Shamsiah dan Ibrahim di Unity Garden, Hanoi

GAMBAR 16 Shamsiah dan Ibrahim di Kuala Lumpur, 2004

GAMBAR 17 Shamsiah bersama anak-anaknya

GAMBAR 18 Shamsiah sekeluarga pada November 1964

GAMBAR 19 Ibrahim Mohamad di "Persidangan Internasional Menyokong Rakyat Vietnam Melawan Pencerobohan Amerika Syarikat"

GAMBAR 20 Ibrahim Mohamad berucap di depan "Persidangan Internasional Menyokong Rakyat Vietnam Melawan pencerobohan Amerika Syarikat" di Hanoi

GAMBAR 21 Shamsiah dan Ibrahim di provinsi Guangdong, China Selatan pada awal 1965 sejurus sebelum bertolak ke Indonesia

GAMBAR 22 Shamsiah bersama-sama dengan anak-anak anggota PKM di China ketika berada di Podium Lapangan Tian An Men

GAMBAR 23 Asrama pekerja kilang Ball Bearing daerah Xiangtan, provinsi Hunan, 1972

GAMBAR 24 Shamsiah, Ibrahim dan cucu mereka Suriya di depan Lapangan Tian An Men yang terkenal di Beijing, China

GAMBAR 25 Shamsiah dan Ibrahim melawat rumah kediaman asal Ketua Mao-Tze-Dong di Shao San, provinsi Hunan, 1972

GAMBAR 26 Jamaluddin bersama Encik Asmawar (kiri), Setiausaha Pertama, Kedutaan Malaysia di China, 1988

GAMBAR 27 Selepas jamuan malam oleh Radio Beijing, di Beijing pada Mac 1989

GAMBAR 28 Jamaluddin, isteri dan anak mereka Jamalia, 1989

GAMBAR 29 Shamsiah, Suriya (cucu) dan Ibrahim. Di sebelah Ibrahim ialah Ketua Bahagian Asia, Radio Beijing, di hujung kiri ialah Haji Iliyas, Presiden Persatuan Islam China

GAMBAR 30 Menyambut ulang tahun ke-30 Siaran Bahasa Melayu Radio Beijing di Asrama Pakar, Radio Beijing, Mac 1989

GAMBAR 31 Ibrahim dan Shamsiah bersama cucu, Suriya (kiri) dan Jamalia (kanan) di rumah di Changsha, 1989

GAMBAR 32 Sambutan ke-30 Siaran Bahasa Melayu Radio Beijing di Beijing.

GAMBAR 33 Jamuan makan malam bersama Encik Hamid

GAMBAR 34 Ibrahim sedang menaip surat di rumahnya

GAMBAR 35 Jamaluddin (berkaca mata) bersama-sama kawan lama seasrama

GAMBAR 36 Jamaluddin di depan pintu lubang perlindungan serangan udara untuk pegawai dan petugas Suara Revolusi Malaya

GAMBAR 37 Kantin pegawai dan petugas Radio Suara Revolusi Malaya Radio PKM yang bertempat di daerah Yi Yang

GAMBAR 38 Koridor menuju tempat tinggal Setiausaha Agung

GAMBAR 39 Shamsiah dalam pelbagai wajah ketika di China

GAMBAR 40 Catatan Shamsiah Fakih tentang riwayat hidupnya

GAMBAR 41 Catatan asal kisah hidup dan perjuangan Shamsiah Fakih

GAMBAR 42 Keratan akhbar mengenai Shamsiah di pelbagai media cetak

Prakata

Riwayat hidupku ini mulai aku tulis pada Mei 1991. Ketika itu aku masih berada di China. Sejak 1987, telah banyak kisahku disiarkan di akhbar-akhbar dan majalah Malaysia. Ini bererti diriku telah mula ditonjol dan dipertikaikan. Nampaknya suatu perubahan telah berlaku.

Sebenarnya pada 1985 aku dan suamiku Ibrahim, anakku Jamaluddin serta cucuku Suriya telah pergi ke Kedutaan Malaysia di Beijing untuk menyampaikan permohonan kepada Kerajaan Malaysia agar aku sekeluarga dibenarkan pulang ke Malaysia. Selanjutnya beberapa pucuk surat permohonan telah disampaikan melalui Kedutaan Malaysia. Sehingga riwayatku ini mula ditulis, aku dengan sabar menunggu jawapan Kerajaan Malaysia selama enam tahun. Dari pihak Kedutaan Malaysia di Beijing, aku diberitahu bahawa permohonan kami itu sedang dalam pertimbangan kerajaan. Aku berdoa siang dan malam agar hasratku untuk pulang ke tanah air yang aku cintai itu akan terkabul.

Pada 7 Ogos 1987, surat khabar *Utusan Malaysia* telah menyiarkan pada muka depannya berita 'Surat Dari Anak Shamsiah Fakeh.' Berita ini disiarkan dengan ihsan pengarang akhbar *Utusan* atas permintaan anakku Kamaruddin agar akhbar tersebut sudi membantu untuk mencari keluargaku. Disiarkan juga gambar Kamaruddin.

Kemudian, ekoran dari berita pada 1987 itu, maka pada 15 Januari 1988, *Utusan Malaysia* telah menyiarkan pula pada muka hadapannya berita tentang 'Shamsiah Ingin Pulang.' Disiarkan juga dua keping gambar, iaitu gambarku bersama suamiku Ibrahim Mohammad pada tahun 1961 dan gambar aku dan suamiku serta anakku Jamaluddin dan isterinya Rohani sewaktu perkahwinan mereka pada 1987.

Dua berita yang tersiar dalam akhbar *Utusan Malaysia* yang disebut di atas tadi telah menimbulkan pelbagai macam reaksi iaitu ada yang menyatakan pro dan kontra terhadap keinginanku untuk pulang ke Malaysia. Berhasilkah atau tidak hajatku ini terserahlah kepada kerajaan dan masa untuk menentukannya.

Pada Disember 1989, terjadi pula suatu peristiwa bersejarah yang penting di dalam kehidupan politik di Malaysia. Suatu Perjanjian Damai di antara Kerajaan Malaysia dengan Parti Komunis Malaya (PKM) dan di antara Kerajaan Thailand dengan PKM telah ditandatangani di Haadyai, Selatan Thailand pada 2 Disember 1989. Perjanjian Damai peletakan senjata PKM ini telah menamatkan perperangan dalam negeri yang berlarutan selama 41 tahun. Perjanjian Damai ini telah mewujudkan keamanan di Malaysia. Ini disambut baik oleh semua lapisan masyarakat. Menurut Perjanjian Damai ini, semua bekas ahli dan tentera PKM dibenarkan pulang ke tanah air berdasarkan undang-undang Malaysia. Terciptanya keamanan ini telah melahirkan suatu situasi yang menguntungkan Kerajaan untuk menumpukan perhatiannya kepada pembangunan negara dan dalam usahanya memberikan kesejahteraan kepada rakyat.

Selanjutnya, di luar dugaanku bahawa seorang kawan seperjuangan lama di Beijing yang bekerja di Radio Beijing bahagian bahasa Melayu (siaran antarabangsa) iaitu Cikgu Mohd. Jamil Mialam telah mengirimkan fotostat artikel yang disiarkan oleh majalah *Dewan Masyarakat* keluaran Februari 1991 mengenai diriku. Seorang penulis (wartawan) wanita yang bernama Fatini Yaacob telah mengambil inisiatif untuk menulis kisah diriku. Di bawah tajuk 'Laporan Penyiasatan' dan 'Siapa Sebenarnya Shamsiah Fakeh?', majalah *Dewan Masyarakat*, keluaran Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia telah menyarkan kisahku sebanyak tujuh siri keluarannya iaitu mulai Februari hingga Ogos 1991. Dikatakan juga Fatini Yaacob ingin menghubungi Shamsiah Fakeh untuk mendapatkan keterangan secara langsung dari mulutnya sendiri.

Sudah tentu berita-berita dan tulisan-tulisan yang tersiar di akhbar-akhbar dan majalah-majalah itu telah menimbulkan perhatian dan perbahasan hangat di kalangan orang ramai. Sejauh mana kebenaran berita dan kisah itu biarlah dijelaskan oleh proses masa dan sejarah atau melalui penjelasan yang dapat aku ceritakan dalam riwayatku ini.

Sebenarnya aku bukanlah pemimpin wanita Parti Komunis Malaya atau seorang tokoh wanita yang terkemuka. Aku hanya seorang pejuang wanita yang berjuang melawan British untuk kemerdekaan tanah air dan untuk emansipasi (kebebasan) wanita.

Memang benar aku pernah menjadi Ketua Angkatan Wanita Sedar (AWAS) pada 1946 dahulu. AWAS berganding bahu dengan

Angkatan Pemuda Insaf (API), sebagai pertubuhan progresif wanita Melayu yang pertama di Malaya zaman itu, tampil ke hadapan mengibarkan panji-panji perjuangan kemerdekaan.

Orang-orang yang menghargai sumbangan pejuang-pejuang kemerdekaan atau nasionalis yang lalu tentu akan mempunyai perasaan yang sama dengan aku iaitu merasa bangga dan menghargai sumbangan pihak-pihak tertentu.

Sejarah ditulis oleh rakyat. Kita mesti berpegang kepada fakta (kenyataan) yang benar berlaku pada masa itu dan keadaan serta situasi ketika itu. Yang penting ialah membuat garis pemisah yang jelas di antara zaman sebelum Merdeka (zaman dijajah oleh imperialis British) dan zaman setelah Merdeka. Mencampuradukkannya membuat satu kekeliruan. Kita mesti kenal yang mana musuh dan yang mana kawan. United Front (Front Persatuan) juga tidak sama di antara zaman ini dan zaman dulu iaitu tergantung pada keadaan, masa dan tempat.

Bagaimanapun aku berpegang kepada realiti. Aku menghormati pilihan rakyat. Rakyat Malaysia telah memilih Barisan Nasional (BN) untuk membentuk kerajaan. Aku tidak boleh menyangkal kenyataan yang ada. Aku memilih jalan untuk balik ke tanah air. Aku pulang ke Malaysia pada 23 Julai 1994.

Bukanlah tujuanku menulis riwayatku ini untuk mendewakan diriku. Memang tidak ada apa-apa yang hendak aku dewa-dewakan. Aku tulis riwayatku ini secara garis kasar saja untuk ditinggalkan kepada anak-anak dan cucuku yang sering meminta aku berbuat demikian. Bolehlah anak-anak dan cucu-cucuku membandingkan kisahku ini dengan kisah dan berita-berita yang pernah tersiar dalam akhbar dan majalah di Malaysia. Yang baik dijadikan teladan, yang buruk dijadikan sempadan.

Usiaku pun sudah lanjut, sudah tua. Daya ingatanku pun sudah banyak berkurang. Aku juga sedang uzur. Aku bersama-sama suamiku Ibrahim, serta anak dan cucuku tinggal di Jalan Kelang Lama, Kuala Lumpur. Aku hanya mampu menulis setakat yang terdaya, setakat yang dapat aku ingati. Aku tulis secara sedikit demi sedikit dengan dibantu oleh suamiku. Akhirnya hasrat aku untuk menulis riwayatku ini tercapai. Amin!

Shamsiah Fakeh
Kuala Lumpur

Latar Belakang Kehidupanku



Aku dilahirkan pada tahun 1924 di Kampung Gemuruh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Sejak kecil aku diberi nama timangan "Che Yah" oleh keluarga dan saudara maraku. Ayahku bernama Fakeh Sultan Sulaiman. Orang kampung menggelarnya Fakeh Godang iaitu Fakeh Besar kerana tubuhnya besar. Menurut yang aku ketahui, ayahku berasal dari Sumatera, Indonesia. Ibuku bernama Saamah Nonggok. Aku adalah anak kedua dari lapan orang adik beradik yang seibu dan seapa. Yang masih hidup tiga lelaki dan lima perempuan. Aku masih ada dua orang kakak seapa tetapi berlainan ibu, hasil perkahwinan ayahku dengan isterinya yang pertama yang telah diceraikannya. Kakakku yang sulung bernama Fatimah dan kakak yang kedua bernama Rahimah. Kedua-dua orang kakakku ini telah meninggal dunia.

Adik beradikku yang seramai lapan orang itu ialah Mohd. Nur yang sulung, yang kedua ialah aku sendiri. Yang ketiga ialah Mohd. Ramli, keempat Mohd. Nasir, yang kelima Rabiah (Arbi), keenam Darwisah, ketujuh Nur Aminah dan yang kelapan ialah Nurbaiti. Nurbaiti iaitu adikku yang bongsu baru berumur dua tahun sewaktu aku tinggalkannya. Sehingga tahun 1991, sudah 43 tahun aku telah berpisah dengan ibu bapa dan adik beradikku.

Aku berasal dari keluarga yang miskin. Sejak kecil lagi aku ingin belajar ilmu pengetahuan sebanyak-banyaknya. Aku terdidik dalam masa panjang dengan pelajaran agama. Cita-citaku hendak belajar lebih tinggi tidak tercapai kerana pelbagai sebab. Yang terutamanya ialah kerana miskin. Pelajaranku terputus di tengah jalan kerana aku telah berkahwin.

Bapaku adalah seorang penjaja kecil. Kerjanya adalah meraih atau berjaya sayur-sayuran atau ikan dan juga menjual ubat-ubatannya sendiri. Tanggungjawab bapaku adalah berat kerana keluargaku ramai iaitu sepuluh orang semuanya. Untuk menyara kehidupan keluarga yang besar itu, bapaku harus bekerja keras.

Bapaku sering dikejar oleh polis kerana berjaya di kaki lima kedai tanpa lesen. Pernah juga bapaku ditahan di balai polis selama beberapa hari. Sering kali bapaku terpaksa mengayuh basikal sejauh belasan batu untuk mendapatkan barang-barang yang hendak dijualnya. Jika jualannya laris, maka legalah sedikit kehidupan kami sekeluarga. Tetapi tidaklah jarang jualan bapaku itu tidak laku sehingga dia terpaksa pulang dengan tangan kosong.

Untuk meringankan beban bapaku, ibuku juga terpaksa pergi berjaya kain yang disambut dari kedai besar. Pagi-pagi lagi ibuku telah keluar pergi berjaya dan balik pada waktu senja. Ibu juga selalu menemui pelbagai macam kesulitan. Kadang-kadang jualannya laku sedikit, kadang-kadang dia juga balik dengan tangan kosong kerana orang kampung juga miskin, maka ada pula yang berhutang. Tidaklah jarang yang mereka itu tidak dapat membayar hutang mereka tepat pada masa yang dianjikan. Hal ini menyebabkan ibuku terpaksa pergi berkali-kali untuk menagih hutang itu.

Pada 20 Jun 1948, Undang-undang Darurat telah diisyiharkan di seluruh Malaya oleh penjajah British. Penangkapan ke atas berbilik ahli politik dan pertubuhan yang dianggap radikal atau berfahaman kiri telah dilakukan serentak pada malam 20 Jun 1948 itu. Semua parti politik atau pertubuhan kiri telah diharamkan. Ini termasuklah AWAS.

Aku telah mlarikan diri ke dalam hutan untuk ikut serta dalam perjuangan bersenjata melawan penjajah British untuk memperjuangkan kemerdekaan Malaya. Masa itu aku berumur 24 tahun. Sejak itu aku telah meninggalkan ibu bapaku, keluarga dan kampung halamanku demi kemerdekaan tanah air. Ibu bapaku sudah lanjut usianya sewaktu aku tinggalkan mereka. Bapaku berusia dalam lingkungan 60 tahun dan ibuku dalam lingkungan 50 tahun.

Ketika aku berada di China iaitu pada tahun 1979, aku dapat membaca surat khabar *Utusan Malaysia* terbitan 27 September 1979 yang memberitakan bahawa ibuku, Saamah meninggal dunia pada pagi 26 September 1979 ketika berusia 80 tahun. Dikatakan bahawa adikku Mohd. Nasiruddin telah pergi sendiri ke pejabat *Utusan Melayu* untuk menyampaikan berita itu. Melalui berita itu Mohd. Nasir telah membuat seruan supaya aku menyerah diri. Sebelum ini dikatakan juga bahawa keluargaku telah beberapa kali membuat seruan yang serupa. Kerana aku berada di China dan tidak dapat membaca akhbar-akhbar Malaysia, maka aku tidak tahu menahu akan hal itu. Berita kematian ibuku itu aku dapat daripada

kiriman seorang sahabatku yang mendapat kiriman daripada keluarganya di Singapura.

Selanjutnya dari seorang kawan, aku mendapat berita bahawa bapaku juga telah meninggal dunia tetapi tidak jelas tarikhnya. Sesudah aku dapat menghubungi adikku Haji Ramli barulah aku ketahui bahawa bapaku telah meninggal dunia lebih awal lagi, iaitu pada tahun 1967.

Berita ini membuat aku merasa sangat sedih, suatu kesedihan yang sukar dibayangkan. Hukum alam menetapkan bahawa makhluk yang hidup pasti akan mati. Sebagai seorang pejuang, aku mesti menerima hakikat ini. Keadaan telah memaksa aku tidak dapat hadir sewaktu ibu bapaku menghembuskan nafasnya yang terakhir dan tidak dapat ikut serta dalam upacara pengkbumiannya. Rasa pedih dan sedih mesti aku atasi dengan penuh kesabaran dan keteguhan iman. Aku berdoa semoga rohnya dicucuri rahmat dan dimasukkan Allah dalam golongan orang-orang yang beriman.

Pendidikan, Perkahwinan dan Perceraianku



Aku mulai bersekolah Melayu pada 1931 di Sekolah Melayu Kampung Parit, Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Tidak lama kemudian aku berpindah pula belajar di Sekolah Melayu Bandar Kuala Pilah. Aku belajar sehingga darjah lima.

Pada 1938, iaitu ketika aku berumur 13 tahun, aku dihantar oleh bapaku belajar di sebuah sekolah agama di Madrasah Tudimiah, Padang Panjang, Sumatera Barat, iaitu Sekolah Agama Rahmah al-Yunusiah. Adikku Ramli juga ikut bersama-sama ku ke Sumatera. Ketika itu dia berumur sepuluh tahun. Aku tinggal di asrama sekolah agama tersebut sementara adikku Ramli tinggal bersama-sama bapa saudaraku Rahimin iaitu adik kandung bapaku.

Sekolah Agama Rahmah al-Yunusiah ini merupakan sekolah agama yang terkenal di Sumatera ketika itu. Selain mengajar soal-soal agama Islam, sekolah itu juga mendidik dan menanamkan semangat nasionalisme di kalangan generasi muda Indonesia.

Aku belajar di sekolah agama itu selama dua tahun lebih sahaja. Pada 1940 bapaku telah membawa aku kembali ke Tanah Melayu. Sepanjang yang aku ingat bahawa sebab-sebab bapaku membawa aku pulang ialah keadaan dunia yang semakin bergolak, tanda-tanda Perang Dunia Kedua akan meletus. Bapaku merasa tidak tenteram jika aku dan adikku Ramli berada di Sumatera. Ibu bapaku bimbang tentang keselamatan diriku. Sungguh sayang aku tidak dapat meneruskan pelajaranku.

Rupa-rupanya aku masih berpeluang melanjutkan pelajaran agamaku. Pada 1939, sebuah sekolah agama telah dibuka di Pelangai iaitu di daerah kediamanku di Kuala Pilah. Sekolah itu ialah Madrasah Aliyah Islamiah. Nama Inggerisnya ialah Islamic High School. Sekembalinya aku dari Sumatera, aku terus melanjutkan pelajaranku di sekolah ini.

Sekolah ini didirikan oleh Tuan Guru Mohammad Maadah Layang atau lebih dikenali dengan nama Lebai Maadah. Dikatakan bahawa Tuan Guru Lebai Maadah ini telah belajar agama Islam selama sepuluh tabun di Karachi, Pakistan dan mempunyai pengetahuan agama yang mendalam. Sekolah ini mendapat pengiktirafan dan bantuan dari Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan ketika itu iaitu Almarhum Tuanku Abdul Rahman ibni Almarhum Tuanku Mohammad Shah.

Lebai Maadah telah memperkenalkan cara baru dalam pengajarannya. Pengajian utama di sekolah ini ialah al-Quran dan hadis. Pengajian dimulakan dengan penterjemahan al-Quran secara perkataan demi perkataan iaitu secara harfiah. Para penuntut di sekolah ini termasuk aku sendiri sudah boleh menterjemah 30 juz al-Quran dalam masa satu tahun lebih. Seterusnya dalam masa tak sampai dua tahun, mereka mampu mentafsir 30 juz al-Quran itu. Bagaimanapun aku hanya dapat belajar selama setahun lebih saja di sekolah ini kerana aku berkahwin.

Perkahwinan Pertama

Pada 17 Ogos 1941, ketika aku masih belajar di Sekolah Agama Madrasah Aliyah Islamiah di Pelangai itu, aku telah berkahwin dengan seorang pemuda bernama Yasin Kina iaitu teman sekolahku yang sama-sama belajar di sekolah agama itu.

Perkahwinanku dengan Yasin Kina ini adalah atas dorongan dan pengaturan Tuan Guru Lebai Maadah. Menurut pengertianku, Lebai Maadah menggunakan cara ini untuk meluaskan ajaran agama sekolahnya demi untuk mendapatkan bantuan kewangan dari ibu bapa para pelajar yang terbabit, khasnya dan pelajar lain amnya.

Lebai Maadah memang kenal baik dengan ibu bapa Yasin Kina. Perundingan telah dilakukan oleh Lebai Maadah dengan ibu bapaku dan ibu bapa Yasin. Persetujuan semua pihak telah didapat. Sebagai gadis yang patuh dengan ibu bapa dan guru zaman itu, aku tiada pilihan melainkan bersetuju sahaja.

Suamiku yang pertama, Yasin Kina ini tidak mempunyai sebarang pekerjaan yang tetap. Hidupnya bergantung kepada wang kedua orang tuanya. Ibu bapa beliau adalah petani atau orang kampung yang berada. Meskipun aku berkahwin dengan anak orang berada, tetapi kehidupanku tidaklah senang. Sebab, Yasin tidak mempunyai sumber wangnya sendiri. Beliau sebenarnya tidak kaya. Wang yang didapatinya dari orang tuanya tidak seberapa, sama seperti kanak-kanak sekolah mendapat wang belanja sekolah setiap

hari daripada bapanya. Kadang-kadang Yasin dapat sepuluh ringgit, kadang-kadang dua puluh ringgit dari ibu atau bapanya sebulan. Bagaimana dia boleh menyara kehidupan aku sekeluarga? Yang kaya ibu bapanya bukan si Yasin. Jadi, walaupun aku berkahwin dengan anak orang kaya kampung, ini bukanlah bererti secara automatik aku menjadi kaya. Menurut berita, kemudian si Yasin Kina bekerja sebagai polis. Begitulah keadaan Yasin yang dikatakan anak orang kaya kampung, terpaksa menjadi polis sebagai mata pencariannya.

Sesudah aku berkahwin dengan Yasin, aku dikurniakan dengan dua orang anak. Seorang lelaki dan seorang perempuan. Anak sulung ialah perempuan bernama Noraini dan yang kedua lelaki bernama Abdul Munir.

Nasibku sungguh malang kerana kedua-dua orang anakku itu telah meninggal dunia ketika masih kecil lagi. Mereka diserang penyakit kekurangan zat makanan dan tidak mendapat rawatan serta pengubatan yang semestinya. Noraini meninggal dunia ketika berumur setahun setengah dan Abdul Munir meninggal dunia ketika berumur lapan bulan. Kehilangan dua orang anakku yang masih kecil ini sungguh memilukan hatiku. Kehidupan yang susah ketika itu menambahkan lagi penderitaan dan kesedihanku.

Bercerai dengan Yasin Kina

Setelah tiga tahun berkahwin dengan Yasin Kina, maka pada Jun 1944, aku telah diceraikan oleh si Yasin tanpa pengetahuanku. Ketika itu aku sedang hamil lapan bulan iaitu aku sedang mengandungkan anakku yang kedua. Waktu itu kami tinggal di rumah tumpangan di Pelangai.

Bagaimana caranya Yasin menceraikan aku? Beginilah ceritanya. Pada satu malam si Yasin tidak balik ke rumah sehingga pagi. Sudah puas aku menunggunya hingga sampai waktu sarapan pagi beliau tidak juga pulang. Setelah itu aku pun membuat kerja mengemas rumah. Sewaktu mengemas barang-barang, aku mendapati bahawa sebuah beg pakaian kepunyaan Yasin sudah tiada lagi. Apabila aku periksa lagi, aku dapati semua barangnya telah dibawanya pergi. Kelihatannya ada sesuatu yang tak kena telah berlaku.

Aku kemudian bertanya kepada seorang kakak angkatnya. Menurut kakaknya itu bahawa Yasin sudah balik ke kampung halamannya, Kampung Kepis. Nyatalah Yasin telah merancangkan hal ini untuk meninggalkan aku. Aku membuat persiapan untuk

balik ke Kuala Pilah ke rumah ibu bapaku. Dari Pelangai, aku terpaksa mengendong sebungkus pakaian berjalan pulang dalam keadaan sarat mengandung lapan bulan. Aku berjalan kaki sejauh lebih kurang empat batu. Begitulah kesukaran dan penderitaan yang aku alami ketika itu. Zaman itu tidak ada teksi atau bas, jauh sekali motokar sendiri.

Akhirnya aku sampai juga di tempat bapaku berniaga di kaki lima kedai di Kuala Pilah. Apabila bertemu dengan bapaku, beliau telah menyerahkan sepucuk surat dari Yasin kepadaku. Dalam suratnya itu, Yasin menyatakan bahawa beliau telah menceraikan aku dengan talak satu. Menurut keterangan bapaku bahawa Yasin telah datang menghantar dan memberikan surat itu kepadanya dan terus pergi tanpa berkata apa-apa.

Jelaslah bahawa si Yasin telah bertindak secara terancang dan mempunyai muslihat tertentu. Dia bukannya menceraikan aku dengan cara yang baik atau dengan cara seorang lelaki yang dadanya penuh pengetahuan Islam yang suci. Bagaimana Yasin boleh tergamac menceraikan seorang isteri yang sedang sarat mengandung lapan bulan? Menceraikan seorang isteri yang sedang hidup dalam kesusahan dan yang masih memerlukan bantuan suaminya? Apakah ini dikatakan seorang lelaki yang mempunyai akhlak yang baik dan mempunyai sifat perikemanusiaan?

Seminggu setelah aku diceraikan, aku bertemu dengan Yasin di pekan Kuala Pilah. Aku mengajak Yasin pergi ke rumahku. Suatu pertengkaran atau perang mulut telah berlaku. Aku mengutuk perbuatan Yasin yang kejam terhadap diriku. Yasin sedar yang dia bersalah. Dia hanya membatukan diri sahaja.

Tidak lama kemudian Yasin telah berkahwin dengan seorang gadis kampungnya. Sebenarnya ibu bapa Yasin sudah lama merancang hendak mengahwinkan Yasin dengan gadis di kampungnya. Ibu bapanya lebih suka kepada gadis kampung daripada gadis bandar agaknya.

Memang keadaanku seperti sudah jatuh ditimpa tangga. Setelah kehilangan anak, bercerai pula dengan suami. Begitulah keadaan tentang perceraianku yang pertama dengan suami pertama.

Suatu kesan yang mendalam terpendam di sanubariku iaitu kesan penindasan kaum lelaki terhadap wanita. Aku tidak tahu apakah ini perbuatan manusia ataukah sudah ditakdirkan bahawa wanita harus menerima penindasan kaum lelaki. Mungkin kesan mendalam ini merupakan asas keteguhanku dalam perjuangan selanjutnya. Demikianlah tentang perceraianku dengan suamiku yang pertama itu. Kisah ini akan aku sambung sedikit lagi setelah aku menceritakan suatu peristiwa di bawah ini.

Kunjungan Pasukan Bintang Tiga



Di sini aku ingin menceritakan suatu peristiwa yang aku alami sewaktu aku belum bercerai dengan Yasin Kina. Pada masa itu aku dan Yasin tinggal di sebuah pondok di Kampung Kepis iaitu kampung halaman Yasin. Pondok ini ialah pemberian keluarga Yasin setelah kami bernikah. Sewaktu tinggal di kampung ini, aku juga ikut menanam padi dan bercucuk tanam. Kerana sebelum ini aku belum pernah bekerja bercucuk tanam atau bersawah padi maka banyaklah kesusahan yang aku alami.

Pada suatu malam, ketika aku berada seorang diri di rumah kerana suamiku Yasin tiada di rumah, rumahku didatangi oleh orang yang lengkap bersenjata lebih kurang seramai 30 orang. Mereka tidak aku kenali. Dua orang daripadanya naik ke rumahku dan seorang daripadanya meletakkan sepucuk bren-gan di depan pintu. Aku merasa tersangat takut. Aku lihat pada topi mereka ada tiga bintang merah. Mereka itu semuanya berbangsa Cina. Dengan pelat Cina, seorang daripadanya mencuba memberi penerangan kepadaku. Dia memanggil aku kakak. Katanya, mereka adalah tentera rakyat Malaya yang melawan Jepun. Katanya lagi bahawa Jepun adalah jahat. Mereka telah menakluki negeri kita dan telah membunuh ramai rakyat yang tidak berdosa. Dia meminta supaya aku jangan takut kerana mereka adalah tentera rakyat dan berharap agar aku ikut membantu gerakan melawan Jepun.

Kedatangan pasukan Bintang Tiga ke rumahku ini ialah kerana hendak membeli beras. Aku memberitahu mereka bahawa aku tidak mempunyai beras atau padi yang banyak. Aku tunjukkan kepada mereka dua tiga buah bakul padiku yang tidak sampai satu guni. Nampaknya jelas benar bahawa padi yang ada hanya sedikit sahaja. Sebenarnya pada masa itu tanaman padi tidak menjadi.

Melihat keadaan itu mereka tidak jadi membeli berasku. Untuk tidak menghampaskan mereka, aku memberikan sedikit beras kepada mereka tanpa mengambil wang daripadanya. Mereka pun

beredar meninggalkan pondokku. Kemudiannya aku mengetahui bahawa pasukan Bintang Tiga itu adalah apa yang dinamakan Malayan People's Anti Japanese Army (MPAJA) iaitu Tentera Rakyat Malaya Anti-Jepun.

Selang empat hari sesudah kedatangan tentera MPAJA ke rumahku untuk kedua kalinya, ada khabar yang menyatakan bahawa seorang Melayu bernama Cikgu Tahar telah dilarikan oleh tentera anti-Jepun yang lebih dikenali dengan nama Bintang Tiga. Waktu itu aku tidak mengetahui mengapakah Cikgu Tahar diculik oleh Tentera Bintang Tiga. Beliau diculik pada waktu siang hari ketika sedang menunggang basikal bersama seorang kawannya. Kemungkinan dia telah menjadi anjing atau kakitangan Jepun. Itu saja yang dapat aku agak. Ketika itu aku masih buta politik dan tidak mengetahui kenapa Jepun hendak menakluki negeri orang, kenapa ada pihak hendak melawan Jepun dan macam-macam hal lagi tentang dunia dan politik yang masih asing bagiku.

Selepas peristiwa rumahku didatangi oleh Tentera Bintang Tiga buat kali kedua itu, aku merasa agak takut tinggal di rumah bersendirian. Ketika rumahku didatangi oleh Tentera Bintang Tiga sebagaimana yang aku ceritakan tadi, aku tinggal di Kampung Kepis. Rumah yang aku diami itu ialah rumah kecil tiang enam batang berlantaikan buluh dan berdinding kulit kayu yang dibina oleh ibu bapa Yasin untuk kami tinggal. Kampung Kepis itu ialah kampung halaman Yasin iaitu kira-kira 30 kilometer dari Kuala Pilah.

Kerana ketakutan dengan peristiwa di atas tadi, aku meminta kepada Yasin agar menghantar aku balik ke Kuala Pilah, ke rumah ibu bapaku. Aku dan Yasin tinggal di Kuala Pilah tidak lama. Aku kemudian pindah ke Pelangai iaitu menumpang di rumah usang yang tidak didiami orang. Di rumah inilah aku ditinggalkan oleh Yasin yang telah membuat perancangan secara teratur dan telah membawa lari beg pakaiannya meninggalkan aku sebagaimana yang telah aku ceritakan tentang Yasin tidak balik-balik ke rumah sampai pagi. Selanjutnya aku telah diceraikan.

Selang tidak berapa lama setelah kejadian malam itu, Tentera Bintang Tiga datang lagi ke rumahku pada waktu malam. Kebetulan pula kali ini suamiku si Yasin juga tidak ada di rumah. Mereka meminta air minuman. Kerana perasaan takut aku masih belum hilang, aku tidak berani membuka pintu. Aku hanya menghulurkan beberapa gayung air kepada mereka menerusi sebuah lubang. Setelah minum mereka meminta hendak membeli tebu yang ada ditanam di sekitar rumahku. Aku memberitahu

mereka bahawa tak payahlah mereka membelinya. Ambil saja tebu itu seberapa banyak yang mereka kehendaki. Kelihatannya mereka tidak mengambil tebu itu dan terus pergi meninggalkan rumahku. Tentera itu nampaknya mempunyai disiplin yang keras.

Perkahwinan Kedua



Pada 1944, ketika aku sudah menjadi seorang janda dan masih lagi di zaman pendudukan Jepun, dengan tidak disangka-sangka pada suatu hari aku telah menerima sepucuk surat yang memakai alamat namaku. Cuma tentang nama bapaku ditulis tidak lengkap iaitu Shamsiah Sutan. Masa itu aku fikir mungkin surat itu dikirim oleh teman sekolahku yang aku sudah lupa namanya. Dengan izin bapaku, surat itu aku buka untuk mengetahui isinya. Surat itu mengandungi propaganda Jepun iaitu tentang impian Jepun yang hendak membentuk Asia Timur Raya.

Sudah aku jelaskan bahawa pada masa pendudukan Jepun, aku masih buta politik. Kerana itu aku tidak ambil pusing tentang isi surat yang berisi propaganda Jepun itu. Cuma tentang propaganda itu saja yang aku ingat akan isi surat itu. Aku kemudian menulis surat balas menurut alamat yang diberikan. Di dalam surat itu aku bertanya kepada si penulis surat itu siapakah namanya yang sebenar. Tak lama sesudah itu aku telah menerima surat balasannya. Di dalam suratnya itu dilampirkan sekeping gambar seorang lelaki yang memakai nama J.M. Rusdi iaitu orang yang menulis surat itu. Beliau mengatakan yang dia berasal dari Sumatera. Si Rusdi ini kemudian datang ke Kuala Pilah menemui ibu bapaku dan seterusnya dia melamar aku. Lamarannya diterima oleh ibu bapaku yang juga mendapat persetujuanku. Dipendekkan cerita aku pun bernikah dengannya.

Sebenarnya sebelum aku berkahwin dengan Rusdi, ibu bapaku terlebih dulu telah berbual-bual dengannya. Ibu bapaku telah bertanyakan asal usulnya dan tentang pekerjaannya. Rusdi menyatakan bahawa dia berasal dari Sumatera iaitu dari tempat kampung halaman asal bapaku. Pekerjaannya ketika itu ialah bermiaga kain di Parit Buntar, Perak. Apabila saja bapaku mendengar cerita Rusdi yang mengatakan beliau berasal dari kampung halamannya sendiri, maka bapaku pun sangat tertarik

kepada pemuda ini. Sekaligus bapaku juga menaruh harapan sepenuhnya kepada si Rusdi ini. Agaknya kerana sifat fanatiknya kepada orang sekampung, maka tanpa banyak bicara bapaku bersetuju menerima lamarannya. Bapaku telah meminta pendapatku. Aku juga telah menyatakan persetujuanku tetapi dengan syarat Rusdi sanggup atau berjanji untuk menghantar aku belajar di sekolah agama di Bagan Serai. Syarat ini diterima oleh Rusdi.

Sedikit Sebanyak Tentang Sifat Si Rusdi

Setelah berkahwin, maka pada hari yang kedua, aku dibawa oleh Rusdi ke Parit Buntar di daerah Bagan Serai, Perak. Kami ke situ dengan kereta api. Ketika berada di dalam kereta api ini, barulah aku secara pandangan pertama mulai menyedari bahawa si Rusdi ini adalah seorang pemuda yang tidak baik akhlaknya. Dia nampaknya suka bermain-main dengan perempuan. Di dalam kereta api itu aku ditinggalkan duduk seorang diri. Dia duduk di tempat lain bergurau senda dengan beberapa orang perempuan tanpa segan silu di depan matakku.

Setelah sampai di Parit Buntar dan hidup bersama selama hampir dua bulan, aku mendapati memang si Rusdi ini orang yang suka berfoya-foya. Aku tidak jelas apakah pekerjaannya yang sebenar. Nyatalah apa yang dikatakan kepada bapaku yang kerjanya ialah berniaga kain itu adalah dusta semata-mata. Rusdi jarang-jarang balik ke rumah tempat kami tinggal. Jadi, aku selalu tinggal keseorangan.

Rumah tumpangan tempat aku tinggal itu sebenarnya adalah sebuah kedai milik seorang Banjar. Dia membuka kedai menjual kain-kain dan menjahit pakaian. Kedai itu tidak begitu besar. Di loteng kedai itu ada satu ruangan terbuka tanpa bilik atau sekatan. Di penjuru ruangan itulah aku tidur suami isteri dengan dua tiga orang lagi kawan Rusdi.

Tuan rumah dan beberapa orang kawan yang berada di situ pernah bertanya kepadaku tentang bagaimana aku boleh sampai berkahwin dengan Rusdi. Mereka merasa hairan dan memperlihatkan rasa simpati mereka terhadap keadaanku. Aku pun ceritakanlah semua halnya dari awal sampai akhir. Apabila mendengar ceritaku itu mereka mengucap panjang, tetapi tidak seorang pun berani berkata apa-apa tentang Rusdi. Aku rasa tentu ada sebabnya mereka tidak mahu buka mulut.

Ternyata perkahwinanku dengan Rusdi tidak mendatangkan kebahagiaan. Aku marah dan mengutuk diriku sendiri kerana kelemahanku yang ada pada diriku dalam soal mencari jodoh tanpa menyiasat dengan jelas keadaan bakal suamiku itu.

Menuntut Supaya Memenuhi Syarat Tentang Belajar Agama

Pada suatu hari aku memberitahu Rusdi tentang maksudku untuk melanjutkan pelajaran agama di Bagan Serai. Ini adalah syarat yang telah dipersetujui oleh Rusdi sewaktu hendak bernikah dengannya dahulu dan disaksikan juga oleh kedua orang tuaku.

Rusdi bersetuju untuk memenuhi syarat itu. Aku dan Rusdi serta seorang kawan Rusdi bernama Abdul Ghani iaitu seorang tukang jahit telah berpindah ke Bagan Serai. Setelah masalah untuk mendapatkan rumah selesai, aku pun mulai belajar agama di sekolah agama di Masjid Tinggi, Bagan Serai selama sebulan saja. Sementara itu si Abdul Ghani pula memulakan pekerjaannya sebagai tukang jahit pakaian. Abdul Ghani ini adalah juga seorang berketurunan Indonesia. Orangnya agak baik dan sentiasa simpati dengan keadaan yang aku alami. Banyak pertolongan yang diberikannya kepadaku semasa Rusdi tiada di rumah.

Tidak berapa lama setelah aku tinggal di Bagan Serai tiba-tiba pada suatu hari Rusdi memberitahu aku bahawa dia mempunyai urusan keluar ke tempat lain. Kali ini dia keluar meninggalkan aku hampir tiga bulan lamanya. Semasa Rusdi pergi, aku diamanahkan kepada kawannya Abdul Ghani untuk menjaga aku. Aku merasa sangat gelisah dan tidak sedap hati kerana kehidupanku hanya bergantung kepada belas ihsan dari si Abdul Ghani ini saja. Baik aku mahupun Abdul Ghani tidak menduga bahawa si Rusdi pergi sedemikian panjang masanya.

Tiba-tiba pada suatu malam, Rusdi balik ke rumah dalam keadaan gopoh gapah dan dalam keadaan cemas. Aku tidak tahu apa sebabnya. Rusdi menyuruh aku berkemas dan bersiap-siap untuk segera balik ke kampung halamanku di Kuala Pilah. Alasan yang diberikannya ialah bahawa dia mempunyai banyak urusan dan keadaan memaksa supaya dia segera meninggalkan tempat ini. Katanya masa sudah begitu mendesak dan aku mesti balik ke Kuala Pilah. Tak usahlah tanya-tanya banyak lagi, katanya. Beberapa hari kemudian aku pun dihantar balik ke Kuala Pilah.

Setelah sampai di rumahku di Kuala Pilah, aku diserahkannya kepada ibu bapaku. Katanya, "Shamsiah saya serahkan kembali kepada ayah dan ibu. Nampaknya jodoh pertemuan kami sampai di sini saja dan harap maaf." Bapaku bertanya apa sebab-sebabnya dan apakah kesalahan Shamsiah. Rusdi menyatakan Shamsiah tidak bersalah. Yang pentingnya ialah bahawa jodoh sudah habis. Jawab si Rusdi pendek saja.

Demikianlah perihal perkahwinan dan perceraianku yang kedua. Perkahwinanku ini hanya selama lima bulan saja. Setelah Jepun kalah dan British balik semula ke Malaya barulah aku tahu bahawa si Rusdi ini sebenarnya menjadi *spy* atau inteligen Jepun.

Mencebur Diri dalam Perjuangan



Setelah fasis Jepun menyerah kalah dalam Perang Dunia Kedua pada tahun 1945 dan kembalinya pemerintahan British ke Malaya, aku pergi lagi belajar agama di Bagan Serai, Perak selama enam bulan. Kali ini aku pergi ke situ dengan ditemani oleh adikku Haji Ramli dan kawannya bernama Hashim Ghani. Adikku Haji Ramli dan Hashim Ghani menjual bubur kacang untuk menambah wang perbelanjaan.

Sewaktu belajar agama di sekolah Bagan Serai inilah aku pernah mendengar ceramah dan penerangan tentang perjuangan menuntut kemerdekaan tanah air daripada penjajah British atau apa yang dikenali zaman itu sebagai soal gerakan nasionalis daripada seorang anggota pimpinan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) iaitu Wahi Anuwar.

Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) atau Malay Nationalist Party (MNP) pada ketika itu dianggap sebuah parti sayap kiri. Ramai juga orang-orang di tempat aku belajar itu yang menyokong PKMM. Sudah tentu ada juga pihak yang tidak suka. Dari sinilah, bermulanya aku tertarik kepada perjuangan kebangsaan atau perjuangan untuk menuntut kemerdekaan. Aku berhenti belajar agama dan balik ke kampungku di Kuala Pilah.

Pada tahun 1945 dan awal tahun 1946 iaitu sesudah tamatnya Perang Dunia Kedua dan kalahnya fasis Jepun di Asia, di Malaya buat pertama kalinya dalam sejarah telah muncul berbagai-bagai corak pertubuhan dan organisasi politik di kalangan orang Melayu. Dengan ringkas dikatakan bahawa di Malaya telah muncul parti politik yang bercorak kebangsaan yang memperjuangkan kemerdekaan tanah air. Pendek kata suatu gelombang perjuangan untuk menuntut kemerdekaan tanah air atau suatu gerakan nasionalisme telah bermula di arena politik tanah air kita yang sedang dijajah oleh imperialis British.

Sewaktu aku berada di Kampung Gemuruh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan, aku sering ikut dalam pertemuan yang dianjurkan oleh UMNO iaitu kependekan dari bahasa Inggeris, United Malaya National Organization. Sebenarnya dalam bahasa Melayunya ialah Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau singkatannya PEKEMBAR, tetapi pertubuhan ini lebih suka memakai nama UMNO. Seterusnya nama UMNO saja yang digunakan sehingga sekarang.

Dari sejak itulah aku mula tertarik kepada gerakan nasionalis. Semangat aku untuk ikut memperjuangkan kemerdekaan tanah air semakin meluap-luap. Aku tidak tahu mengapa aku begitu tertarik kepada gerakan kebangsaan ketika itu. Mungkin juga ada unsur-unsur didikan nasionalisme yang pernah aku terima sewaktu aku belajar di Madrasatul Tuddimiah Padang Panjang, Sumatera dulu iaitu dikenali dengan Sekolah Agama Rahmah al-Yunusiah.

Selain daripada mendengar ceramah daripada kalangan orang UMNO, aku juga didatangi oleh wakil atau aktivis Parti Kebangsaan Melayu Malaya. Aku juga ikut dalam pertemuan-pertemuan yang dianjurkan oleh PKMM. Dalam salah satu pertemuan PKMM di Seremban, aku pernah membuat ucapan dan ucapanku itu telah disiarkan dalam surat khabar.

Sehingga pertengahan tahun 1946 iaitu setelah berdirinya UMNO pada 11 Mei 1946, maka di Malaya ketika itu hanya ada dua buah parti politik kebangsaan Melayu yang terbesar iaitu PKMM dan UMNO. Apa yang aku ketahui bahawa PKMM telah ditubuhkan di Ipoh, Perak pada tahun 1945. UMNO pada mulanya dipimpin oleh Dato' Onn Jaafar yang pada ketika itu menjadi Menteri Besar Johor sehingga tahun 1951. Selepas itu, Dato' Onn telah meninggalkan UMNO disebabkan cadangannya untuk membuka pintu UMNO kepada orang bukan Melayu ditolak. Setelah itu UMNO dipimpin oleh Tunku Abdul Rahman Putra. PKMM pula dipimpin oleh Dr. Burhanuddin Al-Helmy sebagai ketuanya dan Ishak Haji Muhammad sebagai timbalan ketuanya.

UMNO terdiri daripada gabungan berbagai-bagai organisasi Melayu yang ketika itu dianggap sebagai parti politik sayap kanan yang dipimpin oleh golongan bangsawan atau golongan atasan Melayu dan pegawai tinggi kerajaan. Seperkara yang menghairankan dan yang menyedihiakan ialah parti UMNO ini mengambil politik dan pendirian yang bekerjasama dengan penjajah Inggeris dan menentang parti dan pertubuhan kebangsaan sayap kiri. UMNO mulanya memakai semboyan 'Hidup Melayu' dan menentang semboyan 'Merdeka.' Dipandang daripada pengertian

politik orang revolucioner, bahawa UMNO pada masa itu adalah parti reaksioner. Sejarah telah membuktikan bahawa dalam perjuangan menuntut kemerdekaan, tidak ada ahli UMNO yang ditangkap atau yang dipenjarakan oleh kerajaan penjajah British. Apatah lagi tiada seorang pun yang mati di tali gantung.

Aku dan kawan-kawan seperjuanganku ketika itu merasa amat hairan terhadap politik UMNO ketika itu yang antigerakan nasionalis sayap kiri dan antisemboyan 'Merdeka.' Itulah politik UMNO yang sebenarnya pada ketika itu. Sepatutnya UMNO bersatu dengan PKMM dan pertubuhan lain yang memperjuangkan kemerdekaan. Tetapi sebaliknya UMNO telah bekerjasama dengan penjajah, menentang pertubuhan sayap kiri yang menentang penjajah masa itu.

Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) adalah parti politik yang bersifat kebangsaan yang progresif pada masa itu. Pada mulanya parti memperjuangkan politik 'Malaya-Indonesia satu' iaitu mahu Malaya dan Indonesia bersatu. PKMM memakai slogan 'Merdeka' dan memakai bendera merah putih. Tetapi perkembangan situasi politik selanjutnya telah menghilangkan matlamat asalnya iaitu Malaya-Indonesia satu. Ertinya PKMM tidak terus memperjuangkan matlamat itu. Secara ringkas di arena politik tanah air kita Malaya, hanya ada dua buah parti nasionalis yang saling bertentangan iaitu PKMM dan UMNO. PKMM dianggap kiri dan UMNO dianggap kanan.

Orang-orang dari parti atau pertubuhan kiri ini sentiasa difitnah oleh orang-orang dari parti UMNO. Pihak kerajaan penjajah British pula sentiasa mengawasi dan menakut-nakutkan anggota-anggota daripada pertubuhan kiri.

Dalam sejarah perjuangan kebangsaan zaman penjajah British berkuasa dulu, hanyalah anggota dan aktivis daripada parti politik sayap kiri atau organisasi massa yang progresif sahaja yang pernah ditangkap, dipenjarakan dan dihukum gantung oleh penjajah. Tentang pengorbanan ini akan aku ceritakan lagi dalam riwayatku dalam bahagian selanjutnya.

Sewaktu aku berada di kampung halamanku di Kuala Pilah, aku sering dihubungi oleh pemimpin dan petugas PKMM peringkat Negeri Sembilan di Seremban seperti Zahid Karim dan lain-lain. Sedangkan dari peringkat pusat pula aku pernah dihubungi oleh Musa Ahmad dan lain-lain lagi. Wakil PKMM di Seremban, Zahid Karim selalu memberitahu dan menghubungi aku supaya aku ikut serta dalam pertemuan atau ceramah yang diadakan di Seremban. Setelah meminta izin dari bapaku, aku sering pergi mengikuti ceramah atau pertemuan itu. Bapaku tetap memberi sokongan

kepadaku dalam kegiatan memperjuangkan kemerdekaan. Dengan demikian aku mempunyai kebebasan yang penuh untuk berjuang.

Aku mula ikut sama-sama berbincang dengan pemimpin PKMM di Seremban dan juga pemimpin pusat seperti Musa Ahmad. Aku pernah bertukar-tukar fikiran dengan Musa Ahmad yang ketika itu mewakili PKMM Pusat.

Sekitar tahun 1945 dan awal tahun 1946 itulah aku mulai aktif menceburkan diri dalam gerakan nasionalis. Aku masuk PKMM kerana menurut tanggapanku, PKMM adalah sebuah parti yang progresif dan berpendirian melawan penjajah. Kerana itu sebagaimana anggota pertubuhan kiri yang lain, aku sering diejek, dicera dan difitnah oleh orang UMNO. Pada pertengahan tahun 1946 aku menerima sepucuk surat daripada Musa Ahmad yang meminta aku datang ke ibu pejabat PKMM di Kuala Lumpur untuk memegang jawatan ketua bahagian wanita PKMM.

Sebenarnya soal pergi ke Kuala Lumpur untuk mengambil bahagian dalam pekerjaan memimpin bahagian wanita PKMM ini telah disuarakan oleh Musa Ahmad ketika kami berbincang di salah satu pertemuan PKMM di Seremban. Musa Ahmad telah meminta pertimbangan dan persetujuan aku supaya pergi ke ibu pejabat PKMM untuk mengetuai jabatan wanita. Jawatan itu telah dikosongkan oleh Aishah Ghani. Aku telah pun memberikan persetujuan awal. Tetapi aku juga telah menyatakan kepada Musa Ahmad bahawa aku perlu meminta izin ibu bapaku terlebih dahulu sebelum membuat keputusan terakhir. Musa Ahmad yang ketika itu adalah Anggota Dewan Pimpinan PKMM dan seorang Pesuruhjaya PKMM Negeri Sembilan telah bersetuju dengan janji itu.



GAMBAR 1 Shamsiah berumur 13 tahun bersama ibunya Sa'amah Nonggok dan adiknya Haji Ramli sebelum kedua-duanya berlepas ke Sumatera pada 1938 untuk belajar di sana



GAMBAR 2 Dr. Burhanuddin bersama Ahmad Boestamam dan Shamsiah Fakeh semasa merasmikan cawangan PKMM di Kuala Pilah pada 1 Disember 1946



GAMBAR 3 Shamsiah dan Ibrahim di Taman Bei Hai, Beijing, China 1957 tidak lama setelah tiba di Beijing



GAMBAR 4 Ibrahim di depan Rumah Peranginan di Qing Dao, Shantung, Taman Laut, China pada 1957



GAMBAR 5 Shamsiah dan Ibrahim di Asrama Pakar, Radio Beijing setelah mula bertugas di sana pada Mac 1959 di Siaran Internasional Bahagian Bahasa Melayu



GAMBAR 6 Ibrahim bersama-sama pakar Radio Peking dari Laos, Kembuja dan Vietnam menelusuri Danau Barat (Danao Si Hu) di kota Hang Zhou provinsi Zhe Jiang, China musim panas 1959

GAMBAR 7 Tiga orang kader Melayu PKM yang dihantar belajar ke China. Dari kiri: Ibrahim Mohamad, Mohd. Amin (Allahyarham) dan Mohd. Jamil Mialam. Gambar diambil di depan Asrama Tiga, (San Suo), Beijing. 1959



GAMBAR 8 Tiga orang anggota PKM yang bekerja di Radio Beijing. Dari kiri, Nathan (anggota PKM keturunan India), Shamsiah dan Ibrahim Mohamad di Beijing pada 1959



GAMBAR 9 Sekeluarga, 1960



GAMBAR 10 Wajah wanita yang pernah menggegarkan dunia wanita Melayu dan menggegarkan belantara Malaya, 1960



GAMBAR 11
Wajah Shamsiah
ketika di China,
1960



GAMBAR 12 Wajah Shamsiah ketika di Malaysia, 2004

GAMBAR 13 Shamsiah dan Ibrahim 1960 melawat kota Harbin, provinsi Heilungjiang, Timur Laut China



GAMBAR 14 Shamsiah dan Ibrahim di sebuah taman di kota Chang Chun, provinsi Jilin, Timur Laut China, 1960

GAMBAR 15 Shamsiah dan Ibrahim di Unity Garden, Hanoi, Vietnam Utara, 1964



GAMBAR 16 Pasangan Shamsiah dan Ibrahim ketika berada di rumahnya di Kuala Lumpur, 2004



GAMBAR 17 Shamsiah bersama anak-anaknya. Dari kiri: Kamaruddin, Shamsuddin dan Jamaluddin ketika berada di Asrama 3 (San Suo) Beijing, China 1964



GAMBAR 18
Shamsiah dan Ibrahim
sekeluarga (dari
kiri), Kamaruddin,
Jamaluddin dan
Shamsuddin
pada November
1964 di Beijing



GAMBAR 19 Ibrahim Mohamad mewakili Malaya di "Persidangan Internasional Menyokong Rakyat Vietnam Melawan Pencerobohan Amerika Syarikat" di Hanoi pada 25 November 1964



GAMBAR 20 Ibrahim Mohamad berucap di depan "Persidangan Internasional Menyokong Rakyat Vietnam Melawan pencerobohan Amerika Syarikat" di Hanoi Vietnam Utara pada 26 November 1964



GAMBAR 21 Shamsiah dan Ibrahim di provinsi Guangdong, China Selatan pada awal 1965 sejurus sebelum bertolak ke Indonesia



GAMBAR 22 Shamsiah bersama-sama dengan anak-anak anggota PKM di China ketika berada di Podium Lapangan Tian An Men, Beijing, China pada 1968



GAMBAR 23 Asrama pekerja kilang Ball Bearing daerah Xiangtan, provinsi Hunan, 1972, tempat tinggal Shamsiah, Ibrahim dan keluarga. Di depan berbasikal ialah Kamaruddin, anak mereka yang kedua



GAMBAR 24 Shamsiah, Ibrahim dan cucu mereka Suriya di depan Lapangan Tian An Men yang terkenal di Beijing, China, pada Jun 1985



GAMBAR 25 Shamsiah dan Ibrahim melawat rumah kediaman asal Ketua Mao-Tze-Dong di Shao San, provinsi Hunan, 1972



GAMBAR 26 Jamaluddin bersama Encik Hamid, Kuasa Usaha Kedutaan Malaysia di China, 1988



GAMBAR 27 Selepas jamuan malam oleh Radio Beijing, di Beijing pada Mac 1989. Shamsiah (dua dari kiri) bersama keluarga Mohd. Jamil Mialam. Ibrahim berdiri dua dari kanan



GAMBAR 28 Jamaluddin, isteri dan anak mereka Jamaliah, 1989



GAMBAR 29 Di meja utama sewaktu menyambut ulang tahun ke-30 Siaran Bahasa Melayu Radio di Beijing yang diadakan di Asrama Pakar, Radio Beijing, Mac 1989. Dari kanan: Shamsiah, Suriya (cucu) dan Ibrahim. Di sebelah Ibrahim ialah Ketua Bahagian Asia, Radio Beijing, di hujung kiri ialah Haji Iliyas, Presiden Persatuan Islam China



GAMBAR 30 Menyambut ulang tahun ke-30 Siaran Bahasa Melayu Radio Beijing di Asrama Pakar, Radio Beijing, Mac 1989



GAMBAR 31 Ibrahim dan Shamsiah bersama cucu, Suriya (kiri) dan Jamalia (kanan) di rumah di Changsha, 1989



GAMBAR 32 Menyambut ulang tahun ke-30 Siaran Bahasa Melayu Radio Beijing di Beijing. Berdiri dari kiri Shamsiah, Ibrahim, Haji Iliyas (Presiden Persatuan Islam China), Mohd. Jamil Mialam dan isterinya Maria pada 1989



GAMBAR 33 Jamuan makan malam bersama Encik Hamid (tiga dari kanan), Kuasa Usaha Kedutaan Malaysia di China dan Encik Asmawar (empat dari kanan), Setiausaha Pertama, Kedutaan Malaysia di China serta Mohd. Jamil Mialam (dua dari kanan) dan isterinya Maria di Beijing pada Mac 1989



GAMBAR 34 Ibrahim sedang menaip surat di rumahnya di asrama kakitangan, Universiti Xiangtan, provinsi Hunan Selatan China (sekitar 1990)



GAMBAR 35 Setelah balik ke Malaysia pada tahun 1994, Jamaluddin melawat semula China pada 2003 dan berpeluang berkunjung ke tapak Studio Suara Revolusi Malaya (Radio PKM) yang beroperasi sehingga 1981. Jamaluddin (berkaca mata) bersama-sama kawan lama seasrama iaitu dua orang anak wanita bekas anggota PKM bernama Siu Mei (kiri) dan Siew Lan (tengah)




GAMBAR 36 Jamaluddin di depan pintu lubang perlindungan serangan udara untuk pegawai dan petugas Suara Revolusi Malaya yang dibina oleh China di Yi Yang, provinsi Hunan



GAMBAR 37 Kantin pegawai dan petugas Radio Suara Revolusi Malaya Radio PKM yang bertempat di daerah Yi Yang, provinsi Hunan, China di perkampungan khas



GAMBAR 38 Koridor menuju tempat tinggal Setiausaha Agung PKM, Chen Ping sewaktu beliau berada di Studio Radio Suara Revolusi Malaya (Radio PKM) di daerah Yi Yang, provinsi Hunan



GAMBAR 39 Shamsiah dalam pelbagai wajah ketika di China

۱۰

گرمه لاصق فدت تاصرف ۱۹۲۹، مخفی کنده بگار اینجا نموده از پسکن فتحه سازان ۱۹۳۸
و نیز انداده از دستگاه چهارچوبی و خودخواهی شد این سبب بر قدر نشود. از این اتفاق که در ۱۹۳۸ بکسر
نمایشگاه بکت میانه و دیگر داشتند پس از آن این اتفاق نمایشگاه را بیرون از این نمایشگاه بکسر
که در ۱۹۴۰ بسیار کمتر میانه داشتند، گردیده است. با اینکه نمایشگاه از ۱۹۴۰ تا ۱۹۴۵ از دست
کسر بر عرض نموده اند. از این درجات نمایشگاه که در بین نمایشگاههای مخصوص سازمان امنیت خارجی
نمایشگاهی همچند راه را که بکسر کار نمایشگاه کسر از ۱۹۳۶ تا ۱۹۴۰ و نیز از ۱۹۴۰ تا ۱۹۴۵
از پام محمد علیخان. راجع این نمایشگاه مخصوص سازمان امنیت خارجی این مخفی از این نمایشگاه
دو گلبه اند. از این دو نمایشگاه که در تهران میانه بگردید از این دو نمایشگاه بگردیده اند.
گذشت و این دو نمایشگاه و نمایشگاهی که بگردیده اند از این دو نمایشگاه و نمایشگاه بکسر
نمایشگاهی که بگردیده اند از این دو نمایشگاه و نمایشگاه بکسر
برای این دو نمایشگاه و نمایشگاهی که بگردیده اند از این دو نمایشگاه و نمایشگاه بکسر
نمایشگاهی که بگردیده اند از این دو نمایشگاه و نمایشگاه بکسر
نمایشگاهی که بگردیده اند از این دو نمایشگاه و نمایشگاه بکسر

۱۱

از این دو نمایشگاه و نمایشگاهی که بگردیده اند از این دو نمایشگاه و نمایشگاه بکسر
نمایشگاهی که بگردیده اند از این دو نمایشگاه و نمایشگاه بکسر
نمایشگاهی که بگردیده اند از این دو نمایشگاه و نمایشگاه بکسر
نمایشگاهی که بگردیده اند از این دو نمایشگاه و نمایشگاه بکسر

۱۲

از این دو نمایشگاه و نمایشگاهی که بگردیده اند از این دو نمایشگاه و نمایشگاه بکسر
نمایشگاهی که بگردیده اند از این دو نمایشگاه و نمایشگاه بکسر
نمایشگاهی که بگردیده اند از این دو نمایشگاه و نمایشگاه بکسر

۱۳

از این دو نمایشگاه و نمایشگاهی که بگردیده اند از این دو نمایشگاه و نمایشگاه بکسر
نمایشگاهی که بگردیده اند از این دو نمایشگاه و نمایشگاه بکسر
نمایشگاهی که بگردیده اند از این دو نمایشگاه و نمایشگاه بکسر
نمایشگاهی که بگردیده اند از این دو نمایشگاه و نمایشگاه بکسر
نمایشگاهی که بگردیده اند از این دو نمایشگاه و نمایشگاه بکسر
نمایشگاهی که بگردیده اند از این دو نمایشگاه و نمایشگاه بکسر
نمایشگاهی که بگردیده اند از این دو نمایشگاه و نمایشگاه بکسر

۱۴

از این دو نمایشگاه و نمایشگاهی که بگردیده اند از این دو نمایشگاه و نمایشگاه بکسر
نمایشگاهی که بگردیده اند از این دو نمایشگاه و نمایشگاه بکسر
نمایشگاهی که بگردیده اند از این دو نمایشگاه و نمایشگاه بکسر

GAMBAR 40 Catatan Shamsiah Fakih tentang riwayat hidupnya

湘安影劇院

Hartal dilancarkan pada 20 Oktober 1947.

- British mengumumkan Pelombongan
Persekutuan Tanah Melayu sebagai negara
gantikan gerakan Malayan Union pada
1 Februari 1948

API diusulkan berdiri sendiri oleh
Kongres PKMM yang diadakan di Melaka; kerana
takut membahayakan Party.

Bersamaan dengan oleh Siti Haji pada
April 1947 atas 3 kongresan pada

Testimoni Politik API diterbitkan
ada 21 Desember 1946, bersamaan

dengan Konggres API yg pertama pada 22, 23
dan 24 Disember 1946 di Melaka

4 bulan selepas dibentuk API di
Marangku

British meremehkan API lebih
bahaya dari PKM.

2. II. 1948



510
Hari
1948
22, 23

iii. Semua
dilulus
di Kongres

' + 1948
Vicar
vh

Malaya
ibrah
kongres senyata
(MPAJA) bersamaan dengan
Malayan People's Anti-Japanese Army

(MPAJU) bersamaan dengan
Malayan People's Anti-Japanese Union
yg dilulusi oleh masoh

NPAJA dibentuk secara resmi
pada 1 Disember 1945

2. II. 1948

2. II. 1948

GAMBAR 41 Catatan asal kisah hidup dan perjuangan Shamsiah Fakieh

Shamsiah Fakih dan Tafsiran Sejarah

شمسیہ فقیہ ایشین بالتق کمیسی

Shamsiah
Bernikah
Dengan
Ahmad
Boestamam

Fakih ini tidak ramai di kenal oleh orang awam seingga kini. Hanya beberapa orang yang rapat dengan punc punc ponsen paci mengatau hal perihal Shamsiah dan Ahmad Boestamam.

Saya mendapati fakih ini darpada edik angka Shamsiah Fakih - Ustaz Hashim Ghani, seorang diajak oleh orang lalu di dalamnya seperti Atibah Ghani, Wali Asmar, dan Idris Muhamad (Pak Sabah).

Ahmad Boestamam wadir pun tanggungjawab untuk mencari seorang wanita yang berjodoh dengan dirinya. Dan bolehlah ia bertemu dengan seorang wanita yang mempunyai kelebihan yang besar iaitu Shamsiah Fakih.

Seorang wanita yang mempunyai kelebihan yang besar iaitu Shamsiah Fakih.

Halalilah Shamsiah
menduduki ini yang
semangat menyedarkan
wanita kampung
keperluan masyarakat
dan memdedahkan negara
daripada penjajah.

شمسیہ فقیہ
بالتق کمیسی

Dan PATRIK YACOB (Sampai)



LAPORAN PENYIASATAN

'Wakil' Komunis?

Dan PATRIK YACOB (Sampai)

is yearn
eturn
Shamsiah Fakih pular
bersama keluarga

Berita +
Berita +

LAPORAN PENYIASATAN

AWAS Pimpinan Shamsiah Mengatur Strategi Menentang Penjajah

Dan PATRIK YACOB (Sampai)

Mal 1999

Ketua kelti ini mendakwa bahawa Shamsiah Fakih merupakan penyokong PKR dan menyatakan bahawa pengaruhnya terhadap PKR adalah besar. Shamsiah Fakih juga menyatakan bahawa dia tidak pernah berpaparan dengan Pak Sabah.

Adalah dia mengingatkan bahawa AWAS Persekutuan akan mengambil tindakan tegas terhadap Shamsiah Fakih kerana dia merupakan penyokong PKR. Shamsiah Fakih juga mengatakan bahawa dia tidak pernah berpaparan dengan Pak Sabah.

Shamsiah Fakih juga mengatakan bahawa dia tidak pernah berpaparan dengan Pak Sabah.

GAMBAR 42 Keratan akhbar mengenai Shamsiah di pelbagai media cetak

Ketua Wanita PKMM Kuala Lumpur



Sebagaimana yang aku sebutkan di atas tadi bahawa ucapanku dalam salah satu ceramah PKMM di Seremban telah disiarkan di dalam surat khabar.

Isi ucapanku itu menyatakan perasaan gembiraku di atas penubuhan PKMM sebagai sebuah parti politik yang memperjuangkan Kemerdekaan daripada penjajahan British. Aku anggap lahirnya PKMM di bumi Malaya merupakan mercu suar bangsa kita untuk bergerak menyusun tenaga rakyat merintis jalan menuju kemerdekaan. Ini merupakan suatu peristiwa penting dalam sejarah perjuangan bangsa kita. Aku katakan bahawa aku menyokong kuat gerakan PKMM ini dan bersedia berjuang untuk tanah air. Aku sanggup berkorban tenaga, bahkan jiwa ragaku demi perjuangan kemerdekaan bangsa kita.

Tidaklah aku sangka, bagaimana aku boleh membuat ucapan yang dianggap berapi-api atau menaikkan semangat. Hadirin di dalam pertemuan itu telah memberikan tepukan yang bergemuruh. Keesokan harinya ucapanku itu telah disiarkan di akhbar *Utusan Melayu*. Sesudah aku membuat ucapan inilah Musa Ahmad bertemu dan berbincang dengan aku. Beliau menyatakan cadangannya supaya aku bersetuju mengetuai Jabatan Wanita PKMM seperti yang aku ceritakan di atas tadi.

Sungguh secara kebetulan juga agaknya bahawa akhbar *Utusan Melayu* yang menyiaran ucapanku itu telah dibeli dan dibaca oleh bapaku. Dengan wajah yang berseri-seri dan secara tersenyum bapaku telah menyerahkan surat khabar itu kepadaku. Setelah habis kubaca, aku rasa peluang dan masanya sudah sampai untukku meminta izin daripada ibu bapaku agar aku dibenarkan pergi ke ibu pejabat PKMM untuk bekerja di bahagian wanitanya.

Nampaknya dari roman mukanya aku yakin bahawa bapaku tidak menentang penglibatanku dalam kegiatan PKMM itu. Bapaku segera menjawab bahwa semua itu tergantung kepada diriku sendiri. Dengan ringkas dikatakan bahawa bapaku menyerahkan

masalah itu supaya ditentukan dan dipertimbangkan oleh aku sendiri setelah memikirkan dengan semasak-masaknya.

Kelihatannya bapaku telah memberikan persetujuan atau restunya. Tetapi di samping itu bapaku telah mengingatkan kepadaku bahawa jika aku memilih jalan untuk menceburkan diri secara aktif dalam perjuangan kebangsaan ini maka aku mesti berani dan bersedia untuk menghadapi ujian dan risiko yang besar. Besarlah kemungkinan aku akan ditangkap, dipenjarakan atau terkorban. Pendeknya bapaku mahu aku membuat persiapan fikiran yang menyeluruh dari segi mental maupun fizikal. Bapa memesan agar aku tak patah di tengah jalan dan mengkhianati perjuangan. Demikianlah nasihat dan dorongan daripada bapaku. Bapaku berasal dari Sumatera yang pernah menyertai gerakan nasionalisme menentang penjajah Belanda. Bapaku adalah seorang yang maju, progresif dan antipenajah. Jadi, tidaklah sukar bagiku untuk mendapat izin atau restu daripadanya. Hanya yang diminta oleh bapaku ialah supaya penceburan diriku dalam perjuangan itu adalah merupakan jalan yang aku pilih sendiri dan bersifat masalah peribadi iaitu jangan melibatkan kaum keluarga dan rumah tanggaku. Maksud bapaku itu ialah supaya soal aku ini tidak akan mengganggu dan mempersulit kehidupan ibu bapaku serta adik beradikku yang ramai. Ini dapat difahami. Aku berjanji kepada ibu bapaku yang aku akan bertindak mengikut pesanan dan peringatan mereka.

Seminggu selepas aku memberitahu bapa dan ibuku tentang hasratku untuk pergi ke Kuala Lumpur iaitu ke ibu pejabat PKMM untuk bertugas di bahagian wanitanya aku betul-betul menerima sepucuk surat dari ibu pejabat PKMM yang dikirim oleh Musa Ahmad. Surat itu secara rasmi mengundang aku untuk bekerja di ibu pejabat PKMM di jabatan wanitanya. Surat itu aku berikan untuk bacaan dan pengetahuan bapaku. Seperti apa yang aku ceritakan di atas tadi bahawa semua persoalan telah pun diketahui dan dipersetujui oleh kedua orang tuaku. Jadi semuanya telah selesai.

Dua hari sesudah aku menerima surat undangan daripada Musa Ahmad itu, aku pun bertolak ke Kuala Lumpur seorang diri dengan menaiki bas. Apabila sampai sahaja di perhentian bas Kuala Lumpur, aku terus menaiki beca roda tiga menuju ke ibu pejabat PKMM di Batu Road. Di ibu pejabat itu aku disambut oleh Musa Ahmad yang kebetulan berada di situ. Musa telah memperkenalkan aku kepada orang-orang yang bertugas di ibu pejabat itu. Pada hari itu, pemimpin utama PKMM seperti Dr. Burhanuddin, Ishak

Haji Muhammad (yang dikenali sebagai Pak Sako) dan Ahmad Boestamam tidak berada di situ. Aku telah berjumpa dengan mereka pada hari yang lain selepas itu.

Kira-kira pada pukul lima petang, aku telah dibawa oleh Musa Ahmad ke sebuah rumah penginapan iaitu rumah orang Melayu di Kampung Baru Kuala Lumpur. Di situ beberapa orang petugas atau anggota pimpinan PKMM tinggal. Rumah itu adalah milik seorang janda yang kami panggil Makcik saja. Aku tidak ingat lagi namanya.

Keluarga itu telah bermurah hati memberikan ruang depan rumahnya untuk disewa dan didiami oleh beberapa orang pemimpin dan aktivis lelaki PKMM. Di antaranya ialah Musa Ahmad, Ahmad Boestaman dan Abdullah C.D.. Yang wanita ialah aku seorang. Aku tidur di bahagian dapur, kira-kira setengah tingkat rendah dari ruang depan. Aku tidur bersama dengan seorang pekerja wanita iaitu bersebelahan dengan tempat tidur janda sekeluarga itu. Makcik tuan rumah itu juga membantu menyediakan makanan kami setiap hari. Keadaan hidup kami adalah ringkas iaitu masing-masing tidur di atas tikar mengkuang dengan sebiji bantal. Begitu ringkas dan sederhana. Sungguh besar bantuan dan jasa tuan rumah, Makcik itu kepada perjuangan. Sebagai salah seorang yang pernah mendiami 'Rumah Merdeka' ini, aku tetap ingat dan berterima kasih kepadanya. Sebenarnya di dalam setiap perjuangan pastilah ada pengorbanan dan pasti ada orang yang sanggup berkorban. Dan hasil atau kemenangan dari perjuangan itu tidak tentu akan dinikmati oleh mereka yang berkorban itu.

Setelah sampai di Kuala Lumpur dan menginap semalam di Rumah Merdeka, (ada yang mengatakan 'Hotel Merdeka') pada keesokan harinya aku pun mulai bertugas di ibu pejabat PKMM. Oleh orang-orang PKMM, nama singkatan PKMM ini dikenali dengan sebutan PEKEMAM. Maka di sinilah bermulanya aku bertugas sebagai Ketua Bahagian Wanita PKMM. Ketika itu nama "AWAS" masih belum wujud.

Kesedaran Wanita



Sebagai seorang yang baru bertugas mengetuai bahagian wanita PKMM, aku perlu belajar daripada pemimpin PKMM di semua peringkat. Aku belajar cara-cara bekerja dan menimba pengalaman mereka.

Sebagai langkah pertama aku mulai mengikuti beberapa orang pemimpin pergi ke berata tempat untuk memberi penerangan kepada mereka tentang perjuangan untuk mencapai kemerdekaan, tentang perlunya kaum lelaki dan wanita serta seluruh lapisan masyarakat orang Melayu bersatu di dalam sebuah organisasi atau parti politik. Dalam erti kata yang luas bahawa seluruh bangsa Melayu mesti bangkit berjuang menentang penjajah British demi mencapai Kemerdekaan tanah air.

Mula-mula aku selalu pergi ke pertemuan atau perhimpunan orang ramai wanita, pemuda atau kaum lelaki yang umumnya menyokong PKMM, API dan AWAS di serata tempat di Malaya bersama-sama Ahmad Boestamam, Musa Ahmad termasuk juga kadang-kadang bersama-sama dengan ketua PKMM iaitu Dr. Burhanuddin Al-Helmy. Kami semua mewakili sayap pemuda, wanita dan juga adalah sekaligus anggota Jawatankuasa Pusat PKMM atau selaku badan pimpinan PKMM.

Aku pernah menghadiri satu perhimpunan orang ramai di Pulau Pinang seramai seribu orang lebih. Setelah aku menyampaikan ucapan yang mendapat sambutan hebat orang ramai, tiba-tiba aku didatangi oleh seorang ibu yang memeluk aku erat-erat. Beliau mengucapkan Merdeka dan selamat berjuang dan berjabat tanganku dengan mesra sambil menyatakan sokongan hangatnya kepada perjuangan PKMM dan wanitanya serta mengucapkan tahniah kepadaku.

Sebenarnya cawangan AWAS di serata tempat telah mengumpulkan wang yuran dan derma massa wanita dan apabila aku datang ke cawangan itu, mereka akan menyerahkan wang itu

kepadaku untuk perbelanjaan gerakan AWAS dan belanja kehidupan harianku.

Penerangan yang dibuat masa itu memang mudah iaitu menjelaskan yang negeri kita dijajah oleh penjajah Inggeris dan hal ini membuat kita miskin dan rendah dalam ilmu pengetahuan. Hanya apabila kita telah Merdeka barulah kita boleh membangunkan negara dan mencipta kemakmuran kepada masyarakat.

Setelah suatu waktu lamanya, apabila organisasi PKMM termasuk bahagian wanita dan pemudanya tertubuh di beberapa tempat aku mulai bergerak secara bersendirian yakni tidak lagi mengekor pemimpin PKMM yang lain. Aku sudah kenal ramai pemimpin dan aktivis di beberapa tempat di Malaya. Dengan ini mudahlah aku berhubung dengan pemimpin tempatan.

Aku tidak ketahui entah bagaimana aku boleh begitu berani bergerak cergas dalam politik. Sebenarnya aku tidak pun mengetahui tentang politik dan tidak pula mempunyai pengalaman dalam soal perjuangan nasionalisme. Aku juga tidak berpelajaran tinggi.

Bagaimanapun aku mempunyai semangat yang tinggi dan berkobar-kobar untuk berjuang melawan penjajah demi Kemerdekaan tanah air dan bangsa kita. Semangat juang yang tinggi telah mengatasi segala-galanya. Aku tidak takut apa-apa.

Aku pergi ke sana sini bertemu dengan massa rakyat Melayu. Aku telah berucap atau berpidato di pertemuan umum. Aku tidak tahu bagaimana aku boleh berpidato dengan panjang lebar dan berapi-api seolah-olah aku mendapat ilham daripada Tuhan. Walaupun isi pidatoku tidak begitu mendalam tetapi sambutan orang ramai pada masa itu sangatlah memuaskan.

Sebagaimana pemimpin PKMM yang lain yang ramai juga mempunyai didikan agama Islam yang tinggi, pidatoku juga menggunakan ayat-ayat suci al-Quran dan hadis Nabi.

Maksud Firman Tuhan yang berbunyi, "Tuhan tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum itu melainkan kaum itu sendirilah yang mesti mengubah nasibnya" dan hadis Nabi yang berbunyi, "Kasihikan tanah air itu setengah daripada iman" telah berkumandang di seluruh pelosok tanah air. Semakin hari semakin ramai rakyat Melayu, lelaki, pemuda dan wanitanya telah menyertai PKMM termasuk bahagian pemuda dan wanitanya.

Bukan maksudku hendak memuji diriku sendiri. Tetapi pada masa itu aku sudah mula terkenal sebagai ahli pidato. Aku dianggap seorang pemimpin wanita Melayu yang mengetuai sebuah pertubuhan wanita yang progresif yang pertama di tanah air yang berani melawan penjajah.

Ahmad Boestamam telah mencadangkan kepada anggota anggota PKMM supaya nama bahagian pemuda dinamakan Angkatan Pemuda Insaf (singkatnya API) dan nama bahagian wanita ialah Angkatan Wanita Sedar (singkatnya AWAS). Cadangan Boestamam ini telah dipersetujui ramai. Seterusnya nama API dan AWAS menjadi terkenal. Menurut Boestamam, API ditubuhkan secara rasmi pada 17 Februari 1946. Jadi nama AWAS secara rasmi dipakai mulai awal 1946.

Alhamdulillah, berkat mereka yang gigih dan semangat nasionalisme yang tinggi daripada pemimpin semua peringkat maka anggota PKMM, API dan AWAS semakin bertambah ramai. Difahamkan bahawa pada masa sekitar tahun 1946-47, ahli PKMM sudah mencapai 70,000 orang. Cawangan PKMM yang kuat ialah di Perak dan Pahang.

Di mana ada cawangan PKMM, maka di situ ada API dan AWAS. Seperti organisasi induk PKMM, maka AWAS juga berkembang di merata tempat. Di bawah pimpinan AWAS maka ramai kaum Melayu sudah sedar dan bangkit berjuang, sebagaimana PKMM dan API. AWAS juga telah memberikan sumbangan sahamnya kepada perjuangan untuk mencapai kemerdekaan. Patut juga disebut bahawa PKMM selain mempunyai jabatan pemuda dan wanita, PKMM juga ada jabatan buruh, tani, agama dan sosial. Masing-masing jabatan itu memainkan perananannya sendiri.

Riwayatku ini hanya ditumpukan kepada pertubuhan AWAS iaitu Angkatan Wanita Sedar. Yang lain hanya disingga secara umum sahaja di mana perlu. Meskipun banyak rintangan dan kesulitan yang dihadapi, PKMM, API dan AWAS terus berkembang. Ini adalah arus sejarah yang tak dapat dibendung.

Kongres Kedua PKMM

Pada akhir Disember 1946, PKMM sudah banyak berkembang. Keadaan ini memungkinkan PKMM mengadakan kongresnya yang kedua. Kongres ini telah diadakan di Melaka pada 24 Disember 1946. Ini adalah kongres yang terbesar. Jumlah perwakilannya yang ramai menandakan PKMM telah berkembang pesat. Penduduk Melayu di Melaka juga telah memberikan sokongan dan bantuan yang sangat bernilai.

Sewaktu kongres berlangsung, suatu perarakan besar telah diadakan di bandar Melaka, di sertai oleh para peserta kongres, ahli dan penyokong PKMM. Berbagai-bagai macam sepanduk dibawa

berarak, di antaranya ialah sepanduk besar yang dibawa oleh kaum wanita bertulis 'API, AWAS, GERAM.' (GERAM ialah Angkatan Muda Singapura). Aku dan Habsah, isteri Ishak Haji Muhammad yang memegang sepanduk besar itu.

Kongres kedua PKMM ini telah melantik anggota Dewan Pimpinan Pusat yang baru iaitu dinamakan anggota Jawatankuasa Pusat (Central Committee) PKMM. Kongres telah memutuskan beberapa garis panduan dan menetapkan langkah yang akan dilaksanakan demi mengembangkan parti dan menyedarkan serta menyusun barisan rakyat. Dalam kongres ini aku telah dilantik sebagai anggota Jawatankuasa Pusat PKMM iaitu salah seorang daripada anggota badan pimpinan pusat PKMM. Kongres kedua PKMM ini telah disiarkan secara besar-besaran oleh akhbar *Utusan Melayu*. Pidatoku di dalam kongres ini juga telah disiarkan. Sejak saat itu namaku menjadi semakin terkenal sebagai pemimpin pertubuhan wanita progresif. Siapa pun tidak dapat menidakkannya sejarah ini.

Bernikah dengan Ahmad Boestamam



Dalam gerakan mengembangkan PKMM dan barisan wanitanya, aku sentiasa bergerak ke pelosok tanah air bersama-sama beberapa orang pimpinan pusat PKMM. Dalam proses ini aku selalu bergerak bersama-sama ketua API, Ahmad Boestamam. Kami perlu membangkitkan pemuda, demikian juga kaum wanitanya. Jadi, tugas kami saling berhubungan dan memerlukan kerjasama erat. Pendek kata perhubungan ini semakin rapat sehingga kami mengikat janji untuk bernikah setelah berakhirnya Kongres Kedua di Melaka iaitu pada akhir Disember 1946.

Pada masa itu aku sedar bahawa walaupun aku mempunyai semangat yang tinggi untuk berjuang namun taraf politik dan ideologiku masih rendah. Aku masih hijau dan kurang pengalaman perjuangan. Ini bukanlah suatu yang menghairankan. Selain aku perlu belajar dari segi praktik, aku juga memerlukan bantuan daripada orang yang berpengalaman. Aku fikir, bernikah dengan Ahmad Boestamam maka aku dapat banyak bantuan daripadanya.

Tentang Bermadu

Sebenarnya sebagaimana yang diketahui umum bahawa Islam mengizinkan seorang lelaki berkahwin empat orang wanita asal sahaja sanggup memenuhi syarat yang ditetapkan. Bagaimanapun ramai atau majoriti wanita tidak sanggup dimadukan. Walaupun agama Islam membolehkan orang lelaki berkahwin lebih daripada satu, tetapi kaum wanita masih tetap tidak suka dimadukan. Inilah masalah yang dihadapi kaum wanita.

Aku memang terdidik dengan ajaran agama Islam. Meskipun pengetahuan aku tidak tinggi, tetapi pada ketika itu aku rasa berkahwin dengan Ahmad Boestamam tidak melanggar hukum agama Islam. Sebenarnya aku mengetahui bahawa Ahmad

Boestamam telah beristeri. Sebagaimana yang aku katakan bahawa tidaklah salah aku bernikah dengannya.

Umum mengatakan bahawa perkahwinan merupakan masalah peribadi seseorang. Tetapi perkahwinan sering menjadi buah mulut dan khabar angin yang merosakkan nama baik seseorang. Jadi masih ada orang Islam yang tidak teguh pegangannya kepada ajaran Islam. Isteri Boestamam bernama Rabitah. Beliau salah seorang pemimpin AWAS di Tanjung Malim, Perak, kampung halaman Boestamam. Aku sering berhubung dengannya dan boleh dikatakan sudah berkawan baik dengannya. Rabitah tidak menentang pernikahan kami. Setelah aku bernikah dengan Ahmad Boestamam, aku pernah tinggal bersama dengan Rabitah. Hubungan kami berdua baik sebagai adik-beradik.

Aku katakan bahawa aku berkahlwin dengan Boestamam, kerana ingin bantuannya untuk menambahkan pengetahuan politik perjuangan. Tujuanku adalah untuk kepentingan perjuangan kemerdekaan. Aku rasa penyatuan kepentingan peribadi dengan kepentingan perjuangan adalah kena pada tempatnya.

Aku memuji sikap toleransi, berada lapang dan semangat perjuangan yang tinggi yang ada pada Rabitah. Harus diakui bahawa pengurusan yang baik dalam masalah rumah tangga atau keluarga, dalam masa tertentu akan membawa kebaikan dan pengaruh tertentu. Dalam erti kata ini, jika dipandang dari sudut perjuangan maka ini menguntungkan perjuangan. Wartawan wanita majalah *Dewan Masyarakat* pada keluaran Jun 1991 ketika menilai soal perkahwinanku dengan Ahmad Boestamam mengatakan, "Inilah pernikahan paling sensasi dalam perjuangan nasionalisme Melayu. Boestamam dan Shamsiah - ketua API dan ketua AWAS, sama padan sama gagah."

Sesudah tamatnya Kongres Kedua PKMM di Melaka akhir Disember 1946, maka aku dan Ahmad Boestamam bersama-sama balik ke kampung di Kuala Pilah, iaitu di Kampung Gemuruh dengan tujuan untuk bernikah. Mengiringi Boestamam dan bertindak selaku saksi ialah Ishak Haji Muhammad yang telah dipilih kembali sebagai timbalan ketua PKMM serta seorang lagi anggota Jawatankuasa Pusat dari Perak yang aku sudah lupa namanya. Aku telah dinikahkan oleh bapaku di rumah aku. Ini adalah perkahwinanku yang ketiga.

Di sini aku ingin menjelaskan sedikit bahawa Ishak Haji Muhammadlah orangnya yang kuat mendorong Ahmad Boestamam supaya berkahlwin dengan aku. Dia jugalah orang yang menjadi saksi perkahwinan kami.

Sungguh di luar dugaan bahawa sewaktu diwawancara oleh Fatini Yaacob (wartawan *Dewan Masyarakat*), beliau (Ishak) telah mengatakan antara lain bahawa Shamsiah adalah perempuan yang suka kahwin. Dikatakan aku hendak kahwin lari dengan Ahmad Boestamam dan sebagainya. Mungkin kerana usiaku telah lanjut dan banyak masalah pahit getir yang kulalui semasa dalam perjuangan masa lampau menyebabkan perasaanku terganggu.

Aku tetap menghormati Ishak Hj. Mohamad sebagai seorang pejuang yang terkemuka dan sebagai seorang sasterawan yang ulung. Aku tidak ambil hati sedikitpun (lihat majalah *Dewan Masyarakat*, Jun 1991).

Ahmad Boestamam ditangkap

Setelah bernikah dengan Ahmad Boestamam, aku dan Boestamam tinggal di sebuah rumah sewa di Setapak, Kuala Lumpur bersama-sama isteri pertama Boestamam, Rabitah. Rumah sewa itu dua tingkat. Kami tinggal di tingkat atas. Kami mempunyai dua buah bilik. Ini bererti aku dan Rabitah masing-masing ada sebuah bilik. Jadi, ini memudahkan Boestamam bertindak mengikut ajaran Islam melakukan giliran bagi orang yang beristeri dua.

Seperti apa yang aku katakan di atas tadi bahawa Rabitah dan aku mempunyai hubungan yang baik dan kami adalah rakan seperjuangan. Jadi, kami tidak ada sebarang masalah dan dapat hidup bersama-sama dengan baik. Rabitah selalu membantu kerja-kerja AWAS di pejabat.

Kalau aku tidak silap, pada April tahun 1947, Ahmad Boestamam telah ditangkap. Dia ditangkap di luar rumah kediaman kami dan dibawa balik ke rumah yang kami tumpangi di Setapak. Dia disuruh duduk di anjung rumah, sementara beberapa orang pegawai dan anggota polis menggeledah bilik-bilik kami untuk mencari dokumen atau benda-benda yang disyaki. Aku dan Rabitah berada di rumah ketika itu. Ahmad Boestamam kemudian dibawa ke Balai Polis Kuala Lumpur untuk ditahan. Selama masa dia ditahan, aku dan Rabitah melawatnya setiap hari.

API telah mengadakan kongresnya yang pertama pada akhir tahun 1946. Dalam kongres itu telah diumumkan bahawa API adalah sebuah pertubuhan pemuda yang berdiri sendiri dan tidak lagi bergabung dengan PKMM. Ahmad Boestamam telah menulis sebuah

buku yang bernama *Testament Politik API*. Buku ini menghuraikan politik dan tekad perjuangan API. Dalam buku ini ditulis antara lain bahawa API mahu berjuang ke arah mencapai Kemerdekaan untuk negara dan tanah air melalui jalan yang dibenarkan oleh kita, dengan cara yang baik, jika boleh, dan dengan cara yang kasar jika terpaksa. Dikatakan juga bahawa API akan melakukan perjuangan berdarah apabila dikehendaki. Slogan 'merdeka dengan darah' disebut beberapa kali.

Kerana kata-kata yang keras dalam buku itu, apalagi disebut 'merdeka dengan darah,' maka Boestamam dituduh melakukan kesalahan menghasut iaitu menuturkan kata-kata menghasut, bersubahat menerbit dan mencetak dokumen menghasut. Itulah alasan yang digunakan oleh penjawat untuk menangkap Boestamam. Buku *Testament Politik API* diterbitkan pada 21 Disember 1946.

Ahmad Boestamam telah dihadapkan ke mahkamah. Dia dibela oleh seorang peguambela yang bernama John Eber iaitu seorang rakan seperjuangannya dalam gabungan Pusat Tenaga Rakyat-All Malayan Council of Joint Action (PUTERA-AMCJA). Boestamam didapati bersalah dan didenda \$1,200.00 atau sembilan bulan penjara. Boestamam telah membayar denda itu berkat bantuan anggota-anggota API dan dia pun dibebaskan. Buku *Testament Politik API* itu diharamkan dan pada Julai 1947, API pula diharamkan oleh pihak berkuasa British. Umur API hanya satu setengah tahun sahaja.

Bercerai dengan Ahmad Boestamam

Sebenarnya seperti apa yang aku katakan bahawa hubungan aku dan isteri pertama Boestamam, Rabitah adalah baik. Pendeknya hubungan kami sekeluarga adalah baik. Soal perkahwinanku menjadi masalah apabila pada suatu hari rumah kediaman kami di Setapak dikunjungi oleh ibu dan kakak Boestamam.

Pada malam kedatangan mereka itu, kakak Boestamam telah bercakap-cakap dengan suara agak kuat di luar bilik tidurku. Suaranya telah kudengar dengan jelas. Ketika itu aku dan Boestamam sedang berbaring dan masih belum tidur. Kakak Boestamam kedengaran mengatakan aku merampas suami orang dan berbagai-bagai macam perkataan yang mengatakan aku bersalah kerana bernikah dengan Boestamam.

Aku merasa tegang dan darahku meluap-luap menghadapi peristiwa di luar dugaan itu. Aku memberitahu Boestamam

supaya berbuat sesuatu. Tetapi Boestamam hanya mendiamkan diri sahaja. Sebenarnya kakak Boestamam ini lebih disegani oleh Boestamam berbanding dengan ibunya.

Kemarahanku memuncak dan tanpa disedari aku telah mencampakkan beg kecil pakaianku ke bawah melalui jendela rumah itu. Pada malam itu juga aku turun dari rumah itu membawa beg pakaianku menuju ke rumah bapa saudaraku yang kabetulan tinggal di Kampung Baru, Kuala Lumpur.

Begitulah secara ringkas kisah aku bercerai dengan Boestamam. Pendeknya setelah aku keluar dari rumah pada malam itu, Boestamam dan aku sudah bercerai terus. Boleh dikatakan perceraian dilakukan secara baik. Aku pun tidak berbalah atau bergaduh dengan maduku Rabitah, demikian juga dengan Boestamam.

Sesudah berpisah dengan Boestamam, aku pernah bertemu dengannya. Boestamam berkata walaupun kita bukan lagi suami isteri, tetapi kita masih tetap bersatu dalam satu perjuangan. Memang benar kata-kata Boestamam ini. Bersatu dalam perjuangan lebih penting daripada soal peribadi.

Perceraianku dengan Boestamam tidak serupa dengan perceraianku dengan Yasin Kina, suamiku yang pertama. Juga tidak sama dengan perceraianku yang kedua dengan Rusdi. Perceraianku dengan Yasin dan Rusdi merupakan perceraian akibat lelaki menggunakan kuasa menindas wanita. Perceraianku dengan Boestamam merupakan pengertian bersama yang mendalam dalam menyelesaikan soal bermadu. Aku juga menyedari secara mendalam bahawa bermadu tidak disukai oleh kaum wanita.

Emansipasi Wanita

Kesedaranku tentang perjuangan nasionalisme demi menuntut Kemerdekaan tanah air turut menyedarkan aku tentang penindasan terhadap wanita. Tidak ada perjuangan untuk kebebasan laki-laki, melainkan hanya ada perjuangan untuk kebebasan kaum wanita. Sebenarnya kaum wanita menderita penindasan yang bermacam-macam iaitu penindasan dari sistem feudalisme, kapitalisme dan imperialisme. Wanita juga ditindas oleh kaum lelaki, oleh adat resam kuno dan terikat oleh peraturan agama dan sebagainya. Aku sendiri menjadi mangsa kuasa lelaki apabila aku pernah diceraikan tanpa sebab atau kesalahan. Suamiku yang pertama telah menceraikan aku ketika aku sarat mengandung lapan bulan.

Banyak kejadian kaum wanita diceraikan berlaku setelah mempunyai anak yang ramai. Akibatnya kaum wanita terpaksa menderita dalam kehidupan untuk memelihara anak-anaknya. Demikian juga aku sedar bahawa soal bermadu ini juga tidak disukai oleh kaum wanita. Walaupun agama Islam mengizinkan kaum lelaki berkahwin sampai empat orang wanita, tetapi yang benar-benar dapat memenuhi syarat yang ditetapkan oleh agama itu hanya sejumlah yang amat kecil sahaja. Sedangkan sebahagian besar kaum lelaki telah menyimpang daripada ajaran Islam, tidak bertanggungjawab dan melakukan penindasan ke atas kaum wanita.

Pendeknya tugas untuk meningkatkan taraf hidup kaum wanita, untuk mencapai hak persamaan antara lelaki dengan wanita dan untuk membebaskan wanita daripada belenggu penindasan adalah tugas yang besar dan berat. Ini adalah suatu tugas jangka panjang dan suatu perjuangan yang berat. Kemerdekaan tanah air adalah langkah pertama pembebasan kaum wanita.

Tidak siapa dapat menyangkal bahawa peranan wanita adalah penting dalam perjuangan Kemerdekaan. Kaum wanita adalah setengah daripada umat manusia. Tangan yang menghayun buaian itu boleh menggoncang dunia. Sejarah dunia banyak mencatat tentang tokoh wanita dan serikandi yang memimpin perjuangan Kemerdekaan atau yang melawan penindasan. Demikian pentingnya peranan kaum wanita. Sebagai pemimpin pergerakan wanita, aku perlu menunjukkan contoh yang baik dan harus berani memperjuangkan nasib kaum wanita dan emansipasi sejati kaum wanita.

Kongres Pertama AWAS



*A*WAS ikut berkembang seiring dengan perkembangan masa sebagaimana API dan PKMM. Masanya sudah sesuai untuk mengadakan kongres AWAS yang pertama. Untuk tujuan itu aku mendapat dorongan dan usul daripada Ketua API iaitu Ahmad Boestamam dan beberapa orang pemimpin PKMM seperti Wahi Anuwar dan lain-lain termasuk pemimpin AWAS di beberapa negeri atau daerah. Kongres pertama AWAS telah berjaya diadakan di Panggung Queen, Kajang, Selangor pada 10-12 Oktober 1947.

Secara ringkas aku katakan bahawa kongres AWAS pertama ini bertujuan untuk memperkemaskan lagi pertubuhan AWAS dan mengatur langkah-langkah yang perlu dilaksanakan untuk membangkitkan kesedaran wanita dan tentang peranan yang dimainkan oleh AWAS untuk perjuangan Kemerdekaan.

Kongres AWAS ini telah memilih anggota Dewan Pusat AWAS. Aku telah dilantik menjadi Ketua AWAS. Saudari Zainab Mahmud, isteri Musa Ahmad dilantik sebagai Setiausaha Agung. Di antara anggota Dewan Pimpinan Pusat AWAS yang masih aku ingat ialah Aisyah Hussein sebagai Bendahari dan saudari Rahmah Haji Hussein iaitu Ketua AWAS, Jenderam, Selangor dan saudari Fatimah Haji Abu Bakar. Sidang kongres dipengerusikan oleh saudari Sakinah Junid, isteri Datuk Asri, bekas pemimpin PAS dan Menteri Besar Kelantan. Beliau ialah Ketua AWAS Perak.

Seperkara yang menarik pada hari pembukaan kongres ialah tentang ucapan dari wakil-wakil parti dan pertubuhan yang diundang. Dalam senarai nama wakil-wakil itu ada nama Parti Komunis Malaya (PKM). Tiada siapa dari kami yang mengetahui siapakah orangnya yang akan berucap mawakili PKM itu. Apabila pengacara melaungkan ucapan dari PKM, maka bangkit dan berjalan ke pentas seorang tokoh Melayu yang dikenali ramai iaitu saudara Kamarulzaman Teh. Semua orang terpegun dan semua mata memandang kepadanya. Termasuklah Dr. Burhanuddin,

Presiden PKMM, Kamarulzaman ialah orang kuat dan pemimpin PKMM di Pahang. Kami tidak menyangka sama sekali bahawa dia adalah wakil PKM.

Sebenarnya pada masa itu, PKM adalah parti politik yang halal. Komunis tidak ditakuti dan perkataan Komunis tidak dimomokkan. PKM dianggap sama-sama berjuang untuk menentang penjajah dan dapat diterima sebagai parti yang menentang penjajah. Sudah tentu keadaan ini berubah apabila Undang-undang Darurat diisytiharkan pada 20 Jun 1948 apabila PKM telah mengangkat senjata. Bagi penjajah British dan orang-orang yang sebulu dengannya, PKM dianggap pengganas Komunis.

Kongres PKMM ketiga dilangsungkan di Singapura pada akhir Disember 1947. Nampaknya ada golongan yang menyokong Ishak Haji Muhammad ingin menggenepikan Presiden PKMM ketika itu iaitu Dr. Burhanuddin Al-Helmy. Kongres telah memilih anggota-anggota jawatankuasa pusat lain. Ishak Haji Muhammad telah dipilih sebagai Presiden (Ketua) PKMM yang baru dan Dr. Burhanuddin telah dilantik sebagai Penasihat Agung PKMM. Aku sekali lagi telah dipilih sebagai Anggota Jawatankuasa Pusat PKMM. Ini adalah kongres terakhir PKMM. Apabila Undang-undang Darurat diumumkan pada Jun 1948, PKMM beserta parti kiri yang lain dari segala bangsa turut diharamkan oleh pihak berkuasa penjajah British.

Sedikit Tentang Gabungan PUTERA-AMCJA



*A*pabila perjuangan menuntut Kemerdekaan semakin memuncak, parti dan pertubuhan kiri dari segala bangsa telah bersetuju untuk membentuk suatu perikatan atau barisan bersatu. Patut disebutkan sedikit di sini bahawa di Malaya pada masa sesudah Perang Dunia Kedua iaitu di sekitar tahun 1946 telah muncul juga pertubuhan kiri dari kaum Cina dan India atau dari kaum bukan Melayu.

Yang aku masih ingat di antaranya ialah PKM yang telah ditubuhkan pada tahun 1930, Gabungan Persatuan Buruh Se-Malaya (Pan Malayan Federation of Trade Union), Malayan Demokratik Union (MDU), Persatuan Wanita Demokratik, Liga Pemuda Demokratik Baru, Malayan India Council, Malayan Teachers Union, Ex-Malayan Peoples' Anti Japanese Army Union (Persatuan Bekas Tentera Rakyat Malaya Melawan Jepun).

Kecuali Parti Komunis Malaya, semua pertubuhan bukan Melayu yang disebutkan di atas telah menubuhkan suatu gabungan yang dinamakan All Malayan Council for Joint Action (AMCJA) iaitu Majlis Bergerak Serentak Malaya.

Parti dan pertubuhan kiri Melayu juga membentuk suatu gabungan iaitu dinamakan PUTERA (Pusat Tenaga Rakyat). PUTERA terdiri daripada pertubuhan di antaranya ialah API, AWAS, GERAM dan Barisan Tani Se-Malaya (BATAS).

PUTERA mencadangkan suatu perlembagaan yang baru, antara lain ialah Tanah Melayu 'bersatu' termasuk Singapura; bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, kedudukan sultan dikembalikan. Kalau tidak silap pada Mac 1947, PUTERA dan AMCJA telah membentuk sebuah perikatan yang dikenali dengan nama PUTERA-AMCJA. PUTERA melantik sebuah badan kerja yang diketuai oleh Ishak Haji Muhammad. Sementara AMCJA pula membentuk sebuah badan kerja yang diketuai oleh Tan Cheng Lock.

Badan kerjasama PUTERA-AMCJA ini menentang gagasan Persekutuan Tanah Melayu dan mengemukakan sebuah Gagasan Pelembagaan Rakyat. Prinsip PUTERA-AMCJA dan isi Gagasan Pelembagaan Rakyat telah pernah disiarkan. Aku tidak mengulangi lagi di sini. Yang penting yang hendak aku sebutkan ialah semua cadangan dan gagasan PUTERA-AMCJA ini tidak dihiraukan oleh British. Penajah British hanya berunding dan bekerjasama dengan UMNO dan wakil-wakil Sultan.

Mengikut prinsipku jikalau seseorang atau sesuatu pihak itu tidak disukai oleh musuh maka itulah yang berpendirian tepat. Manakala pihak yang disukai oleh musuh itu dapat dianggap sebagai berada di pihak yang sama dengan musuh.

Cadangan tuntutan serta gagasan PUTERA-AMCJA terus ditolak oleh penajah British. Suatu perjuangan baru pula dilancarkan oleh PUTERA-AMCJA iaitu 'Hartal' di seluruh Malaya pada 20 Oktober 1947. 'Hartal' ialah suatu tindakan enggan bekerja yang dilakukan seluruh rakyat sebagai suatu bantahan. Buruh estet-estet dan lombong mogok dan kedai-kedai ditutup. 'Hartal' berjalan dengan lancar menurut undang-undang dan berjaya melumpuhkan ekonomi dan pentadbiran British.

Perjuangan front persatuan PUTERA-AMCJA tetap tidak dihiraukan British. Akan tetapi di dalam sejarah perjuangan Kemerdekaan Malaya, front ini telah memainkan peranan yang penting dan positif. PUTERA-AMCJA tetap tercatat dalam lembaran sejarah perjuangan. Gabungan PUTERA-AMCJA dipandang sebagai satu 'Barisan Hadapan' yang pertama sebagai wadah kerjasama dan perpaduan semua bangsa di Malaya. Badan ini berada di barisan hadapan, berbanding dengan UMNO dan perikatan UMNO, Malayan Chinese Association (MCA), Malayan Indian Congress (MIC) yang dilahirkan kemudian. AWAS yang mewakili wanita Melayu yang sedar dan maju merasa bangga kerana ikut di dalam Gabungan PUTERA-AMCJA yang bersejarah itu.

Tokoh-tokoh penting dalam AMCJA selain Tan Cheng Lock ialah Philips Hoalim, John Eber, Lim Kean Chye dan Gerald De Cruz dari MDU yang dilantik sebagai setiausaha AMCJA. Beliau seringkali berhubung dengan Ahmad Boestamam yang menjadi setiausaha PUTERA. Tan Cheng Lock (yang kemudiannya bergelar Tun) merupakan seorang yang progresif yang memperjuangkan Kemerdekaan dan antipenajah sekitar tahun 1947-48. Setelah Undang-undang Darurat diisyitharkan pada Jun 1948, beliau telah menubuhkan MCA pada 1949. MCA adalah parti Cina puak kanan yang menentang Komunis.

Kalau aku tak silap, Tun Tan Cheng Lock ini pernah diserang dengan bom tangan oleh Komunis. Mujurlah dia cedera sahaja. Tan Cheng Lock kemudian dibawa oleh Tunku Abdul Rahman bersama-sama dengan David Marshal iaitu Ketua Menteri Singapura untuk ikut menghadiri Rundingan Baling pada tahun 1955. Rundingan Baling ini dihadiri oleh pihak Kerajaan Malaya (kerajaan pemerintahan sendiri iaitu self government) yang terdiri dari Tunku Abdul Rahman, Tan Cheng Lock dan David Marshal di satu pihak dengan delegasi Parti Komunis Malaya (PKM) yang terdiri dari Chen Ping, Setiausaha Agung PKM, Rashid Maidin dan Chin Tien. Rundingan Baling yang bertujuan untuk mencipta keamanan dan menamatkan perjuangan bersejarah ini berakhir dengan kegagalan kerana Tunku Abdul Rahman memaksa pihak Komunis menyerah diri.

Penubuhan PETA

Setelah API diharamkan, tanah air kita yang dijajah oleh imperialis British telah kehilangan satu barisan pemuda yang berani menentang penjajahan iaitu satu pasukan pendesak dan pejuang kemerdekaan. Beberapa orang aktivis pemuda anggota PKMM, bekas-bekas anggota API dan gerakan pemuda progresif lain telah berbincang dan merancang untuk menubuhkan sebuah organisasi pemuda yang baru untuk menggantikan API yang telah padam itu.

Menurut catatan akhbar, satu kongres pemuda yang dikenali sebagai Kongres PETA telah diadakan di Temerloh, Pahang pada 28 Mac 1948. Negeri Pahang ketika itu memang menjadi kubu kuat organisasi PKMM. Bumi Pahang telah melahirkan begitu ramai para pejuang kemerdekaan iaitu pewaris pahlawan terkenal Dato' Bahaman dan Mat Kilau.

Kongres pemuda ini telah memutuskan secara rasmi menubuhkan sebuah organisasi pemuda yang diberi nama 'Ikatan Pembela Tanah Air' atau ringkasnya PETA. Wahi Anuwar telah dipilih sebagai ketua. Di antara para anggota pimpinan yang lain yang masih aku ingat ialah Ibrahim Baba, Atom Mon, Ali Ibrahim dan Idris Haji Abdul Rahman.

Aku juga hadir di kongres PETA ini dan telah membuat ucapan. Ucapanku merupakan perangsang untuk membangkitkan semangat dan daya juang pemuda. Turut berucap ialah Kamarulzaman Teh wakil PKM.

Suatu perarakan para perwakilan pemuda peserta kongres dan para penyokong gerakan pemuda telah diadakan di Temerloh. Perarakan yang mendemonstrasikan perjuangan kemerdekaan itu telah cuba dihalang oleh pihak berkuasa penjajah. Sepasukan anggota polis terdiri dari bangsa kita iaitu bangsa Melayu yang bekerja makan gaji telah digunakan oleh penjajah untuk mencegah perarakan pemuda itu. Beberapa orang pemuda yang berpakaian seragam putih terdiri daripada bekas anggota API yang berjalan di hadapan telah bertindak berani menentang tindakan polis yang cuba membubarkan perarakan itu. Perarakan telah berlangsung terus. Demikianlah secara ringkas tentang penubuhan PETA dalam suasana penindasan dan tekanan pihak penjajah ke atas gerakan kiri semakin kuat dan situasi boleh dikatakan sedang panas bergolak dengan perjuangan rakyat.

Undang-undang Darurat diisytharkan



Sekitar April 1948, keadaan mulai tegang. Perjuangan kaum buruh ditindas hebat. Aku mencuba mencari pemimpin tertinggi PKMM seperti Dr. Burhanuddin Al-Helmy dan Ishak Haji Muhammad untuk mendapatkan fikiran mereka tentang masalah perjuangan. Tetapi sungguh malang kerana aku tidak dapat menemui mereka.

Sebenarnya dalam pekerjaan harian, aku selalu berhubungan dengan beberapa orang petugas pusat PKMM seperti Wahi Anuwar dan Musa Ahmad. Kami selalu bekerjasama dan saling bantu membantu. Aku dan Zainab Mahmud berhubung dengan Wahi Anuwar dan Musa Ahmad kerana kami sama-sama anggota pimpinan PKMM.

Wahi Anuar dan Musa Ahmad memberitahu aku bahawa kami semua lebih baik meninggalkan Kuala Lumpur dan pergi menyembunyikan diri dengan cara berundur ke kampung, sebab situasi sudah tegang dan kemungkinan kami semua akan ditangkap. Wahi dan Musa mengatakan bahawa jika aku setuju berundur ke kampung, maka mereka sanggup membawa aku pergi bersama-sama. Aku menyatakan persetujuanku. Mereka menyatakan yang mereka akan pergi ke Kampung Lubuk Kawah di Temerloh, Pahang. PKMM, API, AWAS dan PETA agak kuat di Pahang. Kampung Lubuk Kawah adalah salah sebuah kampung yang paling kuat menyokong PKMM. Kira-kira pada April 1948, aku, Zainab, Wahi dan Musa bertolak pergi ke Kampung Lubuk Kawah. Kami disambut baik oleh penduduk kampung dengan memberi kami tempat tinggal dan makan minum. Salah seorang penduduk kampung yang paling kuat menyokong perjuangan kami ialah anggota AWAS yang bernama Mak Ngah Minah.

Nampaknya Kampung Lubuk Kawah ini telah disusun dengan amat rapi. Terdapat beberapa badan yang bertugas menyampaikan berita kedatangan askar-askar penjajah. Ada yang bertugas berhubungan dengan orang kampung sebagai 'mass worker' dan

yang menyediakan bekalan makanan serta tugas lainnya. Begitulah keadaan kami beberapa orang hidup bergerila di Kampung Lubuk Kawah itu selama hampir sebulan. Jika tentera penjajah datang, kami akan berundur ke pinggir hutan yang berdekatan. Apabila musuh sudah pergi, kami keluar balik bergerila di kampung.

Tentang Kem Se-Malaya

Pada akhir Mei 1948, Musa Ahmad dan Wahi Anuar memberitahu aku bahawa mereka dapat 'pemberitahuan' dari Jabatan Kerja Melayu Parti Komunis Malaya bahawa satu latihan militer, kursus politik dan ideologi akan diadakan di hutan Lubuk Kawah yang akan dihadiri oleh kader Melayu PKM dari seluruh Malaya. Mereka mencadangkan supaya aku dan Zainab Mahmud ikut serta. Aku setuju ikut serta.

Kem Se-Malaya itu kalau aku tidak silap, diadakan pada akhir Mei dan tamat pada pertengahan Jun 1948 di kawasan hutan Lubuk Kawah, Temerloh, Pahang.

Kem Se-Malaya ini dipimpin oleh PKM. Kem diketuai oleh seorang wakil Jawatankuasa Pusat PKM, seorang Cina yang memakai nama Melayu iaitu Haji Hashim. Nama sebenarnya ialah Chen Nan. Haji Hashim ialah wakil Jawatankuasa Pusat PKM yang bertanggungjawab memimpin pekerjaan di bahagian Melayu. Apa yang aku ketahui kemudiannya bahawa beliau memimpin kader-kader Melayu di peringkat pusat seperti Abdullah C.D., Kamarulzaman Teh, Rashid Maidin, Musa Ahmad dan Wahi Anuwar. Mereka semua hadir sama di Kem Se-Malaya ini. Lebih 30 orang hadir di kem ini. Hanya dua orang wanita sahaja yang hadir iaitu aku dan Zainab Mahmud.

Di Kem Se-Malaya telah diadakan berbagai-bagai kursus tentang soal menyusun massa, soal mengenai pembekalan bahan makanan, soal membentuk tentera, latihan asas militer dan lain-lain lagi. Setelah tamat Kem Se-Malaya ini, kader-kader telah kembali ke negeri masing-masing untuk menjalankan tugas-tugas yang telah ditetapkan.

Menjadi Anggota PKM

Setelah berakhirnya Kem Se-Malaya, aku telah disahkan menjadi anggota PKM iaitu pada 1948. Wahi Anuwar menyampaikan keputusan PKM itu. Sebagaimana yang aku katakan bahawa

dalam pekerjaan harian aku iaitu dalam gerakan AWAS, aku selalu berhubungan dengan Wahi Anuwar. Aku pun tidak mengetahui yang Wahi Anuwar dan Musa Ahmad adalah anggota PKM. Yang aku ketahui Rashid Maidin, Kamarulzaman dan Abdullah C.D. pernah diumumkan sebagai wakil terbuka PKM. Tidak ada yang luar biasa bagi orang Komunis ini. Mereka bekerja sepenuh hati untuk usaha Kemerdekaan tanah air dan banyak memberikan bantuan.

Pada masa itu tidak ada momok tentang Komunis dan PKM adalah dihalalkan dan ada Pejabat Perwakilan PKM di Foch Avenue di Kuala Lumpur. Memang aku selalu berbincang dan bertukar-tukar fikiran dengan Wahi Anuwar, Musa Ahmad dan lain-lain tentang soal perjuangan di dalam dan di luar negeri termasuk soal gerakan Komunis di dunia. Sewaktu aku bergerak bersama-sama Wahi Anuwar dan Musa Ahmad inilah aku sudah dicalonkan oleh mereka sebagai bakal menjadi ahli PKM. Tetapi beberapa ujian yang aku tidak ketahui telah dibuat dan dianggap lulus.

Aku pernah mendapat kursus daripada Wak Parto, seorang kader Parti Komunis Indonesia (PKI) yang dihantar untuk membantu pejuang Melayu yang masih rendah pengetahuan politik dan kurang pengalaman. Sewaktu aku berada di Indonesia pada tahun 1965, aku berpeluang bertemu dengan Wak Parto ini. Namanya yang sebenar ialah Pak Sulaiman.

Dipendekkan cerita, apabila aku diumumkan telah disahkan menjadi ahli PKM, aku tidak terkejut dan menyambut baik keputusan itu. Apa yang aku faham bahawa PKM adalah parti yang berani melawan penjajah untuk mencapai Kemerdekaan.

Pada tengah malam 20 Jun 1948, Undang-undang Darurat diisytiharkan di seluruh Malaya. Serentak pada malam itu pihak berkuasa penjajah British telah menangkap beribu-ribu orang kader dan anggota parti dan pertubuhan patriotik dan demokratik golongan kiri. Undang-undang itu sekaligus mengharamkan parti dan pertubuhan itu iaitu PKM, PKMM, AWAS, PETA, Barisan Tani Malaya (BATAS), Hisbul Muslimin, Liga Pemuda Demokratik (NDYL), Kesatuan Buruh dan lain-lain. Beribu-ribu para pejuang Kemerdekaan yang terdiri daripada putera puteri Melayu tanah air yang terbaik telah disumbatkan ke dalam penjara, ditahan di kem-kem tahanan di serata Malaya, diseksa, dihukum gantung dan dibuang negeri.

Pejuang yang terkenal seperti Ishak Haji Muhammad, Ahmad Boestamam dan ramai lagi yang sukar disebut satu persatu telah ditangkap. Negeri kita telah diselubungi 'terror putih penjajah

British.' Rakyat Malaya tidak lupa akan titik hitam dalam sejarah perjuangan tanah air kita.

Yang anehnya kenapa pertubuhan kiri yang diharamkan, dan anggota-anggotanya yang ditangkap sedangkan UMNO tidak diharamkan dan anggota-anggotanya tidak seorang pun yang ditangkap penjajah? Cubalah kita fikirkan kenapa halnya jadi begitu? Sudah nyata bahawa UMNO adalah propenjajah, bekerjasama dengan penjajah menindas golongan kiri. Yang aku katakan ini ialah UMNO pada 20 Jun 1948 bukan UMNO sekarang iaitu UMNO zaman Dr. Mahathir.

Setelah semua pertubuhan kiri diharamkan, maka tinggallah UMNO sahaja yang masih hidup tanpa saingan lagi. UMNO kemudiannya menjadi maju dan banyak ahlinya yang berubah pendiriannya terutama golongan pemuda. Jadi, UMNO berubah tampil ke hadapan mengubah slogan 'Hidup Melayu' menjadi 'Merdeka.' Inilah yang dibanggakan oleh UMNO iaitu berjuang secara berperlembagaan. Setelah Undang-undang Darurat diisytiharkan, tiga orang kader Melayu peringkat pusat PKM iaitu Abdullah C.D., Kamarulzaman Teh dan Rashid Maidin telah ditangkap. Abdullah C.D. telah ditangkap di kawasan Benta, Pahang Utara. Dia berjaya melepaskan diri dengan melucutkan gari di tangannya. Rashid Maidin juga telah ditangkap dan ditahan di kem tahanan Melaka. Dia juga berjaya melepaskan diri pada tahun 1951 dan berjaya masuk hutan. Kamarulzaman Teh telah ditangkap pada 21 Jun 1948 di Temerloh, Pahang. Dia dikatakan membawa sepucuk pistol. Dia dihukum gantung sampai mati tetapi kemudiannya diubah menjadi dipenjarakan seumur hidup dan diubah pula menjadi dipenjarakan selama 14 tahun dan dibebaskan pada tahun 1962. Penindasan penjajah ini memberi pukulan yang hebat kepada puak kiri. Begitu ramainya para pejuang yang terkurung tidak boleh bergerak lagi. Bagaimanapun api perjuangan Kemerdekaan itu tidak padam. Zaman perjuangan secara damai atau secara berperlembagaan telah ditutup dan bermulalah zaman perjuangan bersenjata.

Bernikah dengan Wahi Anuwar

Setelah tamat Kem Se-Malaya, aku dan beberapa kawan yang bersembunyi di Kampung Lubuk Kawah seperti Wahi Anuwar, Musa Ahmad dan Zainab Mahmud kembali semula bergerila di Kampung Lubuk Kawah. Tak lama kemudian aku telah bernikah dengan Wahi Anuwar. Sebenarnya hubungan aku dengan Wahi

terjalin sewaktu aku bekerja memimpin AWAS. Musa Ahmad juga telah bernikah dengan Zainab Mahmud iaitu Setiausaha Agung AWAS.

Situasi ketika itu sudah mulai tegang. Kami telah diperintahkan masuk hutan di kawasan Lubuk Kawah. Aku pun masuk hutan dan bermulalah era aku berjuang mengangkat senjata. Semangat cintakan tanah air dan Kemerdekaan serta kesetiaan kepada perjuangan telah membuat aku teguh dan sanggup masuk hutan. Yang penting ialah mencapai Kemerdekaan. Pada fikiranku setelah Merdeka maka segala-galanya akan dapat diselesaikan.

Aku bersama-sama lebih 20 orang pemuda pemudi anggota-anggota AWAS, API, PETA dan PKMM telah masuk hutan. Baju kurung dan kain batik yang dipakai oleh wanita telah bertukar dengan baju seragam tentera iaitu berseluar dan berkemeja. Kami bertugas sebagai penyusun massa. Kerja-kerja menyusun massa termasuklah, pertama untuk memberi penerangan kepada orang kampung tentang soal perjuangan bersenjata melawan penjajah untuk Kemerdekaan; kedua, membangkitkan rakyat untuk bersatu menyokong perjuangan bersenjata; ketiga, mengumpulkan barang-barang makanan; keempat, mendapatkan bantuan kewangan secara sukarela; kelima, menubuhkan bahagian yang bekerja menyampaikan berita kedatangan tentera penjajah; dan keenam, membentuk askar rakyat yang mengawasi gerakan anjing dan pengintip penjajah.

Peristiwa Sesat Kali Pertama



Selama di dalam perjuangan bersenjata melawan imperialis British dari tahun 1948 hingga 1956 (sebelum tercapainya kemerdekaan Malaya), aku telah mengalami peristiwa tiga kali sesat seorang diri di dalam hutan belantara Malaysia. Aku telah terputus hubungan dengan pasukan dan rakan-rakanku. Ini adalah suatu pengalaman yang meninggalkan kesan yang mendalam di sanubariku dan adalah satu ujian penting bagiku dalam menempuh kesulitan-kesulitan di dalam perjuangan.

Baru sebulan aku turut dalam perjuangan bersenjata melawan imperialis British yang mulai meletus pada 20 Jun 1948, aku bersama-sama 20 orang lebih rakan-rakan seperjuanganku yang bertugas sebagai penyusun massa (massa worker) telah mendirikan sebuah khemah untuk tempat tinggal. Pada petang itu kami turut diserang oleh pasukan tentera penjajah. Pada pukul 6.00 pagi keesokan harinya, setelah bangun dari tidur, aku pergi ke sebatang anak sungai yang berhampiran dengan khemah tempat kami tinggal untuk mencuci muka dan gigi dengan membawa berus gigi dan sebuah tin kecil. Jarak khemah dengan anak sungai itu kira-kira dua minit perjalanan saja. Keadaan waktu itu adalah genting kerana serangan musuh masih belum berakhir dan tidak terdengar sedikit pun suara dari rakan-rakanku yang berada di khemah itu. Malangnya sewaktu aku hendak balik ke khemah, aku telah tersesat. Maklumlah aku dibesarkan di bandar dan tidak mempunyai pengalaman mengenai selok-belok hutan maka tidak hairanlah kalau aku telah tersesat jalan meskipun khemahku tidak jauh dari tempat mencuci muka dan gigi itu. Waktu itu aku masih belum mempunyai senjata api.

Aku meredah hutan ke sana ke mari, tetapi tidak juga dapat mencari khemah dan rakan-rakanku. Kemudian aku teringat pernah orang berkata bahawa jika sesat dalam hutan cubalah

panjat pokok kayu yang tinggi dan dari atas pokok itu dapat melihat kampung. Aku pun tidak berlengah lagi terus memanjang sebatang pokok yang agak tinggi. Malangnya kerana aku adalah seorang wanita dan tak pernah pula memanjat pokok, maka baru saja memanjat aku pun menggelongsor ke bawah. Jadi, harapanku untuk memanjat dan melihat kampung dari atas pokok itu menjadi hampa. Mahu tidak mahu aku terus berjalan lagi berpusing-pusing di dalam hutan itu. Semakin jauh berjalan semakin jauhlah sesatnya. Dari hutan kecil masuk pula ke hutan besar iaitu di tepi Sungai Pahang. Ketika itu aku teringat pesan orang yang mengatakan bahawa jika terjumpa jejak kaki kerbau, maka ikutlah jejak itu hala menurun. Kebetulan aku benar-benar bertemu dengan jejak kaki kerbau. Aku mengikuti jejak tapak kaki kerbau itu di mana akhirnya aku sampai di tepi kampung Melayu. Untuk sampai ke kampung itu harus menyeberang sebuah tasik yang agak besar. Kebetulan pula di tasik itu ada sebuah sampan dan di seberangnya ada sebuah rumah orang kampung yang bertani. Kampung dan orang-orang di situ tidak kukenali. Aku menaiki sampan di tasik itu, memegang pengayuhnya dan cuba mendayung sampan. Sungguh malang pula aku sebenarnya tak pandai mendayung. Apabila kukayuh, sampan itu berpusing-pusing di tempat itu juga. Hatiku merasa sangat kesal kerana tak pandai mendayung sampan. Akhirnya sampan itu terbalik dan aku terjun ke dalam air. Sungguh sedih dan malang lagi, aku tidak pandai berenang pula. Mujurlah nasibku masih baik. Bunyi ceburan air ketika aku terjatuh ke dalam air dan bunyi deburan air yang kuat akibat tidak pandai berenang itu didengari oleh seorang wanita kampung pertengahan umur yang berada tidak jauh dari situ. Wanita itu datang menghampiri diriku dan membantuku naik ke darat. Wanita itu bertanya, dari mana aku datang. Demi menjaga keselamatan diri, aku terpaksa bercakap bohong. Aku mengatakan bahawa aku datang dari Benta untuk mendengar orang mengajai al-Quran di Lubuk Kawah. Aku mengatakan lagi bahawa orang kampung ada memberitahuku ramai askar penjajah sedang menuju masuk ke kampung itu. Kerana itu aku bersama-sama kawan-kawan yang lain telah lari ke tepi hutan untuk menyembunyikan diri, supaya tidak dijumpai oleh askar-askar musuh itu. Semasa melarikan diri, aku mengatakan yang aku telah berpecah dengan kawan-kawanku yang lain dan telah tersesat hingga sampai ke tempat ini. Wanita itu memberitahu aku, bahawa tentera penjajah baru saja datang

ke kampung ini dan telah pergi ke arah sebelah sana. Kebetulan ketika aku sedang bercakap-cakap dengan wanita itu, datang dua orang kawan seperjuanganku yang khusus diutus oleh pasukanku untuk mencari berita tentang kehilanganku di kawasan kampung itu. Kawan-kawan itu memberitahu aku supaya segera balik ke pasukan dan tidak boleh tinggal lebih lama lagi di sini kerana kampung di sebelah sana masih belum disusun, iaitu kampung itu masih belum menyokong perjuangan. Akhirnya dengan bantuan wanita itu dan dengan kedatangan dua orang kawan seperjuanganku yang diutus oleh pasukanku, aku berjaya kembali ke pasukan dan bertemu semula dengan rakan-rakan seperjuanganku kira-kira pada pukul 6.00 petang. Demikianlah kisah aku sesat di dalam hutan bagi kali yang pertama iaitu sesat selama satu hari sejak pukul 6.00 pagi sampai pukul 6.00 petang.

Kenapa hendak masuk hutan? Bagi orang-orang yang memperjuangkan Kemerdekaan, maka tidak ada pilihan lain lagi melainkan berjuang mengangkat senjata untuk menggulingkan penjajah apabila jalan damai sudah ditutup. Bukan kita yang menutupnya tetapi penjajah British. Semua pertubuhan dan parti politik yang demokratik telah diharamkan dan ribuan ahli-ahlinya ditangkap, dipenjarakan, dihukum gantung dan ditahan di kem-kem tahanan seluruh Malaya. Tiada jalan lain untuk berjuang secara damai atau secara berpelembagaan.

Tentang Kehidupan dalam Hutan dan Kelengkapan Perajurit

Bagi orang-orang yang pernah masuk ke dalam hutan besar tentu mengetahui bahawa udara di dalam hutan adalah sejuk kerana sinaran matahari dilindungi oleh pokok-pokok kayu yang besar. Kita akan berasa nyaman dan segar menghidu udara yang bersih di alam semula jadi. Kita boleh minum air dari sungai atau anak sungai yang bersih belum tercemar. Kita boleh mendengar kicauan burung dan suara teriakan beruk, monyet dan siamang. Yang anehnya di dalam hutan tidak ada nyamuk pada waktu malam.

Untuk tinggal di dalam hutan kita boleh membuat kem yang memuat lapan hingga sepuluh orang dalam masa satu jam saja. Di dalam hutan banyak terdapat pokok kecil yang bermacam-macam ukuran yang boleh kita buat lantai kem, tiang dan kayu kasar bumbung atap. Terdapat banyak pokok daun yang boleh

dibuat atap seperti pokok bertam dan lain-lain. Untuk pengikat, kita ambil rotan yang banyak ada di dalam hutan. Selain membina tempat tidur, kita bina pondok untuk dapur dan menyediakan tempat mandi yang biasanya terletak di tepi anak sungai. Kita juga menyediakan tempat untuk membuang air besar.

Untuk memasak, kita gunakan pokok kayu getah hutan yang namanya aku tak ingat lagi. Pokok itu ditebang dan dipotong dengan gergaji dan dibelah dengan kapak, dijadikan kayu api bagi tujuan memasak makanan. Kayu api ini boleh menyala walaupun masih basah. Sewaktu memasak kami menjaga agar asap tidak keluar sehingga dapat dikesan musuh.

Hutan memang baik untuk tempat bersembunyi. Musuh sukar mencari tempat kami tinggal. Walaupun tentera musuh banyak kali menggugurkan bom di dalam hutan tetapi tidak mengenai sasarannya, kerana musuh tak jelas sasaran kem-kem kami. Walaupun musuh menembak dengan 'mesin gan' dari udara tetapi hanya dahan-dahan kayu dan pokok-pokok kecil saja yang patah. Untuk menjaga agar kem kami tidak dapat dikesan musuh pada waktu malam maka waktu malam kami tidak memasang dan menyalakan api kecuali secara terkawal untuk menyalai dan mengeringkan pakaian basah.

Setiap kem mempunyai satu atau dua stor untuk menyimpan barang-barang makanan dan barang keperluan lain. Stor itu dirahsiakan. Hanya seorang atau dua orang sahaja yang dipilih untuk membuat dan menjaganya.

Setiap perajurit dibekalkan dengan sebuah *haversack* yang dibuat sendiri daripada kain kanvas untuk mengisi pakaian dan dibekalkan secupak beras diisi dalam *haversack* masing-masing sebagai persiapan kecemasan. Setiap orang juga dibekalkan dengan ubat-ubatan seperti ubat demam dan tablet penisilin. Selain itu, setiap orang dibekalkan dengan satu tin Quaker Oats (emping gandum) yang diikat di pinggang untuk persiapan kecemasan. Setiap orang mesti ada sebilah parang dan pemantik api. Setiap pasukan ada petugas bahagian kesihatan. Ada juga doktor yang berkelayakan.

Sewaktu bergerak dalam hutan besar kita akan digigit pacat yang menghisap darah; hingga di kaki dan memanjat ke badan, menghisap darah hingga kenyang. Kita hanya sedar apabila melihat pacat itu gemuk berisi darah melekat di kaki, betis dan kadang-kadang di badan kita. Untuk membunuhnya, kita jirus dengan air tembakau. Untuk mengelakkan daripada digigit pacat, kami membuat stokin kain daripada kain belacu putih, dijahit seperti

karung kecil tanpa bucu, dipakai seperti stokin. Pacat tak dapat menembusi kain itu.

Kami menggunakan lembaran plastik untuk membuat atap apabila hari hujan. Lembaran yang tipis untuk atap dan yang tebal untuk dijadikan tikar. Apabila hujan tiba, kita tebang pokok kayu, buat dua tiang dan sebatang kayu lagi untuk palang atap lembaran plastik yang kemudian dibentang di atas palang kayu itu. Hasilnya terbina atap tempat berlindung dari hujan.

Cara lain yang kami gunakan untuk membina tempat tidur ialah menggunakan kain kanvas. Kedua-dua hujung kain ditebuk. Masukkan kayu sepanjang setengah depa melolosi lubang kain itu. Kedua-dua hujung kain kanvas itu diikat dengan tali. Kemudiannya dibelitkan tali itu kepada dua batang pokok. Jadilah kain kanvas itu seperti ranjang tergantung, maka itulah dinamakan tempat tidur gantung yang kami panggil 'kong-kong.' Kepada kami ini tempat yang sangat selesa untuk tidur.

Sungguh aneh juga bahawa tidak ada binatang liar yang buas seperti harimau datang mendekati kem kami. Agaknya haiwan itu takut kepada sekumpulan manusia yang lengkap dengan alat senjata!

Jalan-jalan menuju ke kem kami di dalam hutan sentiasa dijaga dan ditutupi kesannya. Untuk makan dibuat beberapa meja tanpa tempat duduk. Seramai lapan orang makan pada setiap meja. Setiap orang makan sambil berdiri dengan senjata di badan dan mendukung *haversack*. Ini untuk memudahkan pergerakan, apabila diserang musuh. Setiap orang ada sebuah kole ayan, bekas nasi dan minuman dan sebatang camca. Untuk memasak nasi dan lauk, kami menggunakan besen aluminium yang senang dibawa ke mana-mana dengan diikat di belakang *haversack*.

Keadaan dalam belukar agak berlainan dibandingkan dengan hutan besar. Pokoknya tak besar dan banyak lalang yang menyebabkan banyak nyamuk dan udaranya pula panas. Kami terpaksa memakai kelambu. Kain membuat kelambu daripada kain semuntal iaitu kain lilit kepala yang dipakai oleh lelaki di sempadan Thailand. Kain ini dihadiahkan kepada perajurit kami. Empat helai semuntal ini dicantumkan boleh membuat sebuah kelambu. Demikianlah secara ringkasnya.

Perjuangan Bersenjata yang dipimpin PKM

PKM sahajalah satu-satunya parti yang sanggup memimpin perjuangan bersenjata yang bersusah payah melawan kekuatan

bersenjata imperialis British yang begitu kuat. PKM adalah parti yang teruji dan berpengalaman dalam memimpin perjuangan bersenjata waktu pendudukan fasis Jepun di Malaya. PKM adalah parti kelas buruh yang mempunyai disiplin yang teguh dan ahli-ahli yang tergembung dalam perjuangan kelas dan yang mempunyai kesedaran dan kesetiaan perjuangan yang tinggi. Penjajah British telah mengumpulkan begitu ramai tentera dan polis serta tentera upahan yang dikerahkan dari Australia, New Zealand, tentera Gurkha, tentera dari Zambia, Nyasaland (Malawi), Fiji dan tentera British sendiri yang dipimpin oleh Jeneral Templer bagi membasmi perjuangan kami. Begitulah bezanya angkatan bersenjata penjajah British yang dikerahkan untuk menghapuskan perjuangan bersenjata rakyat yang disebut 'pengganas Komunis.' British begitu takut kehilangan tanah jajahan Malaya.

Cuba kita bayangkan apakah penjajah boleh dengan mudahnya memberikan Kemerdekaan kepada Malaya dengan cara meminta-minta dan berkompromi.

Siapakah pengganas? Penjajah British menuduh para pejuang yang masuk hutan mengangkat senjata itu sebagai 'pengganas Komunis.' Memang begitulah taktik penjajah hendak memburukkan para pejuang Kemerdekaan kita yang berani melawan kekuatan penjajah yang kuat itu. Di samping jumlah tentera yang agak ramai, penjajah menggunakan senjata canggih untuk menentang pasukan rakyat termasuk menggugurkan bom dan menembak dengan mesin gan. Sebenarnya penjajah Britishlah yang benar-benar pengganas. Mereka membakar rumah rakyat dan tentera-tenteranya telah memperkosa ramai wanita Melayu kita di kampung-kampung.

Penjajah begitu takut dengan pejuang Komunis yang hendak menggulingkan mereka. Dalam perang, adil dan tak adil memang sukar dielakkan pertumpahan darah. Barang siapa yang berdiri di pihak penjajah dengan bersenjata sudah tentu akan dibalas – itu salah mereka kerana berdiri di pihak penjajah.

Kerana hendak menghapuskan pengganas Komunis, penjajah British melakukan banyak kekejaman dan penindasan terhadap rakyat. Mana-mana kampung Melayu yang kuat menyokong perjuangan seperti Kampung Jenderam di Selangor telah ditindas hebat. Penduduk dipaksa pindah dan dihalau ke Kem Kurungan Kluang. Penduduk Kampung Peruang di daerah Benta, Pahang Utara juga dihalau ke Kem Kurungan Lamai di Pekan. Bukankah ini bukti nyata kekejaman dan keeganasan penjajah? Penjajah terus

menerus menindas rakyat dengan mendirikan lebih 400 buah kem kurungan di Malaya yang mengurung satu juta lebih rakyat.

Tujuan penjajah mendirikan kem-kem kurungan ialah untuk menyekat rakyat supaya tidak dapat membekalkan barang-barang kepada Tentera Pembebasan Nasional (TPNM). Mana-mana kampung kecil lagi terpencil disatukan menjadi kampung besar yang berpagar siap dengan Auxillary Policenya (AP) untuk mengawal kampung. Memang benar jika tentera pembebasan tidak mendapat sokongan dan bekalan rakyat maka tentera rakyat akan kalah.

Meskipun dikurung begitu kejam rakyat masih mengadakan berbagai-bagai macam cara dan ikhtiar untuk memberi bekalan kepada tentera kita. Pasukan tentera kita dapat terus mengangkat barang perbekalan ke lubang-lubang yang ditentukan di kem kurungan itu. Untuk masa yang tertentu kami masih tetap mendapat bekalan.

Akan tetapi musuh semakin kejam dan licik. Apabila mereka mengetahui yang pasukan kita terus menerima bekalan di kem-kem kurungan itu, pihak tentera penjajah mengubah caranya untuk menyerang pasukan kita. Tentera musuh telah membuat hendapan yang rapi di sekitar tepi hutan yang menghalau ke kem kurungan itu. Akibatnya apabila pasukan kita keluar untuk mengangkat barang dan sampai di tepi hutan itu, maka pasukan kita telah diserang hebat. Kerana itu memang ramai juga anggota pasukan kita yang terkorban. Bekalan barang dari kem-kem kurungan itu jadi terputus.

Bagaimanapun rakyat masih tetap memberi bantuan makanan kepada kita. Mereka menyuruh kita mengambil sendiri tanaman di ladangnya yang terletak di luar kawasan kem kurungan. Pasukan kita masih dapat makan pisang muda, keledek dan kacang kuning untuk mengalas perut.

Pada tahun-tahun 50-an memang terjadi kekurangan bahan makanan. Anggota pasukan kita makan apa saja yang dapat untuk mengisi perut. Memang ini adalah kesukaran dan penderitaan yang kami hadapi dengan tabah.

Penilaian Terhadap Orang Melayu yang Berjuang dalam Hutan

Seorang tokoh veteran UMNO, Tan Sri Datuk Abdul Samad Idris dalam bukunya *25 Tahun Merdeka* cetakan 1982, halaman 253

menulis, "Pemberontakan yang dilakukan oleh orang Melayu di Jenderam, Selangor dan di Temerloh, Pahang serta lain-lain tempat di mana mereka telah menyekutukan diri dengan pengganas Komunis di dalam hutan janganlah dianggap kerana sahaman Komunis mereka masih tebal. Dari penelitian sejarah amatlah jelas bahawa mereka adalah tokoh-tokoh kebangsaan Melayu yang tulen. Mereka memilih jalan hanya dengan pemberontakan sahaja untuk mencapai Kemerdekaan." Tan Sri Abdul Samad Idris adalah seorang anti-Komunis. Meskipun begitu beliau mempunyai pandangan yang jauh dan bersikap terbuka iaitu berani mengakui kenyataan sejarah tanah air. Beliau menyokong kuat hasrat aku untuk pulang ke tanah air setelah berita itu disiarkan di akhbar. Beliaulah satu-satunya tokoh veteran UMNO yang bersikap positif dan terbuka. Beliau mengatakan lagi dalam bukunya itu di halaman 252, "Satu sebab lain yang memaksa Inggeris mengalah kepada UMNO ialah adanya pemberontakan bersenjata dicetuskan oleh Komunis di hutan-hutan."

Tan Sri Samad Idris adalah satu-satunya tokoh veteran UMNO yang berani mengakui fakta-fakta sebenar sejarah tanah air kita. Bagaimanapun Tan Sri Samad Idris dan sebahagian orang masih terikut-ikut dengan momok penjajah yang menuduh para pejuang di dalam hutan itu sebagai pengganas Komunis. Setelah pulang ke Malaysia pada Julai 1994 aku dan suamiku telah berkunjung ke rumah Tan Sri Samad pada 31 Julai 1994. Beliau telah beramah mesra dengan kami dan menghadiahkan tiga buah buku tulisannya serta wang tunai sebanyak \$200.00.

Aku dan suamiku juga telah bertemu dengan Tan Sri Aishah Ghani pada Ogos 1994. Beliau telah menerima kami dengan mesra. Aku memanggilnya Kak Aishah. Beliau juga telah memberi wang sebanyak \$200.00 sebagai tanda simpatinya. Demikianlah dua orang tokoh UMNO dan tokoh wanita yang aku temui setelah kembali ke Malaysia.

Dalam perjuangan bersenjata dalam hutan itu seramai 1,000 orang lebih putera-puteri terbaik dari Pahang sahaja telah terkorban dengan mulianya demi Kemerdekaan negara. Seorang daripadanya ialah saudari Maimun, isteri Alang Kassim iaitu adik ipar pelakon terkenal Datuk S. Roomai Noor. Maimun dan suaminya Alang Kassim (Yusuf), kedua-duanya telah terkorban dengan mulianya dalam perjuangan.

Berdirinya Tentera Pembebasan Nasional Malaya dan Penubuhan Rejimen Ke-10



TPNM didirikan secara rasmi pada 1 Februari 1949. TPNM adalah pasukan bersenjata yang dipimpin oleh PKM melalui Markas Agung Tentera Pembebasan Nasional Malaya. Ia adalah pasukan tentera rakyat yang berjuang untuk menghapuskan penjajah British dan untuk mencapai Kemerdekaan Malaya. Sejak perjuangan bersenjata meletus di seluruh Malaya sudah ada sembilan rejimen TPNM yang anggota-anggotanya terdiri daripada pelbagai bangsa.

Setelah perjuangan bersenjata meletus beberapa bulan, semakin ramai pemuda-pemudi di Pahang masuk hutan menjadi anggota TPNM. Syarat-syarat sudah cukup untuk menubuhkan sebuah Rejimen. Maka pada 21 Mei 1949, PKM telah menubuhkan Rejimen Ke-10. Semua anggotanya terdiri daripada orang Melayu. Ini adalah peristiwa penting yang bersejarah dalam perjuangan Kemerdekaan kita. Ini adalah bukti kebangkitan orang Melayu. Ketika itu TPNM ada sembilan rejimen. Maka rejimen orang Melayu yang baru ditubuhkan itu menjadi Rejimen Ke-10. Sebenarnya sehingga tahun 1953, TPNM semuanya berjumlah 12 rejimen.

Rejimen Ke-10 telah memainkan peranan penting dalam membangkitkan kesedaran orang Melayu dan memberikan pukulan yang semestinya kepada kekuatan tentera penjajah. Ternyata penjajah British telah mengerahkan kekuatan tenteranya yang besar untuk menyerang dan menghapuskan Rejimen Ke-10. Serangan penjajah ini lebih hebat ditujukan kepada Rejimen Ke-10 daripada rejimen yang lain. Rejimen Ke-10 yang masih muda itu telah mula melakukan beberapa serangan ke atas tentera dan polis musuh. Antara yang paling menonjol ialah serangan hendap di Batu 11, Jalan Chenor pada 5 Ogos 1949. Dalam peristiwa itu Rejimen Ke-10 berjaya menembak mati sebelas orang anggota Jungle

Squad dan merampas 22 pucuk senjata berserta sejumlah besar peluru dan alat kelengkapan tentera. Kejayaan ini mendapat surat pujian daripada Markas Agung TPNM.

Tentera Pembebasan Nasional Malaya adalah tentera bentuk baru yang tidak sama dengan tentera penjajah. Hubungan antara pegawai dengan perajuritnya adalah hubungan persaudaraan antara rakan seperjuangan. Masing-masing adalah setaraf dan mempunyai persamaan hak. TPNM mempunyai empat disiplin besar dan sepuluh disiplin kecil. Di antara disiplin besar itu ialah patuh kepada segala perintah, rampasan hendaklah diserahkan kepada organisasi dan sebagainya. Sepuluh disiplin kecil di antaranya, lemah lembut tutur kata, menghormati orang tua, tidak merosakkan dan mengambil tanaman rakyat, jual beli hendaklah adil, tidak memperkosa wanita dan menyayangi kanak-kanak serta menghormati adat resam rakyat, tidak membunuh tawanan dan menjaga kepentingan rakyat. Tentera TPNM disayangi rakyat kerana mereka berjuang untuk rakyat.

Anggota Markas Besar Rejimen Ke-10 ialah Abdullah C.D. sebagai Komisaris Politik, Wahi Anuwar sebagai Komander dan Musa Ahmad sebagai Pegawai Politik.

Setelah Rejimen Ke-10 ditubuhkan aku terus bersama pasukan yang dipimpin oleh Wahi Anuwar. Kerja aku ialah sebagai penyusun massa. Aku pergi ke kampung menemui rakyat, memberi penerangan tentang perjuangan bersenjata melawan penjajah British untuk mencapai Kemerdekaan dan untuk menyatukan mereka supaya memberi sokongan kepada perjuangan.

Peristiwa Sesat Kali Kedua

Sebagaimana yang telah diceritakan dalam memoir ini, pada 20 Jun, 1948 penjajah British telah mengisyiharkan Undang-undang Darurat di seluruh Malaya dan serentak dengan itu telah menangkap beribu-ribu orang pemimpin dan anggota-anggota parti-parti politik dan organisasi-organisasi massa sayap kiri serta mengharamkan wujudnya pertubuhan-pertubuhan tersebut. Aku, bersama beberapa orang pemimpin-pemimpin pertubuhan kebangsaan Melayu sayap kiri telah lari ke hutan untuk melakukan perjuangan bersenjata atau revolusi di bawah pimpinan Parti Komunis Malaya. Pada Ogos, 1948 iaitu ketika masih bergerak di kampung-kampung Lubuk Kawah dan di Temerloh Pahang, aku telah berkahwin dengan Wahi Anuwar yang ketika itu menjadi Komander Rejimen Ke-10 dari Tentera

Pembebasan Nasional Malaya. Nama Tentera Pembebasan Nasional Malaya ini baru diumumkan secara rasmi pada 1 Februari 1949.

Pada akhir tahun 1949, pasukan induk Rejimen Ke-10 yang terdiri seluruhnya dari orang Melayu seramai 300 orang lebih telah mengadakan perjalanan ke utara dari Temerloh menuju ke suatu kawasan untuk membuka daerah bebas. Aku dan suamikui, Wahi Anuwar serta pemimpin-pemimpin lainnya dari Rejimen Ke-10 iaitu Abdullah C.D. dan Musa Ahmad juga berada di dalam pasukan itu. Ketika itu aku sedang hamil dan segera akan melahirkan anak. Ketika sampai di Padang Piul, pasukan Rejimen Ke-10 itu telah diserang oleh tentera musuh (tentera penjajah Inggeris). Waktu itu hari sudah petang. Seluruh anggota pasukan itu sedang berehat setelah berjalan selama sehari. Ada yang membuat khemah, ada yang bersiap-siap untuk memasak makanan dan ada yang pergi mandi. Senjata-senjata mereka diletakkan di satu tempat. Justeru, ketika itulah musuh melakukan serangan. Akibatnya ada sebahagian orang telah kehilangan senjatanya termasuklah aku sendiri. Peristiwa itu dikenal dengan nama Peristiwa Padang Piul. Dalam kejadian ini, pasukan Rejimen Ke-10 itu telah berpecah belah dan sebahagian besar anggotanya telah keluar menyerah diri kepada musuh.

Aku juga berpecah dengan suamiku Wahi Anuwar. Mujurlah kemudiannya aku dapat bertemu kembali dengan beliau. Mereka kemudiannya telah membuat sebuah khemah di kawasan itu kerana aku dijangka akan melahirkan anak. Akibat serangan musuh tadi menyebabkan pasukan Rejimen Ke-10 telah berpecah belah di mana hubungan antara satu dengan lainnya telah terputus. Rancangan perjalanan ke utara itu telah gagal. Di dalam khemah itulah aku melahirkan seorang anak lelaki di mana Wahi Anuwar menjadi bidannya. Ketika anak itu berumur satu bulan setengah, ketika masih tinggal di khemah persembunyiannya itu, tentera penjajah telah datang menyerang khemah kami. Waktu itu hanya aku bersama Wahi saja yang ada di khemah itu. Pengawal tubuh Wahi telah diutus pergi ke kampung untuk mencari makanan dan sambungan dengan pasukan induk. Tentera musuh sudah sampai di dapur khemah. Aku nampak tentera musuh yang sudah hampir benar dengan tempat tidurku, lantas aku menjerit mengatakan musuh datang. Aku dan Wahi segera terjun dari khemah kami dan terus mlarikan diri. Musuh pun terus melepaskan tembakan hebat ke arah Wahi yang lari menuju ke atas bukit. Sementara

aku pula lari ke arah lereng bukit. Pendeknya masing-masing membawa nasibnya sendiri. Setelah aku berlari tidak beberapa jauh, aku teringat kepada anak kecilku yang telah tertinggal di dalam khemah itu. Tanpa menghiraukan hujan peluru musuh itu, aku telah bergegas balik semula ke khemah untuk mengambil anakku. Biarpun nyawanya mungkin akan melayang dan tanpa sedikit pun merasa gentar kepada tembakkan peluru musuh yang bertubi-tubi itu, aku berlari mengambil anakku dan seterusnya berjaya membawa anakku lari. Ketika lari bersama-sama anakku, seluar panjang tipis yang kupakai telah tersangkut duri. Seluar itu telah kubuang untuk memudahkan pergerakan. Jadi aku hanya memakai seluar dalam dan kemeja saja. Sambil mengendung anak, aku terus lari tanpa sasaran dan tanpa sepuak senjata pun di badanku kerana senjataku telah hilang sewaktu diserang musuh di Padang Piul. Dalam keadaan sedemikian, aku dengan mudah boleh ditembak mati atau ditangkap hidup-hidup oleh musuh seandainya musuh dapat bertemu denganku.

Aku berjalan terus di dalam hutan itu sambil mengendong anakku. Tak lama kemudian hujan pun turun dengan lebatnya. Badanku basah kuyup oleh air hujan dan aku merasa kesejukan. Anakku minum air hujan yang turun mengalir melalui buah susuku kerana aku tidak ada air susu. Dua helai kain bedung anakku telah tercincir. Oleh itu anakku menjadi bogel saja tanpa kain bedung. Selama sesat itu aku dan anakku terus digigit pacat. Ada masanya badan anakku itu telah digigit oleh pacat sampai 20 ekor. Aku membuang pacat itu seekor demi seekor yang sudah kenyang makan darah anakku. Aku merasa sedih dan kasihan melihat nasib yang menimpa anakku yang masih kecil itu. Bagaimanapun aku tetap tabah dan bersemangat teguh dalam menghadapi ujian perjuangan.

Setelah sehari semalam berputar di dalam hutan itu, aku berjumpa jalan yang menuju ke khemahku yang diserang musuh itu. Aku ingin melihat suasana khemah yang telah diserang musuh itu. Aku meletakkan anakku di sisi sebatang pokok kayu besar yang difikirkan selamat. Aku hendak pergi seorang diri ke khemah itu. Menurut fikiranku, membawa anakku bersama-sama mungkin akan menemui bahaya dapat diketahui oleh musuh sekiranya anak itu menangis. Anak itu tertidur saja apabila aku meletakkannya di sisi pokok besar itu kerana badannya sangat lemah disebabkan tidak ada susu untuk diminum. Aku berjalan perlahan-lahan dan berhati-hati menuju

ke khemah yang telah diserang musuh itu. Jarak aku meletakkan anakku dengan khemah yang dituju ialah kira-kira tiga minit perjalanan. Jika anak itu menangis, suara tangisan anak tu tidak akan dapat didengari oleh musuh.

Aku berjalan menghampiri khemah. Kulihat ada tiga orang askar musuh yang bersenjata sedang duduk di khemah itu. Aku segera berundur kembali ke tempat di mana aku meletakkan anakku tadi. Tidak disangka-sangkanya aku tak dapat mencari anakku itu. Aku juga tidak mendengar bunyi tangisan anakku. Sebenarnya anak itu tidak berdaya menangis kerana badannya tersangat lemah. Selama setengah jam aku mencari anakku barulah berjumpa. Gembira bercampur sedih hatiku sewaktu menemui anak kesayanganku itu.

Seterusnya aku berjalan lagi di dalam hutan itu selama dua hari tanpa makanan dan cuma minum air hujan saja. Selama dua hari itu aku berjalan meredah hutan yang dirasakan seolah-olah hutan itu tidak ada tepinya. Aku berharap semoga dapat bertemu dengan Wahi Anuwar atau teman-teman seperjuanganku yang lain tetapi harapanku itu adalah sia-sia belaka. Aku tidak menyedari lagi apakah hari itu siang ataupun petang. Sampai kepada malam yang ketiga, aku merasa badanku sudah lemah tidak bermaya dan putus harapan untuk mencari hubungan dengan pasukanku. Aku sudah bertekad untuk mati bersama-sama anakku. Aku pun membaringkan anakku itu di sisiku dan merebahkan diriku di sisi sebatang pokok kayu besar, bersedia untuk menunggu kematian. Kemudiannya aku tertidur.

Pada keesokan harinya apabila aku terjaga dari tidur iaitu pada hari keempat aku sesat, aku merasa badanku segar sedikit. Aku bangkit mengendong anakku dan terus berjalan lagi di dalam hutan itu. Mujurlah di hutan itu tidak ada harimau. Kalau ada, mungkin aku dan anakku sudah mati dimakan oleh harimau. Sudah empat hari tiga malam aku sesat di dalam hutan bersama-sama dengan anakku. Aku bernasib baik dan umurku masih dipanjangkan oleh Tuhan. Justeru, pada hari keempat aku sesat itu iaitu lebih kurang pada pukul 3.00 petang, aku bertembung dengan dua orang lelaki anggota jawatankuasa cawangan Parti Komunis Malaya (PKM) keturunan Cina di kawasan itu. Mereka memang bertujuan untuk pergi ke khemah tempat tinggal aku bersama-sama Wahi Anuwar. Mereka tidak tahu bahawa khemah aku itu telah diserang oleh musuh. Aku melaung kepada dua orang kawan itu supaya jangan datang menghampiriku kerana aku tidak memakai seluar panjang dan

anakku bertelanjang saja sebab kain bedungnya sudah tercicir. Setelah mengetahui keadaan itu, seorang kawan itu telah menanggalkan seluar panjangnya untuk diberi pakai kepadaku bagi menutup urat. Aku merasa lega dan gembira dapat bertemu dengan kawan-kawan yang mencariku. Perutku terasa sangat lapar dan dahaga kerana sudah empat hari tiga malam aku sesat tanpa makanan. Kebetulan di situ ada lopak air keruh yang tertakung air hujan. Tanpa ragu-ragu aku pun minum air di lopak itu dengan sepantas-pantasnya. Setelah puas aku minum air itu, maka tiba-tiba badanku serta merta menjadi lemah dan tidak berdaya lagi untuk berjalan. Dua orang kawan yang menemuiku tadi telah memapahku berjalan ke suatu tempat agar aku dapat berasah dan menunggu di situ sementara mereka balik ke khemah mereka untuk memberi laporan kepada ketuanya. Setelah itu kira-kira pada pukul 6.00 petang, seorang kawan wanita keturunan Cina datang membawa pakaian dan sedikit makanan. Aku pun makan makanan yang dibawa itu.

Setelah badanku menjadi segar sedikit aku pun dibawa ke khemahnya iaitu khemah anggota jawatankuasa cawangan PKM di kawasan Jerantut, Pahang. Anggota jawatankuasa cawangan PKM di situ memberitahuku kemudiannya bahawa Wahi Anuwar telah menyerah diri kepada kerajaan penjajah Inggeris bersama-sama pengawal tubuhnya. Dengan kejadian ini, aku telah berpisah dengan Wahi Anuwar untuk selama-lamanya. Peristiwa penyerahan diri Wahi Anuwar dan peristiwa sesat yang penuh dengan penderitaan itu sedikit pun tidak melemahkan tekadku untuk terus berjuang melawan penjajah. Demikianlah peristiwa aku sesat untuk kali kedua.

Setelah tidur semalam di khemah jawatankuasa cawangan PKM di kawasan itu maka mereka telah memberitahuku bahawa anakku yang baru berumur sebulan setengah itu sebaiknya dihantar ke kampung supaya dipelihara dan dibesarkan di luar oleh orang kampung. Mereka mengatakan bahawa di dalam revolusi adalah sukar untuk memelihara anak kecil. Musuh selalu melakukan serangan dan banyak kesulitan akan dihadapi. Pasukan selalu berpindah randah tempat dan makanan pun tidak terjamin. Katanya lagi mereka telah mencari orang yang ingin memelihara anak itu. Orang itu keturunan Cina dan adalah orang berada pula. Orang itu hendak balik ke China dan anak itu akan dibawa ke sana. Katanya China sudah bebas. Di kemudian hari aku boleh mencari anakku itu di China. Demi perjuangan untuk melawan penjajah British pada masa itu, aku

telah bersetuju dengan pendapat mereka walaupun hatiku merasa sedih dan berat hendak berpisah dengan anak kesayanganku yang masih kecil itu.

Kira-kira pada pukul 10.00 pagi pada hari kedua itu, anakku telah dibawa pergi oleh dua orang anggota jawatankuasa cawangan PKM keturunan Cina di kawasan itu. Aku ingin menukar kain bedung anakku itu tetapi dua orang kawan itu mengatakan tak perlu ditukar kerana tempatnya tidak jauh dan ibu bapa angkatnya itu orang kaya. Mereka kelihatannya hendak cepat-cepat pergi dengan alasan keadaan tidak baik kerana adanya serangan askar penjajah di kawasan itu. Aku hanya dapat memberikan sehelai tuala putih saja kepada anakku itu. Lebih kurang pada pukul 2.00 petang hari itu juga, dua orang kawan yang membawa keluar anakku itu pulang dengan mengatakan anakku itu telah selamat diserahkan kepada orang kampung yang merasa gembira mendapat anak itu. Dua orang anggota jawatankuasa cawangan PKM yang menghantar keluar anakku itu ialah orang-orang yang telah menemui aku ketika sesat selama empat hari tiga malam di dalam hutan bersama-sama dengan anakku sebagaimana cerita yang telah disebutkan di atas tadi.

Sebenarnya anakku itu telah dibunuhan oleh tiga orang anggota jawatankuasa cawangan PKM keturunan Cina di kawasan itu iaitu termasuk dua orang yang membawa keluar anakku yang dikatakan telah dihantar kepada orang kampung untuk dipelihara. Hal ini adalah di luar dugaanku dan semuanya berlaku seperti dalam mimpi saja. Peristiwa anakku telah dibunuhan itu baru diketahui olehku tiga tahun kemudiannya, iaitu pada 1952. Pada 1952, aku telah ditugaskan untuk bekerja di bahagian surat khabar di Perak oleh pimpinan PKM dan Rejimen Ke-10. Dalam perjalanan ke Perak itu aku telah bertemu dengan Musa Ahmad yang ketika itu ialah anggota pimpinan Markas Rejimen Ke-10. Musa Ahmadlah yang memberitahuku tentang kejadian anakku telah dibunuhan itu. Musa Ahmad yang bertindak sebagai mewakili pimpinan pusat PKM mengatakan kepadaku bahawa anakku telah dibunuhan oleh tiga orang anggota jawatankuasa cawangan PKM seperti yang disebut di atas. Musa mengatakan bahawa pimpinan pusat PKM mengaku bahawa anakku itu telah dibunuhan oleh kader PKM peringkat bawah. Musa Ahmad mengatakan lagi bahawa mengikut disiplin parti si pembunuhan itu mesti dihukum mati. Tetapi kerana yang bertanggungjawab melakukan pembunuhan itu tiga orang, maka

tidak patut tiga orang itu dihukum mati. Mereka itu adalah tenaga revolusi sedangkan anak yang mati itu belum ada jasa kepada revolusi. Sebab itu, menurut pendapat pimpinan pusat PKM, jika dihukum seorang saja tidaklah adil dan jika dihukum mati ketiga-tiga orang itu maka adalah tidak sepadan dengan kesnya. Berdasarkan keadaan itu, maka pimpinan PKM memutuskan tidak mengambil tindakan menghukum mati ke atas tiga orang itu tetapi mengenakan hukuman yang selayaknya dengan memberi peluang kepada mereka untuk menebus dosanya melalui kerja-kerja revolusi. Musa Ahmad lalu bertanya kepadaku bagaimana fikirannya tentang keputusan PKM itu. Oleh kerana aku masih setia kepada parti dan revolusi, maka aku telah menerima baik dengan perasaan tenang keputusan PKM itu. Biar bagaimanapun anakku itu sudah mati dan yang sudah mati itu tidak akan hidup kembali. Aku menganggap segalanya-galanya itu telah berlaku dengan kehendak dan takdir Tuhan. Demikianlah cerita sebenarnya tentang anakku itu.

Musa Ahmad sebagai bekas Pengerusi PKM telah menyerah diri kepada kerajaan Malaysia pada 1981. Dalam wawancaranya di televisyen Malaysia pada 6 Januari 1981, Musa dengan berdusta mengatakan bahawa aku terpaksa mencampakkan bayiku yang berumur tiga bulan ke dalam sungai kerana bimbang dengan tangisan bayi itu nanti membahayakan "Unit Pengganas" tersebut. Tidaklah dapat dimengerti kenapa Musa Ahmad boleh tergamac untuk berdusta kepada masyarakat kita sedangkan Musalah yang menyampaikan berita kejadian anakku itu yang telah dibunuh oleh kader PKM kepadaku. Dalam siaran akhbar *Utusan Malaysia* pada 8 Ogos 1987, diberitakan bahawa Syed Alwi yang mengaku dirinya teman sekolahku pula mengatakan bahawa aku telah menghempaskan anakku itu ke batu setelah aku kecewa dengan tindakan suamiku menyerah diri kepada polis. Nyatalah keterangan dan tuduhan Syed Alwi itu tidak benar dan karut sama sekali. Diharap penjelasan dan kisah-kisah yang aku ceritakan ini dapat menjernihkan persoalan dan membersihkan sama sekali tuduhan-tuduhan keliru terhadapku. Demikianlah cerita tentang anakku dan kisah aku sesat selama empat hari tiga malam bersama-sama dengan anak kecilku di dalam hutan Pahang iaitu kisah aku sesat kali yang kedua.

Aku Bukan Pembunuh

Akhbar *Utusan Malaysia* dan *Utusan Melayu* keluaran 8 Ogos 1987 ada menyarkan berita keronnya bekas teman sekolahku mendakwa bahawa aku telah membunuh anakku yang masih kecil, hasil perkahwinanku dengan Wahi Anuwar, di sebuah kawasan hutan. Anak kecil itu, menurut beliau telah dihempaskan ke atas batu setelah aku dikatakan kecewa dengan tindakan suamiku menyerah diri kepada polis. Musa Ahmad, bekas Pengurus, PKM yang telah menyerah diri kepada Kerajaan Malaysia dalam wawancaranya di televisyen Malaysia pada 6 Januari 1981 ketika menjawab soalan wartawan RTM mengatakan bahawa aku terpaksa mencampakkan bayiku yang berumur tiga bulan ke dalam sungai kerana bimbang dengan tangisan bayi itu nanti akan membahayakan keselamatan unit penganas tersebut. Semua keterangan atau tuduhan yang dinyatakan itu adalah tidak benar sama sekali. Tuduhan ini amat mengelirukan dan meninggalkan kesan yang buruk kepadaku. Sebab itulah aku terpaksa membuat penjelasan agar semua pihak mengetahui hal yang sebenarnya dan dengan demikian dapat menjernihkan suasana kecurigaan umum terhadapku.

Pada Jun 1948, aku bersama-sama beberapa orang pemimpin PKMM, puak kiri yang telah diharamkan ketika Undang-undang Darurat diisyiharkan oleh penjajah British, telah lari ke hutan untuk menyertai perjuangan bersenjata di bawah pimpinan PKM. Pada Ogos 1948, iaitu ketika masih bergerak di Kampung Lubuk Kawah, Temerloh, Pahang, aku telah berkahwin dengan Wahi Anuwar. Pada tahun 1949 pasukan Melayu dari Rejimen Ke-10 termasuk aku dan Wahi Anuwar telah bergerak ke utara Temerloh. Waktu itu aku sedang hamil. Dalam perjalanan, kami telah diserang oleh pasukan tentera penjajah dan akibatnya pasukan kami telah berpecah-belah. Peristiwa ini berlaku di Mentakab dan dikenali sebagai peristiwa Padang Piul.

Kemudiannya aku bersama-sama suamiku Wahi Anuwar terpisah dengan pasukan induk dan terpaksa mendirikan khemah persembunyian. Wahi mengarahkan pengawal peribadinya mencari bekalan makanan yang secukupnya untuk kami yang masih tinggal di khemah kerana hubungan dengan pihak luar telah terputus. Kedudukan kami pada masa itu agak goyah. Aku seboleh-bolehnya memperjudikan diri berlari di tengah-tengah hujan peluru untuk menyelamatkan anakku yang masih bayi dari diburu. Selama

empat hari empat malam aku merayau-rayau di hutan tanpa bekalan makanan yang secukupnya.

Dipendekkan cerita, setelah tiga hari aku sesat di hutan, aku sudah putus asa untuk mencari bantuan dan bertekad untuk mati bersama-sama anakku. Lalu aku membaringkan anakku di atas tanah dan kemudian merebahkan diri di sisinya di tepi sebatang pokok kayu besar. Sejurus kemudian aku pun tertidur kerana terlalu letih. Setelah terjaga pada keesokan harinya aku berasa badanku agak bertenaga, lalu bangkit mengendong anak dan terus berjalan. Mungkin ditakdirkan umurku masih panjang kerana sewaktu berjalan-jalan itu aku telah bertembung dengan dua orang lelaki ahli jawatankuasa PKM kawasan itu yang berketurunan Cina. Mereka dalam perjalanan ke khemah kami tanpa mengetahui bahawa khemah itu telah diserang musuh. Aku kemudian telah dibawa ke tempat persembunyian mereka.

Setelah tidur semalam di khemah jawatankuasa cawangan kawasan itu, mereka memberitahu bahawa anakku yang baru berumur sebulan setengah itu sebaiknya dihantar ke kampung supaya dipelihara dan dibesarkan oleh orang kampung. Kata mereka di dalam revolusi adalah sukar untuk menjaga anak kecil. Musuh selalu menyerang, pasukan selalu berpindah-randah dan makanan pun tidak terjamin. Kata mereka lagi, mereka telah berjumpa dengan orang yang ingin memelihara anak itu. Orang itu adalah seorang Cina yang akan balik ke negara China. Anakku akan dibawa bersama. Mereka berkata China sudah bebas. Di kemudian hari aku akan dapat mencari anakku itu di negara China, katanya. Demi perjuangan melawan imperialis British pada masa itu, aku telah bersetuju dengan pendapat mereka meskipun aku berasa sedih dan berat hendak berpisah dengan anak kesayanganku yang masih kecil itu. Mereka juga memberitahuku bahawa Wahi Anuwar telah menyerah diri kepada British. Tidaklahku sangka rupa-rupanya perpisahanku dengan Wahi Anuwar sewaktu diserang dulu merupakan perpisahan untuk selama-lamanya.

Aku tidak tahu rupa-rupanya berita penyerahan diri Wahi Anuwar adalah propaganda British semata-mata. Sebenarnya setelah berpisah itu, dia ditangkap oleh tentera British. Dia kemudian dimasukkan ke dalam penjara selama 10 tahun dari 1950 hingga 1960. Aku terbaca tentang kisah Wahi ini setelah aku balik ke Malaysia selepas 1994. Tulisan itu terkandung dalam *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka yang ditunjukkan kepadaku oleh seorang kawan yang mengikuti sejarah perjuanganku.

Aku kemudian dihantar oleh PKM pergi bekerja di Pahang Utara, di sebuah organisasi yang terdiri daripada bangsa Melayu. Pada 1952 ketika aku diutus untuk bekerja di bahagian akhbar di Perak, aku telah bertemu dengan Musa Ahmad yang ketika itu adalah seorang anggota Markas Rejimen Ke-10. Musa Ahmad yang bertindak mewakili pimpinan PKM telah menyampaikan keputusan PKM yang memberitahu bahawa anak yang aku fikirkan telah dihantar untuk dipelihara oleh orang kampung itu sebenarnya telah dibunuh oleh tiga orang anggota jawatankuasa cawangan di tempat itu. Ini adalah sama sekali di luar dugaanku. Kata Musa, mengikut disiplin parti si pembunuhan itu mesti dihukum mati. Tetapi kerana yang melakukan pembunuhan itu tiga orang, maka tidak patut ketiga-tiga orang itu dihukum mati. Mereka itu adalah tenaga revolusi sedangkan anak kecil yang mati itu belum ada jasanya kepada revolusi. Menurut pendapat parti, jika dihukum, seorang saja maka tidaklah adil. Jika dihukum mati ketiga-tiga orang itu maka barulah sepadan dengan kesnya. Oleh itu, pihak PKM memutuskan tidak akan mengambil tindakan menjalankan hukuman mati ke atas ketiga-tiga orang itu tetapi mengenakan hukuman yang setimpal iaitu dengan memberi peluang kepada mereka untuk menebus dosanya melalui kerja-kerja revolusi. Musa Ahmad telah bertanya kepadaku bagaimana fikiranku tentang keputusan parti itu. Sebab aku masih setia kepada parti dan revolusi maka aku telah menerima keputusan PKM itu dengan perasaan yang tenang. Walau apa pun anakku sudah mati dan tidak akan hidup kembali. Itulah peristiwa sebenar yang telah berlaku lebih 40 tahun yang lalu, iaitu pada awal perjuangan bersenjata melawan penjajah British. Tuduhan yang mengatakan aku membunuh anak itu tidak benar dan merupakan suatu fitnah. Sebagai seorang ibu yang telah menyelamatkan anaknya di tengah-tengah hujan peluru tentera penjajah dan bersama-sama pula dengan anak sesat selama empat hari tiga malam dengan penuh sengsara, dan sebagai seorang pejuang kemerdekaan, tergammakkah seorang ibu membunuh anaknya sendiri?

* * *

Penyusun Massa di Benta, Pahang Utara

Pada 1950 iaitu setelah aku selamat dari serangan musuh di Padang Piul dan selamat kembali ke pasukan selepas peristiwa aku sesat bersama-sama anak aku itu, maka PKM dan pimpinan Rejimen

Ke-10 telah menugaskan aku berpindah bekerja di sebuah organisasi massa di Benta, Pahang. Satu seksyen petugas Melayu yang bekerja di tempat itu diketahui oleh seorang ketua yang bernama Osman.

Pada ketika itu bekalan makanan sukar didapati. Kawan-kawan telah mencari ubi gadung iaitu ubi liar di dalam hutan yang beracun untuk makanan tambahan. Ubi gadung itu hendaklah dibersihkan dan dihiris nipis-nipis. Kemudian masukkan ke dalam bakul dan direndam dalam air sungai yang mengalir selama tiga hari tiga malam. Apabila ternampak berudu (anak katak) datang memakannya maka itu menandakan ubi gadung itu sudah boleh dimakan.

Pada suatu hari ada beberapa orang kawan yang kelaparan telah memakan gadung yang direndam tetapi belum sampai masanya. Akibatnya semua kawan yang berada di khemah itu telah mabuk, muntah dan tertidur. Aku juga terasa mabuk tetapi aku segera makan ubat penisilin iaitu pil manis yang dibekalkan kepada kami. Berkat makan penisilin itu aku terselamat dari mabuk dan berasa segar. Aku kemudiannya memberitahu kawan yang lainnya supaya makan ubat penisilin itu. Akhirnya semua kawan di situ telah selamat dan sembah daripada mabuk. Ketua aku si Osman telah mengkritik aku kerana tidak memberitahu mereka awal-awal tentang perlunya makan penisilin itu. Ubat penisilin itu ada disimpan oleh setiap orang pekerja massa untuk persediaan darurat. Demikianlah kisah kawan seperjuangan mabuk kerana makan ubi gadung yang masih beracun. Mujurlah musuh tidak datang menyerang. Jika musuh betul-betul datang menyerang, maka semua kawan di situ akan terkorban atau tertangkap.

Selepas peristiwa mabuk makan ubi gadung itu, terjadi satu kemalangan pula iaitu sebatang pokok besar telah tumbang pada waktu malam semasa hari hujan lebat. Pokok itu jatuh menghempap kem tempat Osman tidur. Akibatnya kaki Osman patah dan cedera teruk. Untuk suatu ketika aku dan kawan lainnya telah tinggal di kem itu untuk membantu dan merawat Osman yang cedera.

Peristiwa Sesat Kali Ketiga

Pada 1950, aku ditugaskan oleh PKM bekerja di sebuah organisasi PKM yang terdiri dari orang Melayu di kawasan Benta Pahang Utara. Pada suatu hari di pertengahan 1951, sewaktu aku menumpang tinggal untuk sementara di sebuah khemah tempat

merawat seorang rakan yang sedang sakit, tiba-tiba khemahnya diserang oleh pasukan tentera penjajah British. Serangan musuh itu berlaku di pagi hari. Khemah itu letaknya di tepi tebing anak sungai. Ketika musuh melepaskan tembakan, semua orang yang berada di khemah itu telah lari keluar untuk menyelamatkan diri masing-masing. Yang sakit telah dibantu untuk membawanya lari ke arah yang difikirkan selamat. Aku lari memanjang tebing sambil memegang akar kayu. Musuh menyeru kepada orang-orang yang ada dalam khemah itu supaya menyerah diri. Tetapi tidak ada seorang pun yang menyerah diri.

Aku terus lari sampai ke sebatang anak sungai. Kedengaran pula olehku bunyi musuh berjalan. Aku lari lagi hingga sampai ke tepi bukit. Baru saja aku hendak duduk berehat, tentera musuh datang pula. Aku lari lagi terus naik ke atas bukit dan berjalan terus menuruni bukit. Akhirnya aku sampai di tepi sebuah kampung Melayu. Sebenarnya jika aku mahir dengan selok-belok hutan dan setelah berjumpa dengan kampung Melayu, aku boleh mencari sambungan pergi ke khemah kawan-kawan di kawasan itu. Tetapi malangnya aku tak dapat berbuat demikian kerana kelemahanku yang utama tidak mahir dengan selok-belok hutan. Di tepi kampung itu ada banyak pokok kunyit. Untuk mengalas perutku, aku telah makan kunyit mentah yang ada di situ. Di pinggangku memang ada satu tin Quaker Oats (emping gandum) tergantung pada tali pinggangku, iaitu makanan yang disediakan untuk kecemasan. Waktu itu setiap orang anggota pasukan bersenjata dan semua para pejuang di hutan masing-masing dibekalkan satu tin oats yang diikat di pinggang sebagai bekalan kecemasan. Aku tidak membuka tin oats itu kerana aku muh berjimat dan akan makan oats itu apabila benar-benar dirasakan perlu. Secara kebetulan pula, aku menemui sebuah rumah yang sudah lama ditinggalkan oleh penghuninya. Pada malam hari pertama aku sesat itu, aku tidur di rumah tersebut. Pada pagi esoknya aku berjalan lagi masuk hutan dan naik ke atas sebuah bukit yang paling tinggi di kawasan itu. Aku sudah lupa nama bukit itu. Di situ aku ternampak musuh lagi. Aku terus lari dan berjalan berputar-putar di dalam hutan itu seorang diri selama dua hari. Selama dua hari aku sesat itu aku telah enam kali ternampak tentera musuh dari jarak yang tidak jauh tetapi musuh tidak nampak aku. Aku dapat melihat musuh dari jarak yang tertentu kerana musuh ramai dan boleh nampak pokok kayu kecil bergoyang.

Tambahan pula bunyi bising sewaktu musuh berjalan itu dapat kudengari dengan jelas. Sebaliknya aku hanya seorang diri saja dan bergerak secara berhati-hati pula, maka musuh tak pernah terserempak denganku. Sebab itulah aku berjaya melepaskan diriku daripada ditangkap oleh musuh. Begitu banyak bahaya dan kecemasan yang kuhadapi, namun aku telah berhasil menempuh ujian pahit getir perjuangan dengan teguh dan berani. Sebenarnya tentera penjajah Inggeris pada waktu itu sedang melakukan serangan secara besar-besaran di sekitar kawasan itu dan waktunya agak panjang. Sebab itulah di sana sini beberapa kali aku ternampak pasukan tentera musuh itu.

Pada hari ketiga aku sesat itu, iaitu ketika sedang merayau-rayau di dalam hutan untuk melepaskan diriku dari kepungan dan serangan musuh, aku merasa letih dan ingin berehat untuk melepaskan lelahku. Hari telah mulai gelap dan hujan pun mulai turun. Aku bermaksud untuk tidur bermalam dan berhenti rehat. Baru saja aku duduk sambil berlindung di balik sebatang banir besar, tiba-tiba aku ternampak sepasukan tentera musuh turun dari atas bukit menuju ke anak sungai iaitu di tempat aku berehat itu. Aku duduk mendiamkan diri tanpa bergerak dan tidak lari dari tempatku itu. Tentera musuh itu rupa-rupanya berhenti di tempat itu dengan maksud untuk berehat juga. Musuh mulai membuat khemah kerana hendak bermalam di situ. Tentera musuh pun menetak daun atap yang kebetulan hampir dengan tempat aku bersembunyi tadi. Daun atap yang ditetak itu betul-betul jatuh di atas kepalaku. Ketika tentera musuh menarik daun atap itu dengan sekuat-kuatnya, rambutku pun ikut ditarik bersama-sama dengan daun atap itu. Aku terpaksa mendiamkan diri dengan menahan rasa kesakitan rambutku kena tarik itu. Mujurlah rambutku terlepas dari kaitan atap itu. Kalau tidak musuh akan dapat menemuiku. Hari telah semakin gelap. Aku berfikir adalah berbahaya bagiku jika bermalam di situ. Oleh itu, setelah tentera musuh yang menarik daun atap itu pergi, aku pun bangkit dan berjalan perlahan-lahan menuju ke hilir anak sungai dengan merabaraba pokok kayu kerana hari sudah gelap. Ada kira-kira tiga puluh depa jaraknya dari tempat musuh membuat khemah itu, aku pun menyeberang anak sungai di situ dan hanya dapat bergerak beberapa depa saja sebab sudah gelap. Aku hanya dapat berpandu kepada cahaya unggul api yang dinyalakan oleh musuh untuk mengetahui yang aku sudah berada jauh sedikit dari musuh. Malam itu aku bersembunyi dan tidur di tebing

bahagian hilir sungai itu. Aku bersembunyi di tebing kanan dan musuh berkhemah di tebing sebelah kiri. Suara hiruk-pikuk musuh itu sangat jelas dapat didengar olehku. Unggun api yang dinyalakan musuh juga jelas kelihatan. Aku memberanikan diri tidur berhampiran tempat itu tanpa menghiraukan bahaya yang mungkin mengancam keselamatan diriku.

Pada pagi esoknya ketika hari baru terang sedikit, aku mulai berjalan lagi. Sampai pada saat kejadian di atas tadi, aku sudah sesat selama lima hari lima malam seorang diri tanpa senjata dan tanpa makanan. Aku sebenarnya sudah mendapat tugas untuk bekerja di kawasan lain dan aku akan diberi senjata apabila telah sampai ke tempat kerja baruku itu. Selama masa sesat itu aku hanya makan oats bekalan kecemasan dengan air sejuk saja. Oats itu kumakan secara berdikit-dikit. Selama sesat lima hari itu hanya satu suku saja dari oats yang ada dalam tin itu yang kumakan. Sudah tentu saja badanku menjadi agak lemah kerana kurang makan. Semua usahaku untuk mencari sambungan dengan kawan-kawanku telah gagal. Walaupun kawan-kawanku pernah mengatakan kepadaku, jika sesat hendaklah berjalan menuju ke arah matahari terbit, namun aku tetap tidak berhasil mencari khemah kawan-kawanku yang bekerja di kawasan itu kerana tidak mahir dengan selok-belok hutan.

Aku masih meneruskan perjalananku di dalam hutan itu iaitu sudah masuk ke hari yang keenam aku sesat. Setelah turun dari sebuah bukit, aku sampai di tempat di mana aku pernah bekerja di masa lalu. Hatiku merasa gembira dan lega sedikit apabila aku sampai di tempat itu. Terbayang olehku harapan untuk bertemu semula dengan kawan-kawanku. Harapanku agar benar-benar menjadi kenyataan. Sedang aku tenggelam dalam fikiranku itu, tiba-tiba terdengar ada bunyi orang berjalan mengharungi sungai datang menuju ke tempat aku berehat. Aku segera bersembunyi di balik pokok dan mencuba mengecamkan rupa orang yang datang itu. Setelah mengecamkannya ternyata ada dua orang lelaki yang datang dan orang itu ialah kawan-kawan seperjuanganku. Aku pun keluar dari tempat persembunyian tadi. Apabila ternampak saja kelibatku, dua orang kawanku itupun memanggil namaku. Sungguh gembira dan lega hatiku dapat bertemu dengan kawan-kawanku itu. Suasana ketika itu penuh diselubungi oleh rasa kegembiraan dan kesyukuran. Kawan-kawanku pula merasa gembira kerana telah dapat memenuhi tugas mereka untuk

mencariku. Seterusnya, dua orang kawan itu telah membawa aku balik ke khemah mereka. Tetapi malangnya mereka juga telah tersesat jalan selama sehari. Bagaimanapun aku akhirnya berjaya balik bertemu dengan kawan-kawanku yang lain.

Peristiwa aku sesat di dalam hutan seorang diri tanpa senjata dan kekurangan makanan selama lima hari lima malam itu adalah peristiwa sesat yang paling panjang masanya. Semangatku yang teguh tak terpatahkan itu memang ada pada diriku. Memang umurku masih dipanjangkan Tuhan. Selama tiga kali sesat di dalam hutan dengan penuh derita dan bahaya maut, aku telah mengalami ujian yang berat dalam perjuanganku dan membuktikan keteguhan tekadku berjuang untuk menghalau penjajah dari bumi Malaya demi kemerdekaan tanah air dan kebebasan kaum wanita. Boleh dikatakan dalam sejarah perjuangan bersenjata di dalam hutan itu belum ada seorang pun yang mengalami peristiwa sesat sebagaimana yang dialami oleh diriku. Sifatku ini sangat dikagumi apabila orang mula memikirkan yang aku adalah seorang wanita bahkan seorang wanita Melayu pula. Sebagai seorang wanita Melayu yang terdidik dengan sifat-sifat lemah-lembut, dengan didikan agama dan didikan hanya untuk menjadi suri rumah tangga, aku telah tergembrelleng dalam perjuangan sengit melawan kekuatan imperialis British yang begitu besar. Aku telah membuktikan kata-kata dengan amalannya. Aku sanggup mengorbankan jiwa ragaku tanpa mementingkan diri sendiri. Rasanya sungguh besar pengorbananku. Aku adalah bekas Ketua Angkatan Wanita Sedar (AWAS), iaitu satu-satunya pertubuhan wanita yang progresif pada zamanku yang berganding bahu dengan pertubuhan-pertubuhan kebangsaan lainnya yang berjuang untuk kemerdekaan. Kisah aku sesat ini kutulis untuk pengetahuan umum agar masyarakat dapat memahami penderitaan yang kualami dan memahami watakku yang teguh dalam perjuangan untuk menuntut kemerdekaan Malaya. Kisah ini amat berharga bagi mereka yang ingin mengetahui, mengkaji dan merenungkan sejarah seorang wanita Melayu pada zaman kebangkitan perjuangan kemerdekaan Malaya pada 40 tahun lebih yang lalu.

Menerbitkan Surat Khabar *Pencinta Tanah Air* di Perak

Pada 1952 aku telah ditugaskan oleh PKM dan Rejimen Ke-10 untuk pergi ke Perak dan menerbitkan sebuah akhbar bernama *Pencinta Tanah Air*. Akhbar ini diterbitkan sebulan sekali mengandungi berita serangan dan pertempuran TPNM di serata tempat.

Aku berjalan ke Perak bersama-sama satu rombongan terdiri daripada tujuh orang yang menuju ke utara tetapi datang dari tempat berlainan. Mereka itu ialah Ibrahim Chik dan isterinya Rahmah dan Ahmad Salleh (Abas) bersama seorang anggota wanita, Siti. Mereka empat orang ini ditugaskan oleh Rejimen Ke-10 untuk menuju ke sempadan Malaysia-Thailand untuk kerja massa. Seorang lagi, wakil anggota Jawatankuasa Pusat PKM bernama Chang Ling Yun; seorang kader anggota Jawatankuasa Negeri (State Committee) yang namanya aku sudah lupa. Chang Ling Yun ini aku jumpa di Beijing, China pada waktu aku sampai di China pada 1957. Dia juga adalah ketua delegasi PKM yang berunding dengan kerajaan Malaysia dalam mewujudkan perdamaian pada 1999.

Aku sampai di Perak dan telah dapat bertemu dengan Rashid Maidin yang telah pun berada di situ. Jadi aku tinggal bersama-sama dengannya termasuk seorang kawan India dan beberapa orang kawan Cina. Aku tinggal di Perak selama kira-kira setahun. Di sini aku pernah hampir-hampir dihempap oleh sebatang pokok kayu besar sewaktu tidur di luar kem. Mujurlah pokok itu tidak jatuh tepat, kecuali tumbang di sisiku. Jadi terselamatlah aku daripada bahaya atau kecederaan yang hebat.

Perjalanan ke Sempadan Malaysia-Thailand



Pada 1953 pasukan induk Rejimen Ke-10 dalam perjalananannya ke utara iaitu ke sempadan Malaysia-Thailand telah sampai di kawasan aku dan Rashid Maidin yang berada di Perak. Aku dan Rashid Maidin ikut serta dalam perjalanan ke utara. Orang Asli atau yang kami panggil 'Asal' di kawasan itu tinggal di sekitar tanah tinggi Cameron adalah kuat menyokong perjuangan kami. Mereka memberi kami barang makanan dan hasil tanaman seperti sekoi, ubi kayu, labu dan jagung tua. Jagung tua ini dikopek bijinya dan apabila hendak dimakan, maka jagung hendaklah direbus selama empat jam barulah lembut dan boleh dimakan, dicampur sedikit garam. Kami tidak berupaya memprosesnya menjadi tepung jagung. Begitulah kami hidup dengan makanan pemberian orang Asli di kawasan yang agak sejuk ini.

Selama dalam perjalanan ini kami terus menerus diserang musuh. Kami selalu berpindah-pindah, berjalan menuju ke utara tanah air dengan mendaki gunung, bukit-bukau dan menuruni lurah menyeberangi sungai yang deras arusnya. Keadaan kami sangat menderita tetapi masih tetap bersemangat tinggi. Akhirnya pasukan kami sampai di kawasan perkampungan di Perak Utara yang telah kosong kerana penghuninya telah dihalau oleh penjajah.

Sewaktu sampai di kampung, Perak Utara ini, PKM telah menyediakan padi satu kepuk besar yang disimpan oleh pekerja-pekerja massa PKM di kawasan itu. Pasukan kami telah mendirikan pondok untuk memanaskan padi yang kemudian ditumbuk menjadi beras untuk makanan kami di situ.

Pasukan induk Rejimen Ke-10 ini telah selamat sampai di kawasan sempadan Malaysia-Thailand pada akhir 1953 dan memulakan tugasnya membangkitkan massa di kawasan itu. Akibatnya banyak kampung yang telah disusun. Ibrahim Chik telah

dapat merintis jalan penyusunan kampung selanjutnya. Rejimen Ke-10 dapat membina basis yang teguh dan dapat berada di kawasan yang mendapat sokongan rakyat yang kuat dengan sumber bekalan yang terjamin. Misalnya, untuk dapat makan daging, kami membeli seekor kerbau hidup di kampung yang ditarik masuk ke dalam hutan dan kami sembelih sendiri. Maka beginilah caranya kami dapat makan daging segar.

Bernikah dengan Ibrahim

Setelah berada di kawasan sempadan Malaysia-Thailand, aku terus ditugaskan bekerja di kalangan massa iaitu kerja menyusun kampung. Aku ditempatkan di jabatan propaganda serta percetakan Rejimen Ke-10. Bersama-sama aku ialah saudara Ibrahim Mohamad, saudara Cikgu Mohd. Jamil Mialam dan beberapa orang lagi. Selama berada di jabatan propaganda ini aku sentiasa bekerja bersama dengan saudara Ibrahim Mohamad yang ketika itu memakai nama Ani.

Aku dan Ibrahim akhirnya bersetuju berkahwin setelah melalui satu jalinan perhubungan di tempat kerja. Permohonan diajukan kepada pimpinan. Setelah dipertimbangkan dengan saksama, akhirnya pihak pimpinan menyetujui perkahwinan kami. Ibrahim sebenarnya sudah beristeri, maka dia membuat surat cerai, sebab di dalam parti, ahli-ahlinya tidak boleh beristeri dua. Sebenarnya menurut berita kemudiannya, isteri Ibrahim sudah meminta pasah dan telah berkahwin dengan lelaki lain, setelah tiga tahun ditinggalkan oleh Ibrahim.

Pihak pimpinan telah bersetuju membenarkan aku berkahwin. Pada 1 Jun 1956 aku telah selamat bernikah dengan saudara Ibrahim. Harapanku ialah supaya perkahwinanku ini akan berkekalan setelah masing-masing memahami keadaan masing-masing.

Aku dan Barisan 33 Pemuda UMNO



Para pejuang di dalam hutan mengakui peranan dan jasa UMNO dalam sejarah perjuangan menuntut kemerdekaan. Ini memang satu kenyataan. UMNO yang tadinya dianggap 'parti kanan' yang pro dan bekerjasama dengan penjajah ikut memusuhi parti dan pertubuhan yang berhaluan kiri dengan slogan 'Hidup Melayu' dan antimerdeka, kemudiannya berubah menjadi maju dan bersemangat tinggi memperjuangkan kemerdekaan hingga akhirnya pada 1951 slogan 'Hidup Melayu' diubah menjadi 'Merdeka.' Banyak orang yang berhaluan kiri daripada PKMM masuk UMNO termasuklah Ghafar Baba, Mustapha Hussein, Ibrahim Fikri dan lain-lainnya. Dari segi lainnya kalangan pemuda UMNO pula berubah menjadi revolusioner sehingga sanggup hendak memberontak. Tan Sri Samad Idris dalam bukunya *25 Tahun Merdeka* terbitan 1982 telah menceritakan dengan panjang lebar hal ini.

Antara lain Tan Sri Samad Idris menulis, Tuan Haji Ahmad Badawi (Bapa Dato' Seri Abdullah) Naib Yang Dipertua Pemuda UMNO ketika itu telah menyusun satu rangka perjuangan yang telah diterima oleh Jawatankuasa Pemuda iaitu menyediakan satu pasukan bertindak yang dipanggil Barisan 33. Tuan Haji Ahmad Badawi, Samad Idris sendiri dan Hamzah Alang sebagai Setiausaha telah ditugaskan menyusun satu rangka bentuk perjuangan yang harus dilalui oleh pemuda UMNO. Kerana khuatir tindakan ini boleh bocor kepada agen penjajah Inggeris, maka mereka bertiga saja menyusun strategi dengan tidak dibentangkan lagi kepada Jawatankuasa Pemuda UMNO.

Samad Idris telah mencadangkan kepada dua orang rakan ini supaya Barisan 33 ditubuhkan di tiap-tiap Cawangan Pemuda UMNO seluruh Tanah Melayu. Satu perjuangan bersenjata mestilah dilancarkan. Yang menjadi kesulitan waktu itu bagaimana hendak mendapatkan senjata serta latihan yang harus dilakukan kepada anggotanya.

Mereka telah bersetuju apabila tiba waktunya Barisan 33 hendaklah merampas semua senjata di balai polis yang terletak di kampung. Kita mengetahui kebanyakan anggota polis ini bersimpati dengan perjuangan UMNO. Kita yakin akan berjaya merampas senjata tersebut.

Samad Idris juga telah berhubung dengan beberapa orang pegawai askar Melayu di Port Dickson yang bersimpati dan mempunyai semangat nasionalis yang kuat. Salah seorang daripada mereka yang menjaga stor senjata telah menyatakan kesediaan untuk membuka stor senjata ini untuk dipunggah keluar dan dibahagi-bahagikan kepada Pemuda UMNO.

Kita ketahui ketika itu ramai orang UMNO menyertai anggota Polis Khas atau SC. Mereka ini menjaga estet dan lombong dan memang terlatih menggunakan senjata ini. Jika waktunya sampai mereka berharap tenaga ini dapat membantu.

Pemuda UMNO sendiri terdiri daripada anak-anak kampung. Mereka yakin orang kampung akan memberi sokongan terutama menyediakan bekalan makanan dan keperluan lain. Mereka juga dapat mengesan anasir tali barut penjajah yang mesti diawasi.

Samad Idris juga telah bercakap dengan Haji Osman Saat (Tan Sri, bekas Menteri Besar Johor) jika bekalan letupan diperoleh dan apabila tiba waktunya, kita harus meletupkan beberapa tempat bekalan paip air Gunung Pulai yang membekalkan air ke Singapura. Haji Osman Saat telah menyanggupi akan tindakan ini. Selain itu, mereka juga bercadang untuk menyerang balai polis yang terpencil serta membuat serang hendap. Dan jika sampai waktunya keadaan tidak dapat dielakkan Pemuda UMNO bersedia merelakan diri berjuang dengan kekerasan hatta dengan titisan darah hingga gugur sebagai bunga bangsa yang bermekaran.

Kerana itu Abdul Samad Idris dan rakan-rakannya bercadang untuk menangkap dan membunuh terus orang yang menyokong penjajah dan sesiapa yang belot dalam perjuangan. Inilah niat Pemuda UMNO yang ditulis dengan terus terang dan secara terperinci. Niat Pemuda UMNO yang hendak memberontak yang ditulis secara hitam putih di dalam buku *25 Tahun Merdeka* tulisan Tan Sri Samad Idris. Dr. Mahathir ada memberikan kata sambutan pada buku itu.

Aku memetik panjang lebar bahagian Pemuda UMNO hendak mengangkat senjata ini untuk tatapan dan perhatian masyarakat umum hari ini supaya membandingkan niat atau rancangan Pemuda UMNO ini dengan perjuangan bersenjata orang Melayu yang masuk hutan di bawah pimpinan Parti Komunis Malaya yang dicap sebagai 'pengganas Komunis.'

Antara langkah penting yang dirancangkan Barisan 33 ialah:

1. Angkat senjata
2. Rampas senjata
3. Serang balai polis
4. Bunuh tali barut penjajah
5. Hapuskam pembelot.

Bukankah rancangan Pemuda UMNO ini persis sama dengan apa yang dilakukan oleh Tentera Pembebasan Nasional Malaya yang dipimpin oleh PKM yang aku bertai?

Seandainya rancangan ini berlaku bagaimana agaknya akan terjadi? Ada beberapa kemungkinan yang boleh terjadi iaitu:

1. Penjajah akan melakukan penindasan dengan mengharamkan UMNO. Undang-undang Darurat diperketatkan lagi kerana ada dua pihak yang mengangkat senjata iaitu Pemuda UMNO dan PKM. Ramai orang UMNO akan ditangkap seperti yang berlaku pada ahli pertubuhan dan parti sayap kiri dahulu.
2. Banyak anggota polis Melayu dan askar akan mati. Mungkin Peristiwa Bukit Kepong II akan berlaku.
3. Kem kurungan akan semakin kuat dan diperketat. Di manakah Barisan 33 itu akan mendapat makanan dan perbekalan? Mungkin juga penjajah akan mengecap Pemuda UMNO itu sebagai 'pengganas UMNO.'

Apabila mengenangkan hal ini, Tan Sri Samad Idris merasa seram bulu romanya. Beliau merasa lega dan bersyukur kerana rancangan memberontak mengangkat senjata itu tidak menjadi kenyataan. Kalau tersilap, mungkin juga Tan Sri akan menghadapi tali gantung sebagaimana yang berlaku pada Mat Indera, rakan seperjuangan Ibrahim Mohamad dari Muar, Johor iaitu seorang anggota pimpinan pasukan gerila Melayu di Johor Utara yang telah ditangkap oleh polis penjajah sewaktu bekerja menyusun massa akibat pengkhianatan polis Melayu. Mahkamah Bandar Muar telah menjatuhkan hukuman gantung ke atas Mat Indera. Seramai 15,000 orang Melayu Muar hadir semasa perbicaraan di mahkamah masa itu. Mat Indera sudah dicalonkan menjadi anggota markas besar Rejimen Ke-10 TPNM. Malangnya dia terkorban dan gugur di tangan kejam penjajah dan tak sempat memegang jawatan tersebut.

Tan Sri Samad Idris selanjutnya menulis, "Sekalipun gerakan yang akan kami lakukan mengangkat senjata, tetapi tidaklah berniat untuk masuk ke hutan lalu menggabungkan diri dengan pengganas-pengganas Komunis. Kami hanya bercadang untuk

tinggal di kampung masing-masing. Kami akan bergerak di belakang kampung dan di pinggir hutan."

Bagaimanakah Tan Sri Samad Idris dan dua orang rakannya dapat memimpin Barisan 33 Pemuda UMNO yang mengangkat senjata dengan caranya itu? Mampukah Tan Sri Samad Idris dan Pemuda UMNO melawan setengah juta tentera British di Malaya? Bukanakah ini angan-angan kosong dan mimpi ngeri di siang hari? Penjajah British dan Kerajaan Malaysia telah memerangi Komunis selama 40 tahun tak mampu membasmi Komunis dan tenteranya yang dikatakan hanya sekitar 8,000 orang. Wujudnya perdamaian pada 1989 bukan kerana kerajaan menang di medan perang tetapi berunding dengan PKM yang tak pernah diakuinya di meja perundingan. Ini adalah fakta sejarah yang tidak berani ditulis oleh ahli sejarah yang tidak jujur.

Pada awal tulisan aku ini, aku ada mengatakan bahawa menurut catatan bekas pemimpin pejuang di Pahang, ada seramai 1,000 lebih puteri-puteri Melayu di Pahang telah terkorban dalam perang kemerdekaan anti-British. Ini tidak termasuk mereka yang gugur dan terkorban di negeri lain di Malaya. Nyatalah darah mereka telah membasahi bumi Tanah Melayu demi kemerdekaan. Mereka berjasa besar kepada negara, pasti dikenang dan dipuja sepanjang zaman. UMNO mengagungkan jasanya berjuang hingga mendapat kemerdekaan tanpa korban, tanpa darah, tanpa tugu peringatan melawan penjajah ternyata tidak benar seratus peratus. Apa yang kita dapat iaitu Tugu Negara iaitu tugu pahlawan kerajaan yang melambangkan kemenangannya membasmi Komunis. Inilah kenyataannya. Jadi bukan tugu melawan penjajah.

Perang rakyat Malaya yang pada mulanya melawan penjajah British telah berubah menjadi perang dalam negeri sesudah merdeka. Ini adalah perang saudara iaitu perang rakyat Malaya melawan rakyat Malaya. Di sinilah letak persoalannya. Tentera Pembebasan Nasional Malaya diubah menjadi Tentara Rakyat Malaya.

Aku mengutip sebahagian yang agak panjang tulisan Tan Sri Samad Idris ini yang banyak berisi bahan sejarah yang perlu dipelajari dan merasa beliau jujur dalam menilai sesuatu. Aku sekali lagi mengulangi kata-katanya, "Satu sebab yang memaksa Inggeris mengalah kepada UMNO ialah adanya pemberontakan bersenjata yang dicetuskan oleh Komunis di hutan-hutan," (25 Tahun Merdeka, hlm. 252).

Soal utama yang hendak aku ceritakan ialah mengapa kami sekeluarga mahu pulang ke tanah air sendiri. Sebab terutamanya ialah kerana tanah air tercinta tempat tumpah darah kami sudah merdeka. Di samping kami mengakui jasa UMNO, kami juga menganggap kemerdekaan Tanah Melayu adalah jasa bersama daripada perjuangan bersama rakyat dan parti patriotik dan demokratik segala bangsa di Malaya termasuk sumbangan daripada orang yang dicap 'pengganas Komunis.'

Menurut buku-buku yang ditulis oleh bekas pemimpin Rejimen Ke-10 yang dapat kami baca ada mengatakan yang para pejuang di hutan setiap tahun merayakan Hari Kebangsaan 31 Ogos secara besar-besaran. Adalah tepat sebagaimana yang dikatakan oleh tokoh UMNO, Allahyarham Tun Dr. Ismail, "Setiap nasionalis sama ada berfahaman kiri atau kanan telah sama-sama memberi sumbangan dalam perjuangan merebut kemerdekaan yang dipelopori oleh UMNO" (*25 Tahun Merdeka*, hlm. 252).

Aku dihantar ke China



Pada pertengahan 1956 aku dan suamiku Ibrahim Mohamad telah dihantar untuk belajar di China. PKM memerlukan kader-kader Melayu bagi meninggikan taraf ideologi dan teorinya untuk keperluan jangka panjang. Seramai tiga orang anggota Rejimen Ke-10 dipilih untuk pergi ke China iaitu aku dan suamiku, Ibrahim serta Mat Amin. Ibrahim Mohamad menjadi ketua kumpulan. Kami mulai bertolak dari Betong, Selatan Thailand.

Setelah segala persiapan dibuat, tetapi malang keadaan di Thailand menjadi tegang dengan tersiarinya perintah Darurat. Pemergian keluar kami terpaksa ditangguhkan. Seramai lima orang semuanya termasuk dua orang kader PKM keturunan Cina suami isteri dari Rejimen Ke-8. Regu lima ini diketuai oleh Chen Tan, kader lelaki dari Rejimen Ke-8 itu. Jawatankuasa cawangan PKM tempatan telah mengatur orang akan membawa kami keluar sampai ke Bangkok. Tak lama kemudian keadaan Darurat di Thailand telah ditamatkan dan keadaan kembali menjadi normal.

Pemergian kami terpaksa diatur semula untuk menjaga keselamatan. Keputusan akhirnya dibuat apabila regu lima orang kami dibahagi menjadi dua regu iaitu aku dan seorang kader wanita Cina iaitu isteri Chen Tan menganggotai regu pertama. Ibrahim Mohamad, Mat Amin dan Chen Tan menjadi regu kedua. Aku dan Siew Mei diatur pergi dahulu sedangkan regu kedua pergi kemudian iaitu setelah aku selamat bertolak.

Pada masa itu ada sebuah kapal Denmark telah berulang alik sebulan sekali dari Bangkok ke Pelabuhan San To (Swatow), bandar pelabuhan China paling selatan di provinsi Guangdong, China. Kapal itu membawa barang dan penumpang orang keturunan China yang hendak pulang ke China. Kerajaan Thailand membenarkan orang China ini balik ke China dengan syarat tidak boleh kembali semula ke Thailand. Di Bangkok ada ejen dan orang yang bertugas bagi pihak kapal itu termasuk menjual tiket dan menyediakan kemudahan untuk naik ke kapal.

Untuk keluar dari Thailand, kami perlu menyediakan surat keterangan penduduk yang kami beli daripada orang kampung yang sudah mati tetapi tidak dilaporkan kepada pemerintah. Setelah sampai masanya aku dan Siew Mei pun keluar naik teksi menuju ke Haadyai bersama-sama seorang pembawa jalan. Dari Haadyai aku dan Siew Mei naik kereta api ekspres menuju ke Bangkok yang memakan masa sehari semalam. Kami tiba di Bangkok pada pagi keesokan harinya dan menginap di hotel yang telah diatur.

Setelah hampir setengah bulan tinggal di hotel, kami berpindah menyewa bilik di rumah penduduk kota Bangkok selama setengah bulan lagi. Aku sudah lupa jumlah harga tambang tiket yang kami bayar. Setelah sampai masanya berkat bantuan ejen kapal itu kami selamat naik ke kapal. Aku memilih satu sudut di tepi tangga kapal untuk tidur dan tempat duduk selama dalam pelayaran. Waktu itu aku sedang mengandungkan anakku yang pertama iaitu Shamsuddin, hasil perkahwinan dengan Ibrahim.

Aku belayar selama hampir seminggu dan alhamdulillah selamat sampai di Santo. Aku telah bertemu dengan wakil parti dan pemerintah China tempatan dan memperkenalkan diriku serta nama orang yang hendak aku hubungi. Setelah semua keterangan aku diambil dan setelah mereka memberi laporan ke pihak atasannya di Beijing maka tidak lama datang dua orang kader petugas Parti Komunis dan pemerintah China datang menemui kami dan telah mengatur untuk membawa kami ke Beijing.

Pada hari yang telah ditetapkan, maka aku telah dibawa ke Beijing, dari Santo menaiki bas menuju ke Guangzhou dan dari Guangzhou menaiki kereta api menuju ke Beijing. Setibanya aku dan Siew Mei di stesen kereta api Beijing, aku disambut oleh Chang Ling Yun iaitu wakil Jawatankuasa Pusat PKM di Beijing. Aku gembira bertemu dengannya kerana kami bersama-sama melakukan perjalanan ke utara Malaya tahun 1953 dahulu. Aku ditempatkan di asrama nombor lima iaitu Rumah Penginapan Tamu di bawah jagaan Dewan Negara dari Jabatan Perdana Menteri China.

Demikianlah akhirnya aku telah selamat sampai ke Beijing, China pada akhir April 1957 sebagai tamu Parti Komunis China dan bermulalah masa aku berada di China yang memakan masa kira-kira 37 tahun lamanya. Aku diberi peluang menyaksikan perarakan besar rakyat China merayakan Hari Buruh Sedunia pada 1 Mei 1957 ditingkat dua Podium Tien An Men, Beijing. Sungguh meriah dan mengagumkan.

Pada 19 Julai 1957 aku telah melahirkan Shamsuddin di Hospital 301 iaitu Hospital Tentera Pembebasan Rakyat China di Beijing. Sebenarnya tentang riwayat aku di China ini masih panjang ceritanya. Aku harap jika panjang umur dan diizinkan Tuhan aku akan tulis lagi bahagian yang kedua riwayatku ini iaitu semasa di luar negara.

Ahli Jawatankuasa Gabungan Persatuan Wanita Demokratik Sedunia

Pada 1955 semasa aku masih di Rejimen Ke-10 di dalam hutan, aku telah dipilih menjadi seorang ahli jawatankuasa Gabungan Persatuan Wanita Demokratik Sedunia di dalam satu persidangannya pada 1955. Seorang wakil persatuan wanita Malaya yang menghadiri persidangan itu di Soviet Union telah mencalonkan namaku. Aku terima pencalonan itu. Aku menganggap ini adalah suatu penghormatan yang diberikan kepada pejuang wanita Melayu yang berjuang menentang penjajahan. Sewaktu aku berada di Beijing selepas 1956, aku telah menerima secara terus-menerus dokumen dan surat dari ibu pejabat gabungan persatuan itu yang bermakas di Paris.

Beberapa Aktiviti Menghadiri Persidangan Antarabangsa

Sewaktu aku dan suamiku Ibrahim Mohamad berada di luar negeri, kami secara berasingan pernah menghadiri beberapa sidang antarabangsa yang mewakili rakyat Malaya (Malaysia) menyokong perjuangan rakyat sedunia menentang imperialism. Dari China aku dan Ibrahim dihantar ke Indonesia dan mendirikan Perwakilan Liga Pembebasan Nasional (LPNM) di Jakarta Indonesia pada 2 Jun 1965. Anggota perwakilannya ialah Ibrahim Mohamad (ketua), Eu Chooi Yip (timbalan ketua), Abdullah Sudin (setiausaha) dan Shamsiah Fakeh (anggota perwakilan).

Pada 25–28 November 1964, Ibrahim Mohamad telah menghadiri konferensi internasional menyokong rakyat Vietnam melawan Amerika Syarikat. Pada Mei 1965 Ibrahim Mohamad dan Eu Chooi Yip telah menghadiri konferensi setiakawan Rakyat Asia-Afrika di Winneba, Ghana, Afrika. Pada Ogos 1965 aku dan Abdullah Sudin telah menghadiri Konferensi Dunia yang ke-11 melarang bom atom dan bom hidrogen di Tokyo, Jepun. Pada

Oktober 1965, aku, Ibrahim, Abdullah Sudin dan Eu Chooi Yip telah menghadiri Konferensi Internasional menentang pangkalan militer asing (KIAPMA), di Jakarta, Indonesia. Tokoh penting yang pernah aku temui dan berjabat dengannya ialah Presiden Soekarno dan Presiden Ho Chi Minh, Vietnam.

Sekianlah beberapa aktiviti yang kami jalankan dalam usaha menyokong perjuangan rakyat sedunia.

Keadaan Semasa di China



Setiap orang yang pernah merantau di luar negeri dalam masa panjang atau oleh orang yang terpaksa tinggal di luar negeri kerana masalah perjuangan politik tentu ingin kembali ke tanah air. Dalam sejarah ada raja, pemimpin atau tokoh yang terpaksa lari ke luar negeri seperti Shah Iran, Raja Mesir iaitu Farouk, Lenin pemimpin Revolusi Rusia, Raja Afghanistan dan lain-lain lagi. Tokoh dari Malaya yang berada di luar negeri ialah Ibrahim Yaakob dan pemimpin Parti Rakyat Brunei iaitu A.M. Azahari juga di luar negeri iaitu di Indonesia. Aku pernah bertemu dengan Ibrahim Yaakob di rumahnya di Jakarta dan juga dengan Azahari di kediamannya di Jakarta pada tahun 1965.

Bagi kategori orang yang mendapat suaka politik di luar negeri, maka orang itu tentulah seorang pejuang yang cintakan tanah airnya tetapi tak dapat tinggal di negerinya sendiri. Mereka itu sanggup berkorban untuk negerinya dan sudah tentu suatu hari mereka berhasrat untuk pulang ke negeri asalnya. Ini adalah lumrah. Bak kata pepatah Melayu, hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, maka lebih baik di negeri sendiri.

Masalahnya bagaimana aku dan keluargaku boleh pulang ke Malaysia? Bagaimanakah jalan dan caranya? Ada orang yang bertanya mengapa sekarang mahu pulang? Mengapa tak pulang sewaktu pengampunan beramai-ramai diisyiharkan dahulu? Memang masalah ini amat rumit untuk dijawab dan diselesaikan.

Aku ditakdirkan Tuhan menjadi seorang nasionalis yang cintakan kemerdekaan tanah air dan bersemangat tinggi serta bertekad teguh ingin berjuang untuk kemerdekaan tanah air. Aku telah menceburkan diri dalam parti iaitu PKMM dan seterusnya mengetuai sayap wanitanya yang kemudian diubah menjadi Angkatan Wanita Sedar (AWAS). Ramai orang yang masih hidup pada zaman itu tahu dan kenal nama AWAS.

Semua orang ketahui bahawa AWAS ikut diharamkan dalam masa darurat. Aku terpaksa masuk hutan berjuang mengangkat senjata melawan penjajah British untuk mencapai kemerdekaan Malaya. Aku telah berjuang bersusah payah bergadai nyawa sampai merempat di China. Dalam masa panjang, maka sudah tentu aku ingin pulang ke tanah air sendiri. Tak perlulah kami membuat masa sia-sia di negeri orang.

Pada mulanya aku, Ibrahim dan Mohamad Amin (allahyarham) tiga orang telah dihantar oleh PKM ke China pada tahun 1957 untuk belajar di luar negeri. Di China iaitu negeri sosialis di mana Parti Komunis China (PKC) yang memegang kuasa. Kami dianggap tetamu agung Jawatankuasa Pusat Parti Komunis China bukan tamu negara, tetapi tamu Parti Komunis China.

Sebagai tetamu 'parti sekawan,' kami dilayan dengan amat baik. Ringkasnya mendapat layanan tetamu agung. Menurut prinsip Komunisme, mana-mana parti Komunis yang telah memegang kuasa berkewajipan membantu parti Komunis di negeri lain yang belum memegang kuasa. Inilah yang dinamakan internasionalisme proletar.

Pelembagaan negeri Republik Rakyat China memperuntukkan bahawa pemerintah China akan memberikan bantuan kepada para pejuang antiimperialisme yang diusir atau yang ditangkap atau diburu oleh puak imperialis. Jadi aku sekeluarga dapat tinggal di China di bawah syarat yang ada di dalam perlembagaan ini.

Sebagaimana yang aku katakan bahawa kedatangan aku ke China dianggap sebagai tetamu kehormat Jawatankuasa Pusat, Parti Komunis China yang mendapat layanan kelas satu. Semua urusan berjalan lancar.

Akan tetapi keadaan berubah setelah aku suami isteri dipecat dari PKM pada 1968. Kedudukan aku sudah berubah disebabkan perjuangan dalaman PKM. Maka aku sekeluarga kemudiannya memohon keluar dan tidak duduk bersama di bawah PKM. Sebaliknya tinggal secara orang biasa bukan sebagai ahli PKM. Pemerintah China telah bersetuju membenarkan kami hidup di China sebagai perantau asing yang masih dianggap sebagai tamu dalaman dan sebagai bekas pejuang antiimperialis. Tetapi taraf tetamu seperti aku ini adalah tetamu kelas dua. Pemerintah China memberi layanan kepada aku dan Ibrahim sebagai kader veteran (*lao kan*) sama seperti layanan kepada kader veteran Parti Komunis China. Pemerintah China telah mengatur kehidupan aku sekeluarga di China mulai tahun 1972. Aku sekeluarga diberi kebebasan seperti

rakyat China kecuali ada sekatan tidak boleh pergi ke tempat di mana orang-orang Parti Komunis Malaya tinggal dan tak boleh pergi ke hospital di mana orang PKM pergi tengok orang sakit. Juga tidak boleh pergi ke tempat rahsia tentera.

Sewaktu kami masih dalam PKM, hubungan PKM dengan PKC ialah menerusi Pejabat Perhubungan Luar JKP PKC (Liason Department Central Committee of Communist Party of China). Dalam bahasa China ia disebut secara ringkas sebagai *Lian Lao Pu*. Kalau di tingkat provinsi ialah *Foreign Relation Affairs Department* iaitu Jabatan Luar Negeri (Wai Shi Pan).

Kira-kira pada akhir tahun 1970 aku ikut serta dalam rombongan orang-orang PKM yang dipindahkan ke provinsi Hunan dari Beijing. Sebabnya ialah PKC sedang membuat persiapan untuk menghadapi meletusnya perang dunia ketiga. PKC tidak mahu banyak orang luar yang tidak penting memusat di ibu kota Beijing. PKM dipindahkan ke Hunan dan parti-parti Komunis negeri lain juga dipindahkan ke lain-lain provinsi yang tidak sama. Begitulah ceritanya bagaimana aku dan Ibrahim Mohamad sekeluarga boleh berada dan menetap di provinsi Hunan sejak tahun 1972.

Aku sekeluarga dihantar oleh Parti Komunis dan pemerintah China ke sebuah bandar kecil bernama Xiang Tan (Siang Tan) lebih kurang 150 kilometer dari Changsha yang merupakan ibu kota provinsi Hunan. Bandar Xiang Tan terkenal dengan nama kampung halaman pemimpin besar rakyat China iaitu Ketua Mao-Tze-Dong. Aku dan Ibrahim diatur bekerja di kilang *ball-bearing* daerah Xiang Tan atas kedudukan sebagai kader. Ibrahim kader tingkat 19 dan aku kader tingkat 21. Nama sebagai kader tetapi kerja sebagai buruh. Setiap hari kerjaku dan Ibrahim ialah memasang *ball-bearing* iaitu di bahagian pemasangan. Kami bekerja lapan jam sehari dan pakaian selalu penuh dengan minyak pelincir dan minyak benzin. Aku mendapat gaji 59 Yuan dan Ibrahim mendapat gaji 72 Yuan sebulan. Kerana masih susah pihak kilang memberi bantuan tambahan 90 Yuan lagi iaitu bantuan elauan untuk tiga orang anak yang masing-masing dapat 30 Yuan sebulan. Jumlah pendapatan ialah 221 Yuan, cukup untuk belanja sebulan.

Pada ketika itu China masih dalam kesusahan untuk menyelesaikan masalah 1,000 juta penduduknya. Makanan, pakaian, kain dan barang-barang produksi mesin semuanya dicatut. Kami bersyukur kepada para pemimpin dan saudara kaum buruh di kilang *ball-bearing* kerana mereka amat bersimpati dan memberikan segala bantuan yang termampu kepada kami

sekeluarga orang asing Malaysia yang merantau di negerinya. Aku tetap dilayan sebagai tetamu asing iaitu boleh mendapat catuan lebih dari rakyat China yang membolehkan kami hidup selesa dan gembira. Hubungan kami dengan para ketua dan para pekerja adalah baik dan mesra. Kami diberi kebebasan hampir seratus peratus sama dengan rakyat China. Walaupun ada kebebasan, tetapi ada juga larangan.

Antara layanan yang diberikan ialah tiga orang anak lelaki kami boleh belajar di universiti. Mereka boleh berkahwin dengan gadis China tanpa menukar warganegara. Memang akhirnya apabila sudah dewasa, ketiga-tiga orang anakku telah berkahwin dengan gadis China. Kerana kami bukan warganegara China maka anak-anak kami tidak boleh menjadi tentera atau polis atau menjadi ahli Parti Komunis China. Tiga orang anak kami semuanya dapat melanjutkan pelajaran mereka di universiti. Hanya seorang sahaja iaitu Shamsuddin tak dapat meneruskan pelajarannya kerana sakit jiwa dan terpaksa berhenti belajar.

Penubuhan Perwakilan Liga Pembebasan Nasional Malaya di Indonesia



Organisasi PKM di Beijing secara tiba-tiba pada Mac 1963 telah memutuskan aku dan Ibrahim Mohamad yang pada waktu itu bekerja di Radio Beijing Siaran Antarabangsa, di bahagian siaran bahasa Melayu supaya berhenti kerja serta-merta. Ertinya perkhidmatan kami di Radio Beijing itu ditamatkan. Sebagai mengenangi jasa membantu pembangunan sosialis China dan setelah berkhidmat lebih dari tiga tahun maka saudara Ibrahim Mohamad telah dianugerahkan Bintang Persahabatan iaitu pingat penghormatan pemerintahan China kepada orang yang telah berjasa dan yang telah menyumbangkan tenaganya kepada pembangunan sosialis China. Ibrahim ketika itu bertaraf pakar. Bintang itu diberikan oleh Perdana Menteri Chou En Lai iaitu Perdana Menteri pemerintah China. Bintang Persahabatan itu telah diserahkan untuk disimpan kepada organisasi PKM di Beijing.

Ibrahim Ditugaskan ke Vietnam

Musa Ahmad mewakili pimpinan PKM di China waktu itu telah menyampaikan keputusan pimpinan PKM supaya Ibrahim pergi ke Vietnam menjadi wakil Malaya ke Konferensi Internasional Menyokong Rakyat Vietnam Melawan Agresi Amerika Syarikat yang diadakan di Hanoi, Vietnam pada 25-28 November 1964. Setelah Konferensi Internasional Menyokong Rakyat Vietnam Melawan Agresi Amerika Syarikat itu selesai aku dihantar ke Hanoi, Vietnam bersatu dengan Ibrahim dan seterusnya bersama-sama pergi ke Indonesia.

Langkah dan cara yang diatur untuk mencapai matlamat tersebut ialah pihak pimpinan PKM di Beijing akan meminta

bantuan pihak Parti Komunis China supaya para perwakilan China yang telah biasa dan kenal baik dengan anggota perwakilan Indonesia memperkenalkan perwakilan Indonesia itu untuk membantu Ibrahim dan aku pergi ke Indonesia. Sekiranya soal pergi ke Indonesia itu berjalan lancar, maka Ibrahim dan aku boleh menghubungi Eu Chooi Yip dan Abdullah Sudin, dua orang kader PKM yang telah lama menetap di Indonesia untuk urusan selanjutnya.

Pihak pemerintah dan Parti China telah mengusahakan pasport diplomatik untuk Ibrahim pergi ke Vietnam bagi menghadiri Konferensi Internasional Menyokong Rakyat Vietnam Melawan Agresi Amerika Syarikat. Ibrahim mewakili Liga Pembelaan Nasional Malaya iaitu sebagai wakil Malaya.

Lima hari sebelum Konferensi Vietnam itu dibuka, Ibrahim bersama-sama sebahagian daripada Perwakilan China dan perwakilan negeri lain bertolak ke Hanoi dengan kapal terbang dari Beijing. Di Lapangan Terbang Hanoi, mereka telah disambut oleh pemimpin-pemimpin Vietnam.

Konferensi Internasional Menyokong Rakyat Vietnam itu telah berjalan dengan lancar menurut rencana. Sebagai wakil Malaya, Ibrahim telah menyampaikan ucapannya di Konferensi itu. Konferensi itu dihadiri oleh perwakilan lebih daripada 50 buah negara. Di samping keputusan untuk menyokong sekuat-kuatnya perjuangan rakyat Vietnam melawan agresi Amerika Syarikat maka ada satu keputusan tentang menyokong perjuangan rakyat Malaya menghapuskan Malaysia.

Dalam jamuan yang diadakan untuk para perwakilan ke Konferensi itu oleh pihak pemerintah Vietnam, Ibrahim telah berpeluang bertemu dengan Perdana Menteri Vietnam iaitu Pham Van Dong. Ibrahim telah menyampaikan kepadanya sokongan rakyat Malaya kepada perjuangan rakyat Vietnam. Perdana Menteri Pham Van Dong menyatakan ucapan terima kasihnya kepada sokongan rakyat Malaya. Kami mengharapkan hubungan persahabatan dan setia kawan rakyat Malaya dan Vietnam akan semakin teguh dan erat. Pada kesempatan ini juga Ibrahim telah mengangkat gelas mengucapkan selamat kepada Presiden Ho Chi Minh.

Sebenarnya pada masa itu, ada perwakilan Parti Komunis Malaya di Vietnam yang diketuai oleh Siao Mien. Jadi urusan untuk pergi ke Indonesia itu menjadi lebih mudah apabila ada kerjasama tiga pihak iaitu Vietnam, Malaya dan China.

Perwakilan China ke Konferensi Vietnam itu tepat memenuhi janjinya dengan memperkenalkan seorang anggota perwakilan

Indonesia ke Konferensi Vietnam itu bernama Suroso. Suroso mewakili organisasi Indonesia untuk setiakawan dengan Rakyat Asia-Afrika iaitu OISRAA. Suroso ini memang selalu hadir di persidangan internasional dan ada hubungan baik dengan pihak perwakilan China. Yang lebih menguntungkan lagi bahawa Suroso ini mempunyai hubungan yang rapat dengan Kedutaan Vietnam di Jakarta, Indonesia.

Setelah berkenalan dengan Suroso, maka Ibrahim telah beberapa kali mencari kesempatan untuk bertemu dan berunding dengan Suroso tentang hasrat Ibrahim dan aku hendak pergi ke Indonesia melalui bantuan yang mungkin dapat diberikan oleh Suroso.

Satu kesimpulan dan kata sepakat telah dapat diambil iaitu pihak Suroso bersedia mengurus soal pasport dan mengatur tempat penginapan Ibrahim dan aku setelah sampai di Indonesia.

Suroso akan berhubungan dengan pihak Kedutaan Vietnam di Indonesia dan akan menetapkan masa dan cara bagaimana Suroso akan datang menjemput Ibrahim dan aku. Pihak kedutaan Vietnam di Indonesia akan memberitahu pemerintah Vietnam di Hanoi tentang keputusan yang akan diatur oleh Suroso itu, dan pihak pemerintah Vietnam akan memberitahu perwakilan PKM di Vietnam yang seterusnya akan menyampaikan kepada Ibrahim dan aku.

Tak berapa lama Suroso telah memberitahu supaya Ibrahim dan aku pergi ke Guangzhou (Kwangchou) di provinsi Guangdong supaya menunggunya di lapangan terbang Guangzhou pada hari yang ditetapkan dan rencana selanjutnya akan diatur kemudian.

Setelah sampai tarikh yang dijanjikan, Ibrahim dan aku telah bertolak ke Guangzhou ibu kota provinsi Guangdong dengan ditemani oleh Ketua Perwakilan PKM di Vietnam iaitu Siou Mien. Kami telah menginap di hotel yang disediakan untuk tetamu.

Pada hari ketibaan Suroso di lapangan terbang Guangzhou, Ibrahim, aku dan beberapa orang kader petugas Parti Komunis China tempatan telah menyambut ketibaan Suroso di lapangan terbang dan membawanya menginap di hotel yang sama. Siou Mien tidak keluar menunjukkan muka. Kami hanya berhubungan dengannya secara rahsia di bilik beliau menginap.

Terbang ke Jakarta

Pada awal Februari 1965, masa yang ditunggu-tunggu untuk berangkat ke Indonesia pun tiba. Suroso telah membawa pasport

diplomatik untuk kegunaan Ibrahim dan aku. Kami telah menaiki kapal terbang Garuda, milik Indonesia pada pukul 5.00 petang waktu Guangzhou. Kapal terbang ini telah terlewat tidak mengikut jadual kerana menunggu penumpang dari Beijing.

Kira-kira pukul 7.00 malam kami selamat mendarat di lapangan terbang Kemayoran, Jakarta. Kami disambut dengan hangat oleh wakil-wakil organisasi massa yang revolusioner di Indonesia. Kami disambut oleh Abdullah Sudin, wakil Ketua Ketiga PKI, Nyoto dan ramai lagi yang lain termasuk para wartawan dan wakil surat khabar termasuk wakil kantor *Berita Antara*. Ketibaan Ibrahim dan aku ke Indonesia mewakili Liga Pembelaan Nasional Malaya telah mendapat liputan luas dalam akhbar di Jakarta termasuk akhbar di Malaysia.

Wakil akhbar *Utusan Melayu* telah khusus pergi menemui bapaku di rumahku di Kuala Pilah. Pemberita akhbar itu telah menunjukkan berita bahawa Shamsiah Fakeh berada di Indonesia. Bapaku diberitakan sanggup meminta ampun perkenan DYMM Yang Di-Pertuan Agong supaya aku diizinkan pulang.

Menginap di Wisma Warta

Kami telah diatur untuk menginap di Wisma Warta sebagai tamu Persatuan Wartawan Asia-Afrika yang beribu pejabat di Jakarta. Sebenarnya Persatuan Wartawan Indonesia yang memainkan peranan membantu kami tinggal di Jakarta sehingga kami dapat tempat tinggal dan pejabat sendiri.

Suroso ialah kader Parti Komunis Indonesia yang bertugas sebagai kader menghubungi para perwakilan Indonesia yang menghadiri persidangan internasional. Sewaktu di Indonesia, kami terus berhubung dengan Suroso dan PKI yang telah membantu kami dalam urusan harian di Jakarta. Suroso mempunyai hubungan yang luas dengan semua pertubuhan massa yang revolusioner termasuk Kedutaan Vietnam di Indonesia dan Perwakilan Front Pembelaan Nasional Vietnam Selatan di Indonesia.

Situasi Indonesia Tahun 1965

Pada zaman Konfrontasi, iaitu zaman pihak pemerintah Indonesia yang diketuai oleh Presiden Soekarno melancarkan perjuangan

'mengganyang Malaysia.' Indonesia adalah negara di mana perjuangan rakyat menentang imperialis yang paling kuat. Soekarno telah melaksanakan prinsip perpaduan nasional yang dikenali dengan nama NASAKOM iaitu 'Nasionalis Agama Komunis Bersatu.' Setiap hari Radio Republik Indonesia (RRI) akan mengumandangkan lagu NASAKOM bersatu; singkirkan kepala batu. Pendeknya pada waktu itu situasi Indonesia adalah menguntungkan bagi kita untuk mendirikan Perwakilan Liga Pembebasan Nasional Malaya (LPNM) di Indonesia.

Parti Komunis Indonesia adalah parti Komunis yang kedua terbesar dan terkuat di Asia (selepas Parti Komunis China) ketika itu yang berpengaruh besar dan berkedudukan halal dan terbuka. Parti Komunis Indonesia (PKI) dianggap satu komponen penting dalam perpaduan negara Indonesia. Tiga orang pemimpin PKI adalah menteri pemerintah Indonesia. Di Indonesia semua parti NASAKOM diwakili di dalam Front Nasional diketuai oleh seorang menteri iaitu Sekretariat Jeneral Front Nasional.

Menemui Pemimpin PKI

Setelah berada di Indonesia pada satu waktu, suatu pertemuan telah diatur untuk kami bertemu dengan pemimpin PKI. Pada hari yang telah ditetapkan, kami para perwakilan Liga Pembebasan Nasional Malaya di Indonesia seramai empat orang yang diketuai Ibrahim Mohamad telah bertemu dengan pemimpin PKI di pejabat PKI di Jakarta. Yang hadir menemui kami waktu itu ialah Ketua PKI, D.N. Aidit dan wakil ketua ketiga PKI iaitu Nyoto. Suroso juga hadir sama.

Ibrahim Mohamad bagi pihak pimpinan PKM telah menyampaikan salam hormat dan ucapan terima kasih pihak pimpinan PKM kepada kawan D.N. Aidit dan PKI atas sambutan hangat dan bantuan besar yang diberikan oleh PKI kepada Perwakilan Liga Pembebasan Nasional Malaya di Indonesia. Ibrahim juga menyatakan untuk belajar pengalaman-pengalaman yang berharga PKI. D.N. Aidit mengatakan bahawa PKI masih belum berkuasa, maka bantuan yang diberikan adalah kecil. Kawan Aidit menyatakan bahawa PKI akan memberikan sebuah jip jenama Nissan bagi kegunaan Perwakilan Liga di Indonesia. Jip itu boleh memuat sepuluh orang dan selesa untuk bergerak. Selain itu PKI akan membeli sebuah rumah yang akan diubahsuai untuk kegunaan pejabat Perwakilan Liga di Jakarta.

Sidang Akhbar Perwakilan Liga

Pihak Perwakilan Liga telah mengundang wakil surat khabar dan majalah yang revolusioner di Indonesia termasuk bahagian akhbar beberapa buah kedutaan asing di Indonesia. Pada 2 Jun 1965 sidang akhbar itu telah diadakan di Jakarta dengan dihadiri oleh hampir semua media massa utama Indonesia termasuk Kantor *Berita Antara* dan juga wakil dari Kedutaan Kemboja di Indonesia. Antara perwakilan asing yang memberi sokongan termasuklah perwakilan Kemboja di Konferensi Menyokong Rakyat Vietnam di Hanoi pada 25 November 1964. Kedutaan Kemboja turut menyokong. Wakil Kedutaan Kemboja di Vietnam juga telah memberi dokumen menyatakan sokongan Kemboja kepada perjuangan rakyat Malaya menerusi Ibrahim.

Pada sidang akhbar itu, Ketua Perwakilan Liga, Ibrahim Mohamad telah mengumumkan berdirinya Perwakilan Liga Pembebasan Nasional Malaya di Indonesia, mulai 2 Jun 1965 dan telah disetujui oleh pemerintah Indonesia. Ibrahim telah mengedarkan lapan perkara program Liga Pembebasan Nasional Malaya untuk mencapai kemerdekaan nasional Malaya sepenuhnya. Diterangkan bahawa lambang Liga ialah bendera merah putih dengan bintang kuning di tengahnya. Pejabat Perwakilan Liga di Indonesia adalah di 77, Jalan Pasebon, Jakarta.

Anggota perwakilan Liga di Indonesia terdiri daripada empat orang iaitu Ibrahim Mohamad sebagai Ketua Perwakilan, Eu Chooi Yip sebagai Timbalan Ketua Perwakilan, Abdullah Sudin sebagai Setiausaha dan aku sebagai anggota Perwakilan. Mereka semuanya adalah anggota Jawatankuasa Pusat LPNM.

Liga Pembebasan Nasional Malaya adalah lanjutan daripada Front Persatuan PUTERA-AMCJA iaitu gabungan persatuan dari pertubuhan politik Melayu Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA) dan AMCJA (All Malayan Council for Joint Action) iaitu wakil-wakil dari pertubuhan bukan Melayu yang demokratik dan telah diharamkan oleh penjajah British. Liga Pembebasan Nasional Malaya merupakan front persatuan bawah tanah yang dipimpin oleh Parti Komunis Malaya.

Organisasi massa terutama yang dipimpin oleh PKI telah memberikan sokongan yang luas kepada perwakilan liga di Indonesia. Setiap ada rapat penting atau persidangan, pertubuhan itu akan mengundang Perwakilan Liga untuk menyampaikan ucapan.

Sebenarnya di Indonesia telah wujud Persatuan Pemuda Malaya (PPM) yang dipimpin oleh Abdullah Sudin. Persatuan Pemuda ini telah menerbitkan akhbar *Tanah Air* iaitu akhbar bulanan format kecil cetak stensil sebanyak 300 naskhah dan diedarkan secara percuma kepada organisasi dan jabatan yang penting di Jakarta. Akhbar ini secara meluas telah menjelaskan situasi dan perjuangan bersenjata rakyat Malaya melawan penjajah British.

Selain Persatuan Pemuda Malaya di Indonesia, terdapat badan Gerakan Kemerdekaan Malaya iaitu persatuan yang dipimpin oleh tokoh terkenal Ibrahim Yaakob. Gerakan Kemerdekaan Malaya ini kemudian berpecah menjadi dua. Hubungan baik di antara Liga dan persatuan ini telah dapat dijalin dengan baiknya dan telah memberikan sumbangan dan peranan tertentu kepada perjuangan rakyat. Hasil daripada hubungan baik ini, maka satu badan kerjasama telah ditubuhkan.

Pada malam 29 September 1965 satu badan kerjasama iaitu Badan Kerjasama Untuk Kemerdekaan Sejati Malaya telah dibentuk terdiri dari Perwakilan Liga Pembelaan Nasional Malaya di Indonesia, Persatuan Pemuda Malaya di Indonesia dan Gerakan Kemerdekaan Malaya di Indonesia. Suatu majlis makan malam telah diadakan sempena terbentuknya badan kerjasama tiga pihak ini. Menteri di Jabatan Presiden, Oi Chu Tat telah hadir sama.

Situasi Positif dan Negatif di Indonesia



Pada zaman konfrontasi ketika itu memang ada segi-segi positif yang dapat digunakan untuk kepentingan perjuangan kita. Radio Republik Indonesia siaran bahasa Melayunya disiarkan oleh anggota dari Persatuan Pemuda Malaya di Indonesia yang diketuai oleh Abdullah Sudin. Boleh dikatakan pihak kita dapat menggunakan kemudahan untuk kepentingan kita.

Pihak tentera Indonesia telah mendirikan Pemerintah Republik Malaya di Indonesia sebagai boneka ciptaan mereka. Pihak tentera ini ada juga siaran radio dalam bahasa Melayu yang reaksioner. Anggota dari Pemerintah Republik Malaya ini sebenarnya adalah intelijen dari tentera darat Indonesia atau Dinas Inteligen Angkatan Bersenjata (DINSAB) Panglima Angkatan Tentera Republik Malaya ini iaitu Jeneral Shamsuddin pernah menemuiku. Shamsuddin mengakui bahawa dia telah digunakan oleh pihak tentera dan tak berani berbuat apa-apa.

Dalam mewakili Liga, Ibrahim telah berusaha keras menghubungi parti politik Indonesia dari tiga golongan iaitu nasionalis, agama dan Komunis. Ibrahim telah dapat bertemu dengan pemimpin Parti Nahdatul Ulama (PNU) iaitu parti Islam terbesar di Indonesia waktu itu. Perwakilan Liga juga telah menemui anggota pimpinan Parti Nasionalis Indonesia (PNI) dan telah dapat bertukar-tukar fikiran dengan mereka. Selain itu semua organisasi massa rakyat Indonesia yang dipimpin oleh PKI juga telah ditemui oleh perwakilan kita di antaranya ialah Persatuan Buruh Indonesia, Sentral Organisasi Buruh Seluruh Indonesia (SOBSI), Barisan Tani Indonesia, Gerakan Wanita Indonesia (GARWANI) dan Persatuan Pemuda PKI.

Perwakilan Liga Pembelaan Nasional Malaya di Indonesia telah dapat menghubungi beberapa orang bekas ahli Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) yang telah pergi ke Indonesia seperti Ustaz Kassim, Bizar Ahmad bekas pemimpin Persatuan

Buruh Indonesia di Singapura dan seorang pemimpin pusat gabungan persatuan buruh se-Malaya iaitu PMFTU. Saudara Bizar Ahmad telah ikut membantu dalam mengurus pejabat Perwakilan Liga di Jakarta.

Aku dan Ibrahim berkesempatan mengunjungi rumah Ibrahim Yaakob di Jakarta. Beliau telah mengadakan majlis makan malam untuk kami. Ibrahim Yaakob telah menunjukkan kepada kami surat tulisan jawi dari Musa Ahmad selaku Pengurus PKM yang berharap menjalin hubungan baik dengannya. Ibrahim Yaakob telah memberi tiga buah buku karangannya tentang gagasan MAPHILINDO iaitu gagasan untuk mendirikan negeri Melayu Raya yang terdiri daripada Malaya, Indonesia dan Filipina bersatu. Selain Ibrahim Yaakob, kami juga telah bertemu dengan salah seorang bekas tokoh kebangsaan Malaya iaitu Abdul Karim Rashid. Beliau menjadi Duta Indonesia ke Filipina pada masa itu.

Jamuan Merayakan Penubuhan Perwakilan Liga

Pada 21 Julai, 1965 malam, Perwakilan Liga Pembelaan Nasional Malaya di Indonesia telah mengadakan suatu jamuan untuk merayakan berdirinya Perwakilan Liga di Indonesia.

Jamuan itu telah dihadiri oleh Wakil Perdana Menteri ketiga Indonesia Yang Mulia Bapak Khairul Salleh, Jeneral Udara (bersara) Dharma dan isteri iaitu Nyonya Suriya Dharma aktivis politik wanita yang terkenal, wakil ketua satu PKI M.H. Lokman dan isteri serta wakil-wakil dari organisasi-organisasi yang penting di Jakarta.

Ibrahim Mohamad selaku Ketua Perwakilan Liga telah berucap menyatakan terima kasih yang tinggi kepada pemerintah Indonesia telah memberikan persetujuannya atas penubuhan Liga. Ibrahim juga menyatakan terima kasih kepada sokongan hangat dari organisasi-organisasi massa di Jakarta. Bapak Khairul Salleh juga telah berucap memberikan sambutannya. Jamuan telah berjalan lancar dan dalam suasana persahabatan yang hangat. Jeneral Haris Nasution, Panglima Angkatan Bersenjata Indonesia telah mengutus surat menyatakan tidak dapat hadir.

Menyambut Ulangtahun ke-17 Hari 20 Jun 1948

Perwakilan Liga telah mengadakan sambutan Hari 20 Jun ke-17 secara besar-besaran di Jakarta. Sambutan itu diadakan pada malam

20 Jun 1965 di Gedung Rakyat Jakarta yang boleh menampung 3,000 orang lebih. Pihak Perwakilan Liga telah menyediakan minuman air lamnit untuk para hadirin.

Sebelum sambutan itu diadakan Rombongan Nyanyian Pemuda PKI telah datang ke Pejabat Perwakilan membuat nota lagu-lagu yang dinyanyikan oleh Rejimen Ke-10 iaitu lagu-lagu 'Tentera Tanahair,' 'Perajurit Perwira' dan 'Lalui Gunung, Lalui Paya.'

Rombongan Nyanyian Pemuda PKI ini secara sukerela telah mempersembahkan lagu-lagu nyanyiannya iaitu di majlis sambutan itu.

Ketua Perwakilan Ibrahim Mohamad telah menghuraikan secara ringkas Peristiwa 20 Jun 1948, iaitu pada hari itu penjajah British telah mengisytiharkan undang-undang darurat di seluruh Malaya dan serentak dengan itu telah mengharamkan semua parti-parti dan pertubuhan-pertubuhan rakyat yang demokratik dan patriotik dan menangkap beratus-ratus ribu anggota-anggotanya dan disumbatkan ke dalam kem-kem tahanan di seluruh Malaya. Ini adalah penindasan yang paling kejam dan adalah satu titik hitam dalam sejarah perjuangan menuntut kemerdekaan.

Di bawah pimpinan PKM rakyat Malaya telah bangkit melancarkan perjuangan bersenjata yang gagah berani dan telah mendirikan Tentera Pembebasan Nasional Malaya (TPNM) sebanyak 12 Rejimen.

Wakil Front Nasional Indonesia telah menyampaikan ucapannya. Wakil Perdana Menteri kedua Dr. J.M. Leimeina telah mengutus surat menyatakan tidak dapat hadir.

Sambutan ini berjalan dengan meriah dan lancar. Setelah selesai sambutan, kawan D.N. Aidit Ketua PKI telah naik ke pentas bersalaman dengan Ibrahim dan mengucapkan tahniah. Dewan itu telah bergemuruh dengan tepukan dan teriakan-teriakan 'Hidup Aidit!' berkali-kali iaitu teriakan hormat kepada pemimpin yang mereka kasihii itu.

Situasi Tegang di Indonesia



Di sekitar Ogos 1965 situasi di Indonesia menjadi agak tegang. Ada khabar angin menyatakan bahawa pihak tentera akan melakukan sesuatu tindakan. Menurut berita dikatakan bahawa pihak tentera ada menubuhkan apa yang dinamakan Dewan Jeneral iaitu suatu badan yang dianggap kontra-revolusioner yang menentang kekuatan atau kuasa Presiden.

Kemungkinan suatu rampasan kuasa akan tercetus. Dikatakan bahawa pihak PKI juga sedang melatih anggota-anggotanya atau massanya menggunakan senjata. Pihak Perwakilan Liga telah membuat hubungan yang erat dengan pihak Kedutaan Vietnam di Indonesia untuk mendapatkan bantuan jika ada apa-apa yang tidak diingini berlaku. Pihak Kedutaan sangat menyokong kuat dan bersedia akan memberikan bantuan atau perlindungan bila diperlukan.

Hubungan erat juga diadakan dengan Perwakilan Front Pembelaan Nasional Vietnam Selatan di Indonesia. Hubungan juga dibuat dengan Perwakilan Pemerintah Kalimantan Utara. Kami tidak mahu menampakkan yang kami bersandar kepada Kedutaan Republik Rakyat China di Indonesia.

Pihak Perwakilan telah membuat keputusan bersama memandang tentang adanya situasi yang tegang ketika itu. Kami sepakat bahawa setiap orang anggota perwakilan mesti tidur di Pejabat Perwakilan Liga. Jika kami ditangkap, maka kami tetap ada bersama-sama. Saudara Abdullah Sudin dan Saudara Eu Chooi Yip ada kediaman di luar Pejabat Perwakilan Liga kita. Jadi mereka tidak balik ke rumah.

Gerakan 30 September atau GESTAPO

Mulai tengah malam 30 September 1965 kami semua dikejutkan dengan siaran Radio Republik Indonesia (RRI) yang disiarkan secara

berulang-ulang mengatakan bahawa suatu rampasan kuasa telah berlaku dan pihak pemberontak yang dipimpin oleh sekumpulan tentera yang diketuai oleh Leftenan Kolonel Untung telah menubuhkan pemerintah baru yang revolusioner dan demokratik. Siaran itu telah menyebut senarai nama anggota penting pemerintah baru itu termasuk Dr. Subandrio. Sebenarnya pihak pemberontak itu telah menawan stesen Radio Republik Indonesia dan memaksa pihak penyiarannya menyiaran siaran pihak pemberontak itu.

Suasana lega dan gembira terasa di hati kami setelah mendengar berita baik itu. Tetapi hampir waktu pagi siaran RRI itu telah berhenti dan bertukar mengatakan bahawa pihak pemberontak itu telah dapat ditumpaskan. Pagi itu akhbar PKI iaitu *Harian Rakyat* yang menyokong rampasan kuasa itu ditahan edarannya.

Pihak tentera Indonesia yang dipimpin oleh Major Jeneral Soeharto telah mengepalai pasukan tentera melakukan serangan balas ke atas pihak pemberontak. Rampasan kuasa Leftenan Kolonel Untung itu telah gagal kerana tidak ada koordinasi dan persiapan yang rapi. Akibatnya dalam satu malam saja kekuatan pemberontak itu telah dapat ditumpaskan, Leftenan Kolonel Untung telah ditangkap.

Presiden Soekarno telah melantik seorang panglima baru tetapi telah tidak dipatuhi oleh Jeneral Soeharto. Nampaknya Soeharto telah mula selangkah demi selangkah hendak menjatuhkan Presiden Soekarno dengan melemahkan kuasa Presiden dan memaksanya tunduk kepada kemahuan Soeharto. Jelaslah dengan kesempatan ini Jeneral Soeharto telah tampil ke depan untuk mengusai pemerintahan Indonesia.

PKI telah membuat kesilapan yang besar kerana secara terang-terangan menyokong pihak pemberontak. Soeharto dengan cepat telah bertindak mengharamkan PKI dan melancarkan penangkapan besar-besaran terhadap pimpinan, anggota dan penyokong PKI.

Seorang anggota Persatuan Pemuda Malaya di Indonesia bernama Hamid juga telah ditangkap dalam satu serbuan tetapi nasibnya baik kerana telah dibebaskan kerana tidak ada bukti. Berita selanjutnya menjelaskan bahawa pada malam 30 September itu sekumpulan pegawai dan anggota tentera yang dipimpin oleh Leftenan Kolonel Untung telah menangkap sembilan orang jeneral tentera dan membunuhnya seorang demi seorang. Jasadnya disumbatkan ke dalam lubang di Lubang Buaya. Di antara sembilan orang jeneral itu ialah Leftenan Jeneral Ahmad Yani, Panglima

Tentera Darat Indonesia. Mayat mereka telah dapat ditemui dan jenazahnya telah dikebumikan di permakaman Taman Pahlawan.

Jeneral Soeharto telah menghapuskan satu persatu kuasa Presiden Soekarno. Dia memaksa Soekarno melantiknya menjadi Panglima Angkatan Bersenjata Indonesia dan menaikkan pangkatnya menjadi Jeneral penuh. Dia memaksa Soekarno menukar menteri penting kabinet dengan orang-orang yang pro-Soeharto. Soekarno telah mengumumkan apa yang dinamakan Pemerintah Orde Baru Indonesia yang kononnya antiimperialis.

Demikianlah dengan kesempatan menumpaskan Gerakan 30 September itu, Jeneral Soeharto telah tampil ke muka merampas kuasa pemerintahan Indonesia. Suasana Indonesia diselubungi dengan ketakutan. Penangkapan ke atas orang PKI dan massa revolusioner lainnya berlaku terus-menerus. Ribuan orang telah ditahan. Di sana-sini diadakan perintah berkurnig.

Persidangan KIAPMA

Meskipun keadaan di Indonesia masih tegang, pihak Indonesia tetap masih mahu mengadakan Konferensi Internasional Anti Pangkalan Militer Asing (KIAPMA) di Jakarta pada pertengahan Oktober 1965. Perwakilan Malaya terdiri dari lapan orang iaitu empat orang dari Perwakilan Liga, dua orang dari Persatuan Pemuda Malaya di Indonesia dan dua orang dari Gerakan Kemerdekaan Malaya di Indonesia.

Mulanya direncanakan P.V. Sharma dari Beijing akan ikut serta tetapi dia tidak dapat datang. Kerana sebab-sebab tertentu Persidangan KIAPMA itu kemudiannya ditukar tempatnya ke Bali.

Kami bersama-sama sekumpulan para perwakilan dari beberapa negeri lagi telah diatur menaiki kapal terbang tentera udara terbang ke Pulau Bali. Kami telah diatur menginap di tempat peranginan di tepi laut di Bali. Kami juga diatur melawat kawasan gunung berapi yang sudah meletup dan berpeluang melawat tempat istirehat Presiden Soekarno di Bali.

Kemudian Persidangan KIAPMA itu telah diubah lagi iaitu balik semula diadakan di Jakarta. Kami telah balik ke Jakarta dan menginap di Hotel Indonesia iaitu tempat para perwakilan diatur menginap. Kami telah mengedarkan risalah-risalah terbitan LPNM di tempat yang disediakan. Pada hari pembukaan sidang itu Presiden Soekarno telah berucap.

Kemudian para perwakilan telah diatur untuk bersalaman dengan Presiden Soekarno. Ibrahim pada kesempatan ini telah

menyampaikan salam rakyat Malaya kepada Presiden Soekarno disusuli dengan ucapan terima kasih. Perwakilan Liga telah memainkan peranan yang agak penting dalam semua perbincangan di persidangan itu. Persidangan KIAPMA itu telah berjaya dilangsungkan dalam situasi yang tidak aman di Jakarta.

Menghadiri Sidang Internasional

Dengan bantuan, pengaturan dan pembiayaan para perwakilan Indonesia yang bertugas menghadiri persidangan internasional, para anggota Perwakilan Liga kita telah diberi peluang untuk ikut serta dalam beberapa sidang internasional mewakili Malaya. Kami kerap bersama-sama hadir dengan rombongan para perwakilan Indonesia.

Selain persidangan KIAPMA yang diadakan di Jakarta, maka para anggota Perwakilan Liga kita telah ikut serta dalam empat sidang lagi iaitu Konferensi Setiakawan Rakyat Asia-Afrika di Winneba, Ghana, dihadiri oleh Ibrahim Mohamad dan Eu Chooi Yip pada Mei 1965. Menghadiri Rapat Dewan Perdamaian Dunia di Helsinki yang dihadiri oleh Eu Chooi Yip pada Jun 1965. Aku dan Abdullah Sudin menghadiri Konferensi ke-11 yang melarang bom atom dan hidrogen di Tokyo, Jepun pada Ogos 1965.

Demikianlah Perwakilan Liga kita di Indonesia telah dapat mewakili negara kita di sidang-sidang internasional itu.

Anggota Perwakilan Liga di Indonesia Ditangkap



Pada tengah malam 17 November 1965 kami empat orang anggota Perwakilan Liga yang sedang tidur di Pejabat Perwakilan Liga telah ditangkap oleh pihak tentera disumbatkan ke dalam sebuah jip dan dibawa ke Markas DINSAB - Dinas Inteligen Angkatan Bersenjata Indonesia.

Sebenarnya beberapa hari sebelum kami ditangkap beberapa orang tentera pernah menggertak kami yang menuduh bahawa Pejabat Perwakilan Liga kononnya ada menyiarkan radio sulit. Kami bawa mereka memeriksa pejabat Liga ternyata tidak ada apa yang disebut radio sulit. Mereka akhirnya jelas bahawa memang tidak ada radio sulit.

Pada malam kami sampai di Markas DINSAB itu, kami ditempatkan di sebuah pejabat. Esok paginya kami disumbatkan ke dalam 'penjara' iaitu sebuah bilik stor yang pintunya pintu besi. Kami disumbatkan dengan beberapa orang tahanan lain. Sebenarnya ada empat buah bilik stor yang digunakan oleh Pejabat Inteligen itu untuk tahanan sementara. Di atas bangunan stor yang dibuat penjara itu ialah tempat tidur sepasukan anggota Komando Tentera Laut Indonesia yang menjadi pasukan pengawal Markas Inteligen itu. Markas inteligen ini diketuai oleh Brigadier Sugomo dan pembantunya Lettenan Kolonel Annas Karim. Annas Karim ini seolah-olah mengenali beberapa orang tokoh nasionalis Malaya seperti Ahmad Boestamam dan lain-lain.

Kami telah mengemukakan bantahan kepada mereka kerana menangkap kami. Kami adalah perwakilan yang diakui oleh pemerintah dan tidak ada kena-mengena dengan Gerakan 30 September. Kami minta dibenarkan ke luar negeri dan telah mendapat persetujuan untuk mendapatkan perlindungan dari Kedutaan Vietnam di Indonesia. Beberapa organisasi internasional yang antiimperialis dan demokratik telah membantah penangkapan kami. Kami diberi makan hanya sebungkus nasi lemak seorang

untuk makan tengah hari dan petang. Tentu saja tidak kenyang. Boleh dikatakan kami sentiasa berasa kelaparan.

Beberapa hari setelah kami ditahan, Abdullah Sudin dipindahkan ke bilik lain. Maksud mereka untuk memujuk Abdullah Sudin supaya memberi wang suapan kepada mereka, sebab mereka fikir Abdullah ada sumber kewangan. Bagaimanapun mereka tidak mendapat apa-apa. Mereka juga minta kami menyerahkan wang bantuan pemerintah Indonesia supaya diserahkan kepada mereka. Sebenarnya ini tidak mungkin.

Kami ditanya dari mana sumber wang kami. Kami katakan dikirim melalui negeri ketiga iaitu Hong Kong. Mereka bertanyakan hubungan kami dengan PKJ dan lain-lain. Kami katakan bahawa kami hanya ada hubungan persahabatan sahaja dengan semua parti Islam dan nasionalis.

Kehadiran kami di Indonesia hanya untuk mendapatkan sokongan moral dari rakyat Indonesia dan sekali-kali tidak campur tangan dalam urusan dalaman di Indonesia. Rakyat Indonesia sepenuhnya berhak untuk mengurus negerinya sendiri. Beberapa orang yang dinamakan anggota dari Republik Malaya berada di situ sebagai anggota inteligen juga.

Jumlah orang tahanan akhirnya kurang kerana dipindahkan ke tempat lain. Tinggal kami beberapa orang saja. Pihak Pejabat Inteligen semakin kejam dengan memutuskan bahawa keluarga kami mesti membekalkan makanan harian kami. Sebenarnya selain kami ditangkap, mereka juga merampas jip milik Perwakilan Liga. Beberapa orang anggota pengawal di situ agak bersimpati dengan para tahanan. Mereka telah memberi makanan mereka yang tidak habis kepada kami. Ini meredakan rasa lapar. Mereka juga menolong membelikan barang-barang untuk kami.

Setiap petang isteri Abdullah Sudin iaitu Supik dan isteri Eu Chooi Yip iaitu Siu Bi datang menghantar makanan untuk kami empat orang. Mereka dengan semangat yang tinggi, teguh dan telah bersusah payah setiap hari menghantar makanan untuk kami. Bekalan makanan itu untuk santapan makan malam, dan bakinya disimpan untuk makan pagi dan tengah hari esoknya. Demikianlah setiap hari kami dapat bertemu dan berhubung dengan isteri Abdullah Sudin dan Yip.

Masa berjalan terus. Pada 1966, daripada pembesar radio di tahanan itu kami mendengar berita ketibaan delegasi Kerajaan Malaysia yang diketuai oleh Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak di Jakarta. Beliau telah berucap di istana Presiden Soekarno. Sebenarnya Malaysia dan Indonesia telah bersetuju untuk

memulihkan hubungan baik kedua-dua buah negara dan menamatkan Konfrontasi Indonesia.

Dibebaskan Disember 1967

Pada suatu pagi Disember 1967 kami empat orang telah dibawa ke pejabat Ketua DINSAB iaitu Brigadier Jeneral Sugomo yang mahu berjumpa dengan kami. Hadir sama ialah Leftenan Kolonel Annas Karim. Brigadier Jeneral Sugomo memberitahu bahawa kami dibebaskan. Dengan nada yang tegas beliau meminta kami supaya segera meninggalkan Indonesia dan jangan balik-balik lagi. Jika balik lagi mereka akan mengejar kami sampai ke lubang cacing. Kami boleh tinggal berlindung di Kedutaan Vietnam di Indonesia untuk sementara waktu. Kami kemudiannya telah dihantar ke Kedutaan Vietnam di Indonesia dan telah diterima dengan baik oleh pihak kedutaan. Jip Liga pun dipulangkan.

Menginap di Kedutaan Vietnam

Pihak Kedutaan Vietnam di Indonesia telah mengatur tempat penginapan kami di kawasan kediaman kedutaan. Isteri Abdullah Sudin dan anak-anak serta isteri Eu Chooi Yip dan anak-anak juga menginap di Kedutaan Vietnam.

Pihak Kedutaan Vietnam telah menjemput anggota Kedutaan Republik Rakyat China di Indonesia untuk bertemu dengan kami. Kami telah beramah mesra dengan mereka. Pihak Kedutaan Vietnam dan China sepakat sama-sama akan mengurus soal kami pergi ke Beijing dan berhenti sementara di Phnom Penh. Pihak Kedutaan Vietnam akan mengurus perjalanan kapal terbang ke Kemboja dan pihak China mengurus penerbangan kapal terbang ke Guangzhou, ibu kota provinsi Guangdong, China.

Setelah masa bertolak sampai, kami dihantar sendiri oleh Duta Vietnam Pham Bin ke Lapangan Terbang Jakarta. Turut menghantar di lapangan terbang ialah pegawai dari Kedutaan Kemboja di Indonesia. Kami menaiki pesawat Czechoslovakia terbang ke Phnom Penh. Di Lapangan Terbang Phnom Penh kami disambut oleh petugas-petugas Kedutaan Vietnam dan China di Kemboja. Kami kemudiannya diatur menginap sepetang di sebuah hotel di Phnom Penh. Pukul 5.00 petang hari itu juga kami menaiki kapal terbang Kemboja menuju ke Guangzhou dan selamat sampai pada pukul 7.00 malam. Kami disambut oleh petugas Parti

Komunis China tempatan dan diatur menginap di hotel tamu beberapa hari.

Setelah berehat hampir seminggu di Guangzhou, kami diatur untuk terbang ke Beijing. Pada pukul 8.00 malam akhir Disember 1967, kami menaiki kapal terbang menuju ke Beijing. Setelah hampir pukul 10.00 malam kami selamat sampai ke Lapangan Terbang Beijing. Kami disambut oleh wakil PKM di Beijing, Chen Tien yang kami memang telah mengenalinya.

Melawat Vietnam

Kami diatur menginap di Hotel Beijing beberapa hari. Kemudian kami pindah menginap di hotel tentera China iaitu di Hotel Chin Si. Kami diatur beristirehat hampir sebulan dan kemudiannya akan melawat Vietnam atas undangan. Pada awal Januari 1968 kami telah bertolak ke Vietnam Utara atas undangan. Kami dirai dan dijamu oleh Organisasi Setiakawan Rakyat Asia-Afrika Vietnam. Aku mengadakan pertemuan dalam majlis yang diadakan oleh Persatuan Wanita Vietnam. Kami juga diterima melawat pasukan Meriam Tentera Vietnam di Hanoi.

Bertemu Presiden Ho Chi Minh

Ketua Parlimen Vietnam yang kami sudah tak ingat namanya telah mengadakan jamuan di gedung pemerintah untuk meraikan kami. Secara tidak disangka-sangka, Presiden Ho Chi Minh telah datang menemui kami. Kami berjabat tangan mesra dengannya. Aku telah berpelukan dengan Presiden Ho Chi Minh. Kami telah berpeluang beramah mesra dengan Presiden Ho Chi Minh. Kami mengakhiri lawatan singkat ke Vietnam itu dengan meninjau satu dua tempat yang penting saja.

Rapat Setelah Dipenjarakan

Setelah balik ke Beijing dan beristirehat, kami diminta membuat laporan semasa dalam tahanan. Setelah setiap orang membuat laporan, maka satu rapat telah diadakan di Hotel Chin Si, Beijing yang diketuai oleh Chen Tien mewakili pimpinan PKM. Mesyuarat itu telah merumus kesimpulan dan diadakan kritik dan mengkritik.

Sebenarnya dalam laporan Ibrahim Mohamad ada menyebut bahawa Ibrahim telah mengatakan bahawa pemimpinnya ialah

Abdullah C.D.. Aku pula ada mengatakan bahawa pembawa jalan keluar ialah Ah Chong. Dalam mesyuarat itu telah disinggung isi laporan itu. Tetapi kemudiannya ia telah digunakan dengan menuju kami berdua (Ibrahim dan aku) adalah pengkhianat. Berdasarkan laporan itu dia telah menggunakan nama pengkhianat itu dalam menekan dan memberi pukulan maut kepada kami dalam peristiwa perjuangan dalaman yang mengecap kami sebagai anasir antiparti dan akibatnya kami ditahan dua tahun dan dipecat keanggotaan parti. Hal ini dipendekkan saja dan tidak diceritakan lebih lanjut. Ini hanya suatu catatan ringkas.

Pembubaran Perwakilan Liga Pembebasan Nasional Malaya, di Indonesia

Setelah mesyuarat itu tamat, empat orang bekas anggota Perwakilan Liga Pembebasan Nasional Malaya, Indonesia telah diaturkan pekerjaan baru. Saudara Eu Chooi Yip dan Abdullah Sudin telah ditugaskan ikut serta dalam anggota Perwakilan Liga Pembebasan Nasional Malaya di Republik Rakyat China yang berpejabat di Beijing, diketuai oleh P.V. Sharma. Perwakilan Liga di China yang kedua ini ditubuhkan pada 12 Januari 1966. Ibrahim Mohamad dan aku, diatur balik semula tinggal di asrama PKM di Beijing. Dengan ini berakhirlah misi Perwakilan Liga Pembebasan Nasional Malaya, Indonesia.

Pergolakan Dalaman PKM



Kedua-dua di sekeliling dan situasi dalam dan luar negeri adalah faktor penting yang mendorong kami mahu dan mesti pulang. Pada tahun 1970-an di China dan di Vietnam timbul perjuangan dalaman di kalangan anggota PKM kerana beberapa masalah dasar dan hal dalaman PKM dikatakan bersalahan. Akibatnya beberapa anggota PKM yang ditempatkan di Vietnam dipecat dan dihantar ke China. Parti Komunis dan pemerintah Vietnam pula bersikap khianat tidak mahu menyokong PKM. Di China, sekumpulan anggota PKM menubuhkan kumpulan mempelajari fikiran Mao Tze Tung. Seramai lima orang mengkritik garis PKM. Kumpulan lima orang ini ialah Ibrahim Mohamad, Shamsiah Fakeh, Mohd. Jamil Mialam, Chua Soo Cheng (isteri Jamil) dan Zainab Mahmud (isteri Musa).

Kumpulan lima orang ini akhirnya ditindas hebat mengikut cara (ala) Revolusi Besar Kebudayaan China. Akibatnya aku dan Ibrahim ditangkap oleh organisasi PKM di Beijing dan dikenakan tahanan rumah selama dua tahun dan dipecat keanggotaan PKM. Jadi aku kena tahanan dua tahun di Indonesia dan dua tahun di asrama PKM di China. Waktu itu Chen Ping menjadi ketua delegasi Jawatankuasa Pusat PKM di China pada tahun 1968. Ini semua berlaku di depan mata Chen Ping.

Gerakan Komunis di dunia mengalami perpecahan di mana Soviet Union dan China berselisih. Demikian juga Parti Komunis Albania dan Parti Komunis Soviet. Di China berlakunya Revolusi Besar Kebudayaan iaitu revolusi menghapuskan pemimpin dan orang-orang berkuasa yang menempuh jalan kapitalis. Kami telah menyaksikan semua kejadian pada zaman Revolusi Besar Kebudayaan itu.

Menurut berita yang tersiar iaitu berita media Barat yang kami dapat baca, kami dapat tahu bahawa PKM juga mengalami perpecahan iaitu pecah tiga ketika itu. Ada Parti Komunis Malaya

Marxis-Leninis, ada PKM Revolucioner dan PKM asal (ortodoks). Menurut siaran radio PKM, Radio Suara Revolusi Malaya, bahawa mereka ini mula hendak berperang sesama sendiri. Zon 1 lawan Zon 3. Masing-masing ada tentera dan kawasannya sendiri. Akhirnya seramai 600 anggota Parti Komunis Malaya Marxis-Leninis itu telah menyerah diri kepada Kerajaan Thailand pada 1987 dan ditempatkan di Kampung Persahabatan.

Perpecahan terjadi akibat polisi atau petunjuk PKM yang dinamakan 'penghukuman dan pengampunan' yang menyebabkan banyak orang yang tak bersalah dibunuh kerana disyaki menjadi inteligen atau *spy* musuh. Pihak musuh telah menyusupkan inteligennya ke dalam pasukan Tentera Pembelaan PKM. Pemimpin Rejimen Ke-10 Abdullah C.D. dan isterinya Suriani ikut kena racun. Orang yang masuk parti tahun 1960-an dan 1970-an banyak disyaki.

Sebahagian anggota PKM di Beijing dan di Hanoi waktu itu (akhir 1960-an) merasakan PKM ada melakukan kesalahan, lantas tampil mengkritik. Akibatnya mereka ditindas, diberi pukulan hebat. Daripada kumpulan lima orang kami, hanya aku dan Ibrahim yang dipecat. Jamil dan isterinya serta Zainab (isteri Musa) tidak dipecat. Mohd. Jamil keluar dengan sendiri dari PKM dan Zainab Mahmud ikut Musa Ahmad menyerah diri pada 1980. Sebenarnya Musa Ahmad juga mahu ditangkap oleh PKM tetapi dia diselamatkan oleh orang yang bersimpati dengannya dalam pasukan Revolusi Kebudayaan di Pejabat Perhubungan Jawatankuasa Pusat, Parti Komunis China. Dia disembunyikan di sebuah bilik dan duduk di sana selama dua tahun.

Perjuangan yang lama, tanpa kemajuan yang nyata di tanah air telah menyebabkan ada di kalangan anggota PKM yang merasa kecewa. Ada yang merasa tidak puas hati kerana sebab tertentu akibat kelemahan pemimpin parti di luar negeri.

Situasi antarabangsa waktu itu telah timbul perselisihan di dalam parti Komunis terutama di antara parti besar dan negara besar iaitu antara parti dan negara China dengan Soviet Union. Semuanya berkisar mengenai soal pengkhianatan terhadap prinsip Marxisme-Leninisme iaitu mengubah prinsip-prinsip itu. Ini dinamakan revisionisme. Kepalanya ialah Parti Komunis Soviet Union yang diketuai oleh Nikita Khrushchev. Ini ditentang oleh Parti Komunis China. Teori revisionisme mereka dinamakan revisionisme moden. Dalam sejarah sebelum itu, pernah timbul masalah revisionisme. Sebab itu zaman sekarang dinamakan revisionisme moden. Akibat perubahan inilah runtuhnya Soviet

Union, sebuah negara sosialis besar yang pertama kerana penyelewengan pemimpinnya yang mengingkari prinsip Marxism-Leninisme.

Di China pula meletus Revolusi Kebudayaan yang akhirnya dianggap salah. Ketua Mao-Tze-Dong, pemimpin ulung dan agung pun dikatakan bersalah. Dalam masa Revolusi Kebudayaan, hujung tombaknya ditujukan kepada orang yang berkuasa yang menempuh jalan kapitalis dan kepada kubu imperialis serta negeri yang mengekorinya serta memusuhi China termasuk Malaysia.

Seorang anggota PKM keturunan India yang dihantar belajar ke China, seperti kami juga, bernama Nathan @ Liu Tak pernah bekerja bersama-sama kami di Radio Peking (Beijing) sebagai pakar bahasa Tamil. Dia telah dipecat oleh PKM sewaktu Revolusi Kebudayaan kerana berkahwin dengan anak tuan tanah China. Dia ditangkap dan dipenjarakan di provinsi Szechuan selama 13 tahun kerana pergi berhubungan dengan kawan di kedutaan India, negara yang memusuhi China walaupun negara itu mempunyai hubungan diplomatik dengan China, sama seperti Malaysia.

Kalau kami berhubungan dengan kedutaan Malaysia mungkin nasib kami akan sama dengan Nathan. Nathan akhirnya meninggal dunia di Beijing kerana menghidap barah paru-paru. Setelah Revolusi Kebudayaan tamat, pihak pimpinan Radio Peking telah mengakui kesalahan menahan Nathan dan untuk menebus kesalahannya, mereka mengambil anak-anak wanita Nathan bekerja di Radio Beijing. Revolusi Kebudayaan di China itu memang satu mala petaka besar. Aku dan Ibrahim dari kumpulan lima orang itu, dituduh melakukan gerakan antiparti. Pimpinan PKM di Beijing telah mengumpulkan semua anggota PKM yang berada di Beijing, dijadikan seperti mahkamah untuk mendakwa atau mematahkan gerakan kami. Kami dituduh dengan keras di depan ramai.

Kami berdua dihadapkan di depan anggota PKM di dewan mahkamah PKM, saling tak tumpah cara Revolusi Kebudayaan China. Kami diikat tangan, ditempeleng, dipaksa membongkok dan mengaku salah. Tukang pukulnya ialah Barisan Pemuda PKM iaitu Liga Pemuda PKM. Mereka terdiri dari anak-anak anggota PKM di China yang disusun menjadi Barisan Pemuda PKM dan bertindak seperti Pengawal Merah (Red Guard) atau 'Hong Weiping' dalam bahasa Mandarin. Aku dan Ibrahim akhirnya dipecat, dan dihukum dua tahun tahanan rumah. Kalau keluar mesti ada pengawal. Rumah dikawal 24 jam oleh ahli Barisan Pemuda PKM yang nampaknya berlagak sompong dan tak bermoral. Pimpinan

PKM memobilisasi anak-anak muda itu supaya membenci dan memulaukan kami. Begitulah sewaktu di luar negara kami telah masuk dua buah penjara iaitu penjara PKM dan penjara Tentera Indonesia.

Saudara Mohd. Jamil Mialam dan isterinya Chua Soo Cheng @ Maria juga mahu ditangkap, tetapi mereka tinggal di Asrama Pakar Radio Peking dan ada tentera yang mengawalnya. Jadi orang PKM tak boleh masuk. Maka mereka terselamat. Antara anggota PKM yang keras menghentam kami ialah Abdullah Sudin, Sarada (isteri P.V. Sharma), Eu Chooi Yip, Liu Yit Fan dan barisan pemuda PKM. Sarada (isteri P.V. Sharma) ialah warganegara India yang masuk PKM.

P.V. Sharma ialah anggota lama PKM yang pernah menjadi pemimpin Persatuan Guru-guru Singapura. Dia ditangkap masa Darurat dan dibuang ke India. Dia bekerja keras menerbitkan akhbar untuk menjelaskan perjuangan bersenjata PKM. Pendeknya banyak juga sumbangannya. Yang terakhir beliau menjadi Ketua Perwakilan Liga Pembebas Nasional Malaya di Republik Rakyat China. Beliau akhirnya meninggalkan PKM dan balik ke Singapura pada awal 1990-an. Beliau waktu itu sedang sakit tenat di hospital yang sama-sama kami tinggal. Beliau telah memuntahkan isi hatinya yang tak puas hati terhadap PKM. Sharma balik ke Singapura, langsung dari hospital di depan mata kami. Si Sarada yang garang menghentam aku dahulu datang menziarahi aku di rumahku di Changsa dengan sikap mesra dan bersahabat. Eu Chooi Yip, kader lama PKM yang pernah menjawat Timbalan Ketua Perwakilan Liga Pembebas Nasional Malaya di Indonesia sewaktu bertemu dengan Ibrahim Mohamad di hospital berkata, "Sekarang sudah tak ada PKM lagi. Lupakan sajalah hal-hal dulu itu." Beliau juga balik ke Singapura setelah wujudnya perdamaian. Beliau juga datang ke rumah kami dan mencadangkan cara-cara untuk dapat pulang. Beliau ialah kawan baik Goh Kheng Swee, bekas Menteri Kewangan Singapura yang merupakan bekas teman sekolahnya. Goh Kheng Swee inilah yang membantu dia pulang. P.V. Sharma dan Eu Chooi Yip telah meninggal dunia. Abdullah Sudin tak sempat ditemui kerana sudah masuk hutan dan dilantik menjadi anggota Markas Besar Rejimen Ke-10. Dia juga telah meninggal dunia pada 1995. Anaknya bernama Yuri ada datang ke rumah kami. Permusuhan tamat setelah semuanya bukan lagi anggota PKM.

Kedua-dua keluarga itu pulang ke negerinya Singapura iaitu Sharma dan Eu Chooi Yip dengan bantuan Menteri atau bekas Menteri Singapura di hadapan mata kami setelah Perjanjian Damai

ditandatangani pada 1989. Kami sekeluarga merasa amat gelisah. Hasrat untuk balik ke Malaysia terus meronta-ronta dan menghantui fikiran kami. Permohonan kami kepada Kerajaan Malaysia masih belum ada jawapan. Anak kami, Jamaluddin terus-menerus ditugaskan ke Beijing berhubung dengan pihak Kedutaan Malaysia hingga dia menjadi kenalan rapat kepada pihak kedutaan di sana.

Merindui Tanah Air



Tinggal di bandar kecil, walaupun mendapat bantuan dan sedikit kemudahan, tetapi kami masih berusaha untuk mengubah nasib dan kehidupan kami. Tinggal di China yang jauh hanya sekeluarga lima orang di tengah berjuta-juta rakyat China tentulah selalu merasa kesepian, selalu terkenang kepada ibu bapa, sanak saudara dan tanah air yang tercinta. Perasaan mahu pulang selalu tenggelam timbul dalam otak kami. Kami datang ke China adalah dihantar oleh PKM untuk belajar dan berjuang di bawah pimpinan PKM. Tetapi kami (aku dan Ibrahim) sudah bukan lagi anggota PKM, maka bagaimana pula aku boleh berjuang sekeluarga? Tentu ganjal dan tidak masuk akal bukan? Setelah aku keluar dari PKM maka dengan sendirinya kami sudah tidak lagi berjuang melawan Kerajaan Malaysia.

Walaupun begitu kenyataannya, apa yang disuarakan oleh pihak Kerajaan Malaysia ialah kami masih tetap bersalah, mesti dihukum dan lain-lain lagi. Begitulah diberitakan. Bagaimana kami boleh pulang? Nampaknya satu jalan yang terbuka iaitu menyerah diri seperti yang dilakukan pada tahun 1980 oleh Musa Ahmad, bekas Pengerusi PKM.

Sebagai pejuang yang bersemangat tinggi dan bertekad berjuang untuk kemerdekaan tanah air dari imperialis British, kami tidak akan menyerah diri kepada penjajah. Tetapi kami merasa tidak ada sebab kami mesti menyerah diri kepada kerajaan Barisan Nasional Malaysia sebab kami tidak bermusuh dengan Kerajaan Malaysia. Kami mengangkat senjata melawan penjajah British bukan melawan kerajaan Barisan Nasional atau kerajaan Perikatan kerana kerajaan Barisan Nasional belum wujud lagi dan Malaya pun masih belum Merdeka.

Permusuhan yang utama ialah melancarkan perjuangan bersenjata melawan penjajah British iaitu ringkasnya bermusuh dengan penjajah British. Kenapa boleh jadi, maka kami atau PKM boleh bermusuhan dengan Kerajaan Malaysia? Dari segi fakta

sejarah dapat kita lihat sebabnya ialah Kerajaan Malaya yang sudah Merdeka mengambil alih tugas membasmikan Komunis daripada penjajah British. Dengan kata lain Kerajaan Malaya yang Merdeka mewarisi sifat penjajah Inggeris yang hendak menghapuskan Parti Komunis dan Tentera Pembebasan Nasionalnya (TPNM). Sebab itu jelaslah perrusuhan itu berterusan sehingga memakan masa 41 tahun iaitu sampai 2 Disember 1989, barulah perrusuhan itu tamat dengan termeterainya Perjanjian Haadyai.

Kita boleh menarik kesimpulan bahawa perjuangan bersenjata yang dilancarkan oleh PKM untuk melawan penjajah British itu sudah lama boleh ditamatkan iaitu pada 1955 sekiranya Rundingan Baling itu berjaya. Kenapa gagal? Siapa yang patut disalahkan? Tetapi kenapa rundingan damai yang kedua yang bermula kira-kira pada tahun 1988 ini berjaya? Perjanjian Damai itu telah ditandatangani di Haadyai, di Selatan Thailand pada 2 Disember 1989. Di surat khabar dan televisyen ketika itu kita boleh melihat suasana di majlis tanda tangan itu. Kita boleh melihat perwakilan tiga pihak, iaitu Kerajaan Malaysia, PKM dan Kerajaan Thailand berjabat tangan dengan mesra menandakan suasana perrusuhan telah berakhir. Kita boleh nampak di akhbar, Jeneral Tan Sri Hashim Ali duduk semeja dengan Setiausaha Agung PKM, Chen Ping.

Ini semua berlaku kerana kebijaksanaan pimpinan Dr. Mahathir Mohamad yang jujur, inginkan perdamaian dan berani menyesuaikan diri dengan keadaan sejagat. Kenapakah Almarhum Tunku Abdul Rahman tidak berjaya menamatkan perperangan yang serupa? Sebabnya memang mudah dimengerti iaitu beliau tidak sama dengan Dr. Mahathir. Tunku berpendirian anti-Komunis mat-matian. Beliau juga tidak berkuasa kerana masih menjadi Ketua Menteri dalam Kerajaan pemerintahan sendiri ketika itu (tahun 1955).

Saudara Said Zahari yang di *persona non grata* oleh Tunku Abdul Rahman ke Singapura diizinkan datang ke Malaysia dan akhir sekali aku sekeluarga diizinkan oleh Dr. Mahathir pulang. Inilah kenyataan. Aku tetap bersetuju dengan prinsip yang kita patut pandai bersyukur dan mesti pandai berterima kasih. Ini bukan kerana aku sekeluarga dibenarkan pulang, maka aku sengaja memuji Dr. Mahathir. Inilah kenyataan. Pegangan para pejuang sejati ialah "mencari kebenaran dari kenyataan," "*seeking truth from facts*" dan "satunya perkataan dengan perbuatan." Menurut ilmu falsafah bahawasanya hal-ehwal di dunia ini berkembang, berubah menerusi kesatuan daripada benda-benda yang

bertentangan. Ertinya, dua hal itu bertentangan (berkontradiksi) dan juga bersatu. Misalnya, ada kapitalis ada buruh. Mereka bertentangan tetapi juga bersatu. Apabila yang satu lenyap maka lenyaplah pertentangan.

Kerajaan Malaysia menurut pandangan kami, pejuang di dalam hutan, dianggap sebagai bersalah kerana mengikut jejak langkah imperialis membasmikan PKM. Inilah pertentangannya, tetapi setelah ditandatanganinya Perjanjian Damai, maka pertentangan itu telah lenyap kerana PKM telah menghentikan perjuangan bersenjatanya dan memusnahkan senjatanya. Inilah fakta sejarah. Jadi orang Komunis bukan gila perang, keras kepala tetapi sanggup berunding untuk perdamaian dan menamatkan permusuhan.

Perubahan Polisi Kerajaan Malaysia



Suatu hal yang perlu disebut ialah tentang polisi kerajaan Malaysia. Setelah Merdeka tahun 1957, kerajaan Malaya telah meneruskan polisi penjajah Inggeris iaitu terus melancarkan gerakan menghapuskan gerakan Komunis iaitu hendak membasmi Tentera Pembelaan Nasional termasuk Parti Komunis Malaya. Hal ini telah mengubah bentuk peperangan melawan penjajah Inggeris menjadi perang dalam negeri.

Kerajaan Malaya telah bersekutu dengan blok Barat yang dikepalai oleh imperialis Amerika Syarikat. Kerajaan Malaya menyokong gerakan menentang negara Komunis termasuk China. Polisi itu melarang rakyat China melancang ke Malaya dan melarang rakyat Malaya berkunjung ke China. Kerajaan Malaya memusuhi China. Malaya adalah antara tiga negara Asia yang kuat sikap anti-Komunisnya iaitu Thailand dan Filipina. Apabila Tun Abdul Razak menjadi Perdana Menteri iaitu pada tahun 1970-an baharulah Malaysia mengadakan hubungan diplomatik dengan Republik Rakyat China. Hubungan Malaysia-China semakin bertambah baik beberapa tahun kemudiannya. Dua tahun setelah aku kembali ke Malaysia, iaitu pada September 1996 hubungan Malaysia-China semakin erat. Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad banyak kali berkunjung ke China. Rakyat China bebas melawat Malaysia dan yang menarik sekali ialah Parti Barisan Nasional pula mengadakan hubungan yang baik dengan Parti Komunis China.

Demikianlah proses perubahan dasar kerajaan Barisan Nasional yang sehingga 1996 Malaysia betul-betul telah keluar dari blok Barat dan menjadi negara yang sedang membangun yang antipenjajah dan Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad selalu bersuara lantang menentang segala tindakan kekejaman dan penindasan

penjajah. Kita telah dapat menyaksikan bahawa Malaysia benar-benar telah maju dan bersikap antipenjajahan dalam apa jua bentuknya. Boleh dikatakan di bawah pimpinan Dr. Mahathirlah semua perubahan yang draistik ini berlaku. Malaysia dianggap negara contoh dan Dr. Mahathir telah menjadi seorang pemimpin yang dihormati oleh dunia ketiga. Jasa Dr. Mahathir terhadap keamanan dan pembangunan negara terserlah apabila Malaysia bersetuju berunding dengan PKM untuk mewujudkan perdamaian. Suatu perjanjian damai antara Kerajaan Malaysia dengan PKM juga antara Kerajaan Thailand dengan PKM telah ditandatangani di Haadyai, Selatan Thailand pada 2 Disember 1989.

Semua perubahan ini telah memberi keuntungan kepada rakyat kerana Malaysia tidak terikat dengan mana-mana pihak dari segi politik, ekonomi dan lain-lain. Malaysia telah dapat mengatasi kegawatan ekonomi yang melanda rantau Asia ini pada 1997. Aku menyaksikan kemajuan dan pembangunan besar yang telah dicapai di bawah pimpinan bijaksana Dr. Mahathir Mohamad. Ini adalah sesuatu yang semestinya dibanggakan.

Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir Mohamadlah yang telah mengizinkan aku pulang ke tanah air. Pihak Kedutaan Malaysia di Beijing memberitahu aku bahawa yang berkuasa di atas permohonan aku untuk pulang ialah Perdana Menteri sendiri selaku Perdana Menteri dan juga Menteri Dalam Negeri. Aku bersyukur kepada Tuhan dan amat berterima kasih atas sifat negarawan Dato Seri Dr. Mahathir itu.

Sewaktu di China aku bersama suamiku telah memberikan sedikit sumbangan dalam usaha untuk mendapatkan saling mengerti dan untuk menjalin hubungan yang baik antara rakyat Malaysia dengan China. Aku dan suamiku, Ibrahim Mohamad telah diundang untuk berkhidmat di siaran antarabangsa iaitu sebagai juruhebah Radio Beijing siaran bahasa Melayu. Bertugas sebagai pakar dan pembantu pakar. Siaran ini telah mula berkumandang di udara sejak 1 Mac 1959. Cikgu Jamil juga ikut serta dalam khidmat ini.

Setelah hubungan Malaysia-China semakin baik, para juruhebahnya telah dikirim dari Malaysia melalui Dewan Bahasa dan Pustaka iaitu setelah kami menyambut ulang tahun ke-30 siaran bahasa Melayu Radio Beijing pada 1989. Suamiku Ibrahim Mohamad juga diminta membantu mengajar bahasa Melayu di Institut Bahasa Asing Beijing (sekarang Universiti Bahasa Asing Beijing). Universiti ini juga telah mengadakan hubungan rapat dengan institut pendidikan tinggi di Malaysia.

Aku Sekeluarga diizinkan Pulang oleh Kerajaan Malaysia



*A*ku sekeluarga telah menerima berita yang amat menggembirakan yang disampaikan oleh Encik Kamaruddin, Kuasa Usaha Kedutaan Malaysia di China pada 5 Mac 1994. Kerajaan Malaysia bersetuju menerima keluarga kami kembali ke Malaysia. Seterusnya pihak Kedutaan Malaysia memberitakan bahawa pasport kami juga sudah siap sedia. Ibrahim Mohamad dan anakku Kamaruddin dan Jamaluddin serta cucuku si Rosmaria telah pergi ke Kedutaan Malaysia di Beijing dan menerima pasport kami untuk sembilan orang dari Encik Kamaruddin dan Encik Azlan, Setiausaha Pertama Kedutaan Malaysia pada 9 Jun 1994.

Kemudian pada 14 Jun 1994 kami telah memberitahu seksyen luar negara pemerintah provinsi Hunan di Changsha bahawa Kerajaan Malaysia telah mengizinkan kami pulang. Kami meminta seksyen luar Hunan membantu mengurus dokumen yang diperlukan untuk keluar dari China.

Hubungan empat pihak iaitu aku sekeluarga, Cikgu Mohd. Jamil Mialam sekeluarga, pihak Kedutaan Malaysia di Beijing dan pihak Kerajaan Malaysia di Kuala Lumpur telah diatur untuk menetapkan tarikh dan waktu untuk balik ke Malaysia.

Keputusan sebulat suara dari semua pihak telah diambil iaitu kami akan bertolak balik ke Malaysia pada 12 Julai 1994. Aku sekeluarga akan menaiki pesawat terbang dari Guangzhou di provinsi Guangdong ke Kuala Lumpur dan Cikgu Mohd. Jamil sekeluarga akan bertolak dengan pesawat terbang dari Beijing ke Kuala Lumpur pada hari yang sama. Jadi kami akan bertemu di Lapangan Terbang Subang Kuala Lumpur pada hari yang sama.

Sebenarnya permohonan kami untuk pulang ke Malaysia mengambil masa sepuluh tahun, bermula pada 1985. Kerajaan Malaysia telah memaklumkan alasan yang urusan itu mengambil

masa sampai sepuluh tahun barulah diizinkan pulang. Kami tidak mahu mengetahui lebih jauh lagi tentang alasan kerajaan itu kerana kami amat bersyukur dan amat gembira setelah dibenarkan pulang. Selama sepuluh tahun itu pihak pegawai Kedutaan Malaysia di Beijing telah bertukar sebanyak tiga kali. Pada 8 Jun 1985 aku, Ibrahim, anakku Jamaluddin dan cucuku Suriya telah bertemu dengan Encik Zainal, Kuasa Usaha Kedutaan dan Encik Hasnan, Setiausaha Pertama Kedutaan di kediamannya di kawasan perumahan para diplomat di Beijing. Kali kedua aku, Ibrahim dan cucuku Suriya telah bertemu dengan Encik Hamid, Kuasa Usaha Kedutaan yang baru dan Encik Asmawar, Setiausaha Pertama Kedutaan pada 18 Disember 1989. Kali ketiga Ibrahim Mohamad, anakku Kamaruddin dan Jamaluddin dan cucuku Rosmaria telah bertemu dengan Encik Kamaruddin, Kuasa Usaha Kedutaan yang baru dan Encik Azlan, Setiausaha Pertama Kedutaan. Demikianlah selama sepuluh tahun itu pegawai-pegawai kedutaan Malaysia di Beijing telah bertukar tiga kali.

Dalam dua kali pertemuan kami dengan pegawai Kedutaan Malaysia, kami telah menjelaskan dengan panjang lebar sejarah perjuangan kami yang berjuang melawan penjajah British. Anakanak Melayu yang masuk tentera dan polis adalah kerana makan gaji dan dijadikan mangsa perang menindas perjuangan rakyat. Kami tidak bermusuh dengan mereka. Sejak 1968 kami pula tidak lagi menjadi anggota PKM, tidak lagi melawan atau mengangkat senjata. Kami berharap kerajaan Malaysia mengambil dasar yang bertolak ansur, dasar murah hati dan pengampunan yang mempunyai erti politik yang besar dan menguntungkan, tidak memaksa orang menyerah diri. Memang inilah dasar dan sikap Dr. Mahathir terhadap kami. Kami tidak ditahan, cuma ditempatkan di tempat peranginan pegawai Kerajaan sepuluh hari untuk berehat menyesuaikan diri dengan iklim di Malaysia. Kami tinggal bersama dan makan bersama-sama dengan pegawai dan anggota Polis Cawangan Khas yang menjaga kami dan diberi peluang melawat tempat yang penting di kawasan itu. Setelah sepuluh hari, kami dua keluarga iaitu keluarga Shamsiah dan keluarga Mohd. Jamil dibenarkan pulang ke pangkuan keluarga dengan penuh kebebasan tanpa syarat. Hak kami dan anak-anak sebagai warganegara Malaysia dipulihkan. Dalam sebulan kami telah dapat kad pengenalan biru iaitu kad pengenalan warganegara Malaysia. Semuanya diatur dengan arahan Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad. Cuma tidak diberi rumah dan tanah dan wang elau hidup.

Pada musim panas tahun 1980 di China adalah musim cuti sekolah sebulan. Anak ketiga aku iaitu Jamaluddin telah berkunjung ke Beijing di mana dia berkesempatan bertemu dengan Musa Ahmad. Musa mengatakan yang dia hendak balik ke Malaysia dan menyuruh Jamaluddin mengambil apa saja buku-buku yang dia mahu di almari bukunya kerana dia tidak memerlukannya lagi. Dia menghadiahkan dua buah radio transistornya kepada Jamaluddin. Dua orang anak perempuannya telah pun pulang ke Malaysia dan ditanggung oleh adik iparnya Osman Abadi, Timbalan Pengarang *Utusan Melayu* ketika itu.

Mendengar berita ini, kami merasa agak hairan bagaimana anaknya boleh balik? Kami pernah bertanya Musa bagaimana mereka boleh balik. Musa enggan memberitahu secara jelas. Kemudian ketika hendak pulang, Musa mengirim surat kepada kami menyatakan dia dan isterinya Zainab Mahmud akan pulang pada pertengahan Oktober 1980 melalui Hong Kong.

Sebenarnya Parti Komunis dan pemerintah China ada memberitahu kami yang mereka mengetahui yang Musa akan pulang dan mengetahui siapa yang menguruskannya. Mereka tidak mengambil tindakan. Kepulangan Musa Ahmad bukanlah suatu misteri seperti yang diheboh-hebohkan dan tidak ada tembok besi di China. Sebenarnya Musa pulang diatur oleh Kerajaan Malaysia menerusi pihak kedutaan Malaysia di China. Menurut Mohd. Jamil, Musa selalu berhubungan dengan pegawai Kedutaan Malaysia di Beijing.

Walaupun kami dianggap orang yang mendapat perlindungan politik di China, kami dipandang sebagai tamu asing. Kami dikategorikan sebagai orang yang tidak mempunyai warganegara. Demikian ditulis dalam kad penduduk tetap orang asing kami di China. Inilah yang amat mendukacitakan kami. Kami merasa terhina dan tidak tenteram apabila kami dikatakan orang yang tidak mempunyai warganegara.

Berkali-kali kami usulkan supaya taraf ini diubah tetapi pihak China enggan mengubahnya kerana sebab-sebab politik. Ini juga satu faktor penting yang membuat kami hendak pulang ke negeri sendiri. Kami datang ke China bukan dari atas langit tetapi datang dari Malaya. Anak-anak kami terus mendesak supaya kami berusaha mencari jalan untuk pulang. Mereka mahu ada negeri dan ingin melihat negeri sendiri.

Kami juga memohon jasa baik pejabat perhubungan luar JKP Parti Komunis China untuk membantu agar kami boleh pulang. Mereka tak beri jawapan. Kami juga meminta Kementerian Luar

China untuk membantu tetapi mereka juga tidak memberikan jawapannya. Kami berpegang teguh kepada pendirian berjuang dalam jangka panjang. Akhirnya wujud perdamaian pada 2 Disember 1989 dan ini mencerahkan harapan kami mahu pulang. Bagaimanapun, setelah tamat perang saudara selama lima tahun dan menunggu selama sepuluh tahun barulah kami dibenarkan pulang pada tahun 1994.

Apabila menerima berita kami diizinkan pulang, kami amat terharu atas keputusan adil dan bijaksana dari Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad. Kami bersyukur kepada Tuhan serta merasa teramat gembira sehingga beberapa malam tidak boleh tidur dan terpaksa makan ubat tidur. Sungguh ingin benar kami hendak menjejakkan kaki kami di bumi tanah air yang tercinta yang aku tinggalkan selama 37 tahun. Betapa inginnya kami menghirup udara segar tanah air dan bertemu dengan kaum keluarga yang telah terpisah selama 46 tahun lamanya. Begitulah prosesnya dan keadaan di sekitar yang memperkuat hasrat aku sekeluarga mahu pulang. Pendirian aku mahu pulang adalah tegas dan teguh.

Akhbar di Malaysia melaporkan pada 1 April 1992 bahawa Panglima Angkatan Tentera Darat Malaysia, Jeneral Tan Sri Yaacob Zain mengatakan yang "Beberapa orang pemimpin Parti Komunis Malaya (PKM) menyatakan pendirian tidak akan pulang ke negara ini (Malaysia) bagi menjalani kehidupan baru." Beliau mengatakan bahawa aku sudah memutuskan untuk terus menetap di Beijing, China.

Aku dengan tegas menolak kenyataan Jeneral Tan Sri Yaacob itu. Kenyataan aku itu telah disiarkan oleh *Utusan Malaysia* di ruangan 'Surat Dari Pembaca' bertarikh April 1992. Aku mengatakan bahawa pulang ke negeri sendiri adalah hak asasi manusia yang diakui oleh masyarakat antarabangsa. Tekad aku hendak pulang ke tanah air tidak berganjak, kata mesti dikotakan. Kenyataannya, rakyat Malaysia boleh memilih corak pemerintahannya sendiri.

* * *

Kapal terbang yang membawa aku sekeluarga sampai di Lapangan Terbang Subang Kuala Lumpur pada pukul enam petang lebih. Sementara Cikgu Mohd. Jamil Mialam sampai kira-kira pukul 10.00 malam.

Di lapangan terbang kami disambut oleh pegawai dan anggota Polis Cawangan Khas dan seterusnya kami dua buah keluarga dibawa ke suatu tempat peranginan yang dirahsiakan. Kami diatur untuk berehat dan menginap di situ selama sepuluh hari untuk memberi laporan dan keterangan. Selama di tempat penginapan ini kami dilayan dengan baik dan pihak pegawai cawangan khas itu bersikap sopan santun dan berbudi bahasa.

Sebenarnya aku dapat kembali ke tanah air setelah ditandatangani Perjanjian Perdamaian Malaysia dengan PKM pada 2 Disember 1989. Aku pulang atas nama sendiri bukan atas nama PKM dan bukan keluar dari hutan tetapi dari negeri China dengan pasport Malaysia.

Sewaktu di tempat penginapan itu, kami telah bertemu dengan Datuk Megat Junid (sekarang Tan Sri), Timbalan Menteri Dalam Negeri dan Datuk Norian Mai (sekarang Tan Sri) iaitu Pengarah Polis Cawangan Khas serta beberapa orang pegawai tinggi polis dan pegawai dari Kementerian Dalam Negeri.

Pada 22 Julai 1994 polis telah menjemput adikku Haji Ramli, Darwisah dan anak saudaraku Basri datang menemui kami dan untuk membawa kami pulang ke Gombak iaitu tempat aku sekeluarga akan menginap. Pada petang 22 Julai itu kami selamat sampai ke Gombak dan seterusnya bersatu kembali dengan sanak saudara setelah berpisah selama 46 tahun.

Setelah berada di tanah air, antara rakan-rakan seperjuangan masa lampau yang telah datang ke rumahku di Gombak untuk menemui aku ialah Datin Sakinah Junid (isteri Datuk Asri). Aku dan Ibrahim juga telah pergi ke rumah Aisyah Hussein (isteri Ishak Haji Muhammad) di Ulu Langat.

Pada 23 Julai 1994 pada hari aku sekeluarga berada di Gombak, akhbar *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian* telah menyiaran berita kepulangan aku sekeluarga dan Cikgu Mohd. Jamil Mialam sekeluarga.

Seterusnya beberapa hari kemudian Persatuan Bekas Polis dan Persatuan Bekas Tentera Malaysia telah membuat kenyataan akhbar yang meminta ahli-ahlinya supaya tidak memusuhiku. Memang benar beberapa orang anggota polis dan tentera yang aku temui telah memperlihatkan sikap bersahabat dan bertegur sapa secara ramah dan berjabat salam. Ada antaranya kenal dengan rupa parasku dan secara tiba-tiba menegur aku. Sikap terbuka dan pengertian baik mereka ini sangat aku hargai.

Seorang ketua inspektor Polis Cawangan Khas bernama "Ha" yang mendampingi aku, membisikkan kepada adik kandungku

Darwisah, bahawa dia mulanya merasa benci dan marah kepadaku. Tetapi apabila telah berada beberapa waktu bersama-sama, beliau merasa kasihan dan merasakan diriku seorang tokoh wanita yang patut dihormati.

Encik Michael Khoo seorang pegawai tinggi Cawangan Khas memanggil aku Kak Shamsiah dan bersikap ramah dan mesra. Semua pegawai dan anggota polis Cawangan Khas di tempat penginapan pertama kami menyapa aku sebagai Makcik Shamsiah dan menyapa Ibrahim sebagai Pakcik Ibrahim atau Pak Ibrahim.

Sewaktu kami dalam kawalan para pegawai dan anggota Cawangan Khas, mereka telah menderma RM400.00 kepada kami sekeluarga. Wang itu diambil dari tabung simpanan kebajikan mereka. Pasukan Cawangan Khas ini pada zaman penjajah amatlah kami benci kerana mereka adalah anjing penjajah yang digunakan untuk membasmi pejuang-pejuang yang dilabelkan sebagai anasir subversif terutamanya ditujukan kepada orang Komunis.

Sewaktu tinggal bersama-sama kami di tempat penginapan khas, mereka kelihatan bersikap sopan santun dan berbudi bahasa. Dalam ucapannya ketika diadakan Majlis Pertemuan dengan Datuk Megat Junid dan Datuk Norian Mai, Ibrahim yang mewakili dua buah keluarga yang pulang telah memuji sikap baik pihak anggota Cawangan Khas itu yang sudah berubah menjadi pasukan Polis Cawangan Khas sebuah negara yang Merdeka. Kami berharap sikap ini dapat berjalan terus menuju ke arah yang lebih baik lagi.

Seorang pegawai tentera berpangkat kapten yang berpangkalan di Kluang, Johor, orang kampung halaman Ibrahim telah menghadiahkan sebuah cenderamata berupa wang syiling peringatan perak kepada aku dan Ibrahim. Syiling peringatan Bank Negara Malaysia itu meletakkan potret DYMM Sultan Ahmad Shah iaitu Yang Di-Pertuan Agong. Wang itu bertarikh 24 Januari 1984. Menurut kapten itu, wang syiling perak itu disimpannya untuk dihadiahkan kepada orang yang difikirkan sesuai. Syiling itu disampaikan pada waktu kami pulang menziarahi kampung halaman Ibrahim di Kluang pada Ogos 1994. Hadiah itu diberikannya kerana dia mengagumi semangat juang yang gigih seorang wanita Melayu yang sudah tua dan uzur dan tinggal lama di luar negara, bukan kerana dia seorang Komunis.

Sebenarnya anggota polis dan tentera memang tak perlu berdendam dengan aku kerana sepucuk pistol dan sebutir bom tangan yang aku pakai dalam hutan dahulu itu tidak pernah meletup dan tak sebutir peluru pun yang membunuh polis atau

tentera kerajaan. Sebaliknya akulah yang terkena hujan peluru mereka. Aku diberi kehormatan memakai sepucuk pistol dan sebutir bom tangan oleh Sentral Komiti PKM untuk menghormati seorang ketua Angkatan Wanita Sedar (AWAS) iaitu seorang wanita Melayu. PKM takut nama baiknya akan terjejas jika aku didapati mati dan musuh mendapati aku tidak ada pistol atau senjata api. Begitulah penjelasan Musa Ahmad kepada pasukan Rejimen Ke-10 selaku Pengerusi PKM. Sebenarnya aku tidak layak memakai pistol, yang layak memakai pistol ialah kader tingkat Komiti Daerah atau Komiti Kawasan. Aku tak layak memakai pistol kerana hanya di tingkat anggota komiti cawangan sahaja. Di sebalik itu ada cerita kononnya aku dikatakan kejam menembak, membunuh orang di sana-sini dan dikatakan kebal tak lut peluru dan boleh menghilangkan diri. Sungguh karut!

Setelah pulang ke tanah air ada beberapa orang bekas polis dan tentera yang menemui aku meminta aku mengajar ilmu itu kepada mereka. Dengan jujur aku memberitahu mereka bahawa itu adalah karut semata-mata. Tak mungkin aku lebih berkuasa daripada Tuhan. Umurku panjang kerana anugerah Tuhan. Demikianlah halnya.

Di sini ingin juga aku mengabadikan rasa terima kasihku kepada jurufoto profesional H.T. Lee yang telah sudi merakamkan potret-potretku dengan 'mood' yang begitu baik sekali. Terima kasih juga kepada mana-mana jurufoto yang fotonya kuabadikan di dalam memoir ini. Rasanya tidak lengkap jika aku tidak merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah banyak membantuku sehingga lahirnya memoir ini.

Sekianlah riwayat ringkas diriku yang terdaya aku ceritakan dan telah selesai ditulis pada 17 Jun 2002.

Indeks

- Abdul Ghani 27
Abdul Munir 20
Abdul Razak 124
Abdul Samad Idris 63, 85
Abdullah C.D.
 anggota Markas Besar 117
 kader Melayu 55
 pemimpin dan aktivis PKMM
 35
 pemimpin PKM 115
 Rejimen ke-10 66, 117
Abdullah Sudin 91, 98, 102
Ahmad Badawi 84
Ahmad Boestamam 35, 41-42, 55
Ahmad Yani 108
Audit, D.N. 101
air lemonad 105
Aishah Ghani 64
Ali Ibrahim 50
All Malayan Council of Joint
 Action (AMCJA)
 bersama John Eber 43
 gabungan persatuan 102
 gagasan Persekutuan Tanah
 Melayu 49
 sejarah perjuangan 49
anggota 111
Angkatan Pemuda Insaf Malaya
 (API) 12, 36, 48
Angkatan Wanita Sedar, Malaya
 (AWAS) 16, 36-38
 ketua 12
Annas Karim 111
antikomunis 64
antiparti 118
antisemboyan 'Merdeka' 31
Asal 82
Atom Mon 50
Azahari, A.M. 93
- Badan Kerjasama Untuk
 Kemerdekaan Sejati
 Malaya 103
Barisan Tani Se-Malaya (BATAS)
 48
- Beijing
 Jawatankuasa Pusat PKM 90
 Kedutaan Malaysia, 126-27
 menunggu penumpang 100
 Persidangan KIAPMA 109
 radio 12, 97
 rombongan 95
 siaran bahasa Melayu 104,
 125
berudu 76
Bintang Persahabatan 97
Bizar Ahmad 104
buah susu 68
Burhanuddin Al-Helmy
 ketua 30, 36
 pemimpin utama PKMM 35,
 52
 penasihat agung PKMM 47
- Chang Ling Yun 81, 90
Chen Ping 116
Chen Tien (Chin Tian) 114
China 74, 124, 130
Chua Soo Cheng @ Maria 119
- Darurat
 diisyitihar, undang-undang
 16, 47, 49
 ditangkap 119
 keadaan 89
 pengumuman 54-55
 undang-undang diperketat
 86
- Darwisah 15

- Dato' Onn 30
 De Gerald Cruz 49
Dewan Masyarakat 12, 41-42
 Dinas Inteligen Angkatan Bersenjata (DINSAB) 104,
 111
 dresar 66
- Eber, John 43
 emansipasi wanita 44
 Eu Chooi Yip
 anggota PKM 119
 isteri 112-113
 kader PKM di Indonesia 98
 Konferensi Setiakawan Rakyat Asia-Afrika 110
 pembubaran Liga 115
 situasi tegang di Indonesia 107
 timbalan ketua 91, 102
- fakta sejarah 123
 Fasis Jepun 29, 62
 Fatimah 15
 Fatini Yaacob 12, 41-42
 front 49
- gagasan MAPHILINDO 105
 Gagasan Pelembagaan Rakyat 49
 Gerakan 30 September 109
 Gerakan Angkatan Muda (GERAM) 48
 Gerakan Kemerdekaan Malaya di Indonesia 109
 gerakan nasionalisme 34
 Gerakan Wanita Indonesia (GARWANI) 104
 Ghafar Baba 84
 Goh Keng Swee 119
- Haadyai 12, 90, 122, 125
Harian Rakyat 108
 Hartal 49
 Hashim Ali 122
 Hashim Ghani 29
- haversack* 60-61
 Hotel Chin Si 114
 'Hotel Merdeka' 35
- Ibrahim Baba 50
 Ibrahim Chik 81-82
 Ibrahim Mohamad Ani (nama lain) 83
 bertemu di hospital 119
 bertemu Mohamad Amin 94
 bertemu pemimpin Parti Nahdatul Ulama 104
 ketua kumpulan 89, 91
 Konferensi Setiakawan Rakyat Asia-Afrika 110
 laporan 114
 menetap di provinsi Hunan 95
 pakar 97
 pergolakan dalaman PKM 116
 pimpinan PKM 101
 rakan seperjuangan 86
 sesat 75
 sidang akhbar 102
 suami Shamsiah 83 *lih. juga* Shamsiah Fakéh
 surat tulisan jawi 105
 tinggal di asrama PKM Beijing 115
 ucapan tahniah 106
 Ibrahim Yaakob 93, 103
 Ishak Haji Muhammad 30, 35,
 48
 Islamic High School 18
- Jamaluddin 11 *lih. juga* Shamsiah Fakéh
 menginap, mengurus,
 bertugas 120
- kader veteran 94
 Kamarulzaman Teh 46-47, 50, 55
 Kampung Baru 44
 Kampung Gemuruh 15, 30
 Kampung Kepis 20, 23

- Kampung Lubuk Kawah 52, 55
 Kampung Persahabatan 117
 Kassim 104
 Kedutaan Malaysia di Beijing 11, 125-28 *lih. juga* Beijing
 Kem Kurungan Lamai 62
 Kem Se-Malaya 53, 55
 kerajaan Barisan Nasional 121, 124
 Kerajaan Malaysia 8, 11-12, 87, 120, 126-28
 kesedaran wanita 36
 kesetiaan perjuangan 62
 Ketua Perwakilan Liga Pembebasan Nasional Malaya 105, 119
 Komunis
 fahaman 64
 pengganas 62, 88
 Konferensi Internasional
 Menyokong Rakyat Vietnam 97-98
 Kongres Kedua 38
 Kongres PETA 50
 Kuala Pilah 18, 21, 23, 25, 27-31, 100
 kubu kuat organisasi PKMM 50
 kumpulan lima 116
 Lebai Maadah 19
 Liga Pembebasan Nasional Malaya 101, 119
 Liu Tak 118
 Liu Yit Fan 119
 Madrasah Aliyah Islamiah 18
 Madrasatul Alimiah Padang Panjang, Sumatera 18, 30
 Mahathir Mohamad
 izin pulang 122
 keputusan 129
 perubahan dasar kerajaan 124
 UMNO sekarang 55
 Malay Nationalist Party (MNP) 30
 Malayan Chinese Association 49
 Malayan Demokratik Union (MDU) 48
 Malayan People's Anti Japanese Army (MPAJA) 23
 Mao-Tze-Dong 95, 118
 Markas Agung TPBM 66
 Marxism-Leninism 117-18
 Mat Indera 86
 melancong ke Malaya 124
 menghadiri Sidang Internasional 110
 Merdeka 59, 63
 merdeka dengan darah 43
 Mohammad Maadah Layang 19
 Mohd. Jamil Mialam 12, 83, 116, 119
 Mohd. Nasir 15
 Mohd. Nasiruddin 16
 Mohd. Nur 15
 Mohd. Ramli 15
 Musa Ahmad 72
 bertemu Shamsiah 129
 isteri 46, 117
 keputusan parti 75
 Pegawai Politik 66
 pimpin PKMM 32-36, 52
 pengerusi PKM 121, 132
 pulang melalui Hong Kong 128
 wakil ke China 97
 Nathan 118
 Nikita Khrushchev 117
 Noraini 20
 Nur Aminah 15
 Nurbaiti 15
 Nyoto 100
 Organisasi Setiakawan Rakyat Asia-Afrika Vietnam 114
 Osman 76-77
 Panggung Queen, Kajang 46
 Parti Barisan Nasional 124

- Parti Kebangsaan Melayu
 Malaya (PKMM) 47
 bekas ahli 104
 di Batu Road 34
 dianggap kiri 29, 31
 jabatan buruh, tani,
 agama dan sosial 38
 Jawatankuasa Pusat 36, 39,
 47
 kongres 38, 47
 pengharaman 54
 termasuk bahagian wanita
 dan pemuda 36-37
- Parti Komunis China (PKC) 94
- Parti Komunis Indonesia (PKI)
 54, 100-101
- Parti Komunis Malaya (PKM)
 anggota lama 119
 asal 117
 bersenjata 112
 mengangkat senjata 47
 pembukaan Kongres 46
 perjanjian damai 12
 revolusioner 117
 terhenti perjuangan 119
 tertubuh 48
 wakil 46
- Parti Komunis Malaya Marxis-Leninis 116-17
 parti politik sayap kiri 31
 pasukan 63
- Pasukan Bintang Tiga 22-23
- Pejabat Inteligen 111
 pekerja massa 76
 Pelangai 21, 23
 pemerintah Orde Baru 109
 Pencinta Tanah Air 81
 Pengawal Merah 118
 penisilan 60, 76
 penjajah 59
 Penubuhan PETA 50, 54
 Perang Dunia Kedua 29
 Perang Dunia Ketiga 95
 perarakan perwakilan pemuda
 peserta kongres 51
- Perdana Menteri Vietnam, Pham Van Ding 98
 pergolakan dalaman 116
 perintah berkurung 109
 Peristiwa Bukit Kepong II 86
 Peristiwa Padang Piul 67
 peristiwa penyerahan diri 70
 Perjanjian Damai Haadyai 12,
 119, 122
 perjuangan bersenjata 57, 59
 akbar 119
 bersama Wahi Anuwar 66
 lih. juga Wahi Anuwar
 dilancarkan 84
 melawan penjajah British 16
 meletus di seluruh Malaya 65
 peristiwa 20 Jun 1948 105
 pimpinan PKM 61
 situasi 103
 terhenti 123
 terkorban 64
- Persatuan Kebangsaan Melayu Bersatu (PEKEMBAR) 30
- Persatuan Kebangsaan Melayu Malaya (PEKEMAM) 35
- Persatuan Pemuda Malaya 103-104, 108-109
- Persidangan KIAPMA 109-110
 pertubuhan wanita progresif 37
 Phnom Penh 113
 Presiden Ho Chi Minh 114
 propaganda British 74
 Putus Tenaga Rakyat (PUTERA)
 48, 102
- Rabiah (Arbi) 15
 Rabitah 41-44
 Radio
 Beijing 12
 revolusi Malaya 117
 siaran antarabangsa 97
 siaran bahasa Melayu 104
 sulit 111
- Rahimah 81
 Ramli 17

- Rashid Maidin
 ditangkap 55
 kader Melayu peringkat
 pusat 53, 55
 Rundingan Baling 50, 122
 wakil terbuka PKM 54
- Rejimen Ke-10 82
 revisionisme moden 117
 Revolusi
 Baru Kebudayaan 117-18
 Besar Kebudayaan 116
- Rohani 11
 rokok keretek 105
 Rumah Merdeka 35
 Rusdi, J.M. 25-26 *lih. juga*
 Shamsiah Fakeh
- S. Roomai Noor 64
 Saamah Nonggok 15-16
 sayap kiri 66
 sebungkus nasi lemak seorang
 112
- Sekolah Agama Rahmah
 al-Yunusiah 18, 30
- Sekolah Melayu Kampung Parit
 18
 semboyan 'Hidup Melayu' 30, 84
 semboyan 'Merdeka' 13, 30, 84
 senjata api 57
 Serada 119
 Shamsiah Fakeh
 anak 70-71
 anak kami, Jamaluddin 120
 lih. juga Jamaluddin
 bapa 15-17, 34, 121
 Fakeh Godang 15
 Fakeh Sultan Sulaiman
 15
 bercerai 20-21
 bercerai dengan Ahmad
 Boestamam 43
 berhenti belajar agama 29
 berita kematian ibu 16
 bermadu 40
- bernikah dengan Ahmad
 Boestamam 40-41,
 44 lih. juga Ahmad
 Boestamam
 bernikah dengan Ibrahim 83
 lih. juga Ibrahim
 Mohamad
 bernikah dengan Rusdi, J.M.
 25-28 *lih. juga* Rusdi, J.M.
- bernikah dengan Wahi
 Anuwar 55 *lih. juga*
 Wahi Anuwar
- bernikah dengan Yasin 19,
 22 lih. juga Yasin Kina
- berpidato 37
 bertemu dengan Rashid
 Madin 81 *lih. juga*
 Rashid Maidin
- di China 94, 124
 dilahirkan 15
 dilantik menjadi Ketua
 AWAS 46
 diselamatkan 117
 ditindas hebat 116
 hadir Konferensi Vietnam 98
 hamil 67
 ingin pulang 11
 kehidupan dalam hutan 59
 keizinan pulang ke tanah air
 129
 kembali ke Malaysia 64, 124,
 126
 masuk hutan 55-56, 62, 65-
 66, 85, 94, 119
 melahirkan 91
 melanjutkan pelajaran 18
 melerikan diri 58
 melawat Vietnam 114
 membawa anakku keluar 68
 memuntahkan isi hati 119
 menerima dokumen di
 Beijing 91
 menginap di Wisma Warta
 100

- menjadi anggota PKM 53
 mulai aktif menceburkan
 diri dalam gerakan
 nasionalis 32
 pejuang di dalam hutan 123
 pemimpin wanita Melayu 37
 perjalanan ke Sempadan
 Malaysia-Thailand 82
 perjalanan, ibu pejabat,
 ditangkap, stesen radio
 113-18
 pindah ke propinsi Hunan 95
 sesat 57, 59, 66, 70, 75-77
 Shamsiah Sutan 25
 terus menetap 129
 ucapan 33
 Sharma, P.V. 109, 115, 119
 Siao Mien 98-99
 Soekarno
 melantik panglima baru 108
 menganyang Malaysia 100
 menukar menteri
 persidangan antarabangsa 92
 persidangan KIAPMA istana
 112
 Sugomo 113
 Suriani 117
 Suriya 11
 Suroso 99
 Tan Cheng Lock 48-50
Tanah Air 103
 Tentera Bintang Tiga 23
 Tentera Pembebasan Nasional
 Malaya (TPNM) 63, 65, 86,
 105, 119
Testament Politik API 42-43
 Timbalan Ketua Perwakilan 102
 Tunku Abdul Rahman 50, 122
 ubi gadung 76
 UMNO
 ceramah, perjuangan, fitnah,
 30-32
 pemuda 84-85
 pengganas 86
 slogan, berjuang secara
 berpelembagaan 55
 tokoh veteran 63
 Undang-undang Darurat 66
 United Front 13
 Untung 108
Utusan Malaysia 11, 16
Utusan Melayu 16, 33
 Wahi Anuwar
 anak dengan Shamsiah 73
 anggota PKM 53-54
 bernikah dengan
 Shamsiah 55-56, 73 lih.
 juga Shamsiah
 berpisah 69
 bertemu dan berpisah 67
 hujan peluru 73
 ketua PETA 50
 komander 66
 pemimpin PKMM 46
 petugas pusat PKMM 52
 Yasin Kina 19-20, 22 lih. juga
 Shamsiah Fakeh
 Zahid Karim 31
 Zainab Mahmud 46, 52-53, 55-
 56, 116-117, 128
 zaman Konfrontasi 100
 Zambia, Nyasaland 62